

JABATAN ANTROPOLOGI-SOSIOLOGI UNIVERSITI MALAYA

SATU PERSPEKTIF POLITIK DESA

MASYARAKAT TANI

SUNGAI LOKAN

LATIHAN ILMIAH UNTUK

MEMENUHI SYARAT-SYARAT IJAZAH B.A.

DALAM PENGAJIAN ANTROPOLOGI SOSIOLOGI

OLEH

MOHD. HUSIN BIN MOHD. SHARIFF

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1973

PRA-KATA

Latihan ilmiah ini diusahakan kerana memenuhi kehendak Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya sebagai satu syarat yang wajib bagi peperiksaan akhir untuk ijazah B.A. Kajian ini berjudul 'Satu Perspektif Politik Desa Sungai Lokan'. Antara lain, kajian ini bertujuan untuk meneropong aspek-aspek kehidupan politik masyarakat tani Sungai Lokan dari perspektif sosiologi. Penekanan ditumpukan kepada manifestasi politik masyarakat ini untuk melihat kefahaman mereka dalam politik; tanggapan mereka terhadap parti-parti politik; tinjauan mereka terhadap rancangan-rancangan pembangunan ekonomi kerajaan dan juga konflik yang timbul dalam masyarakat ini akibat kelainan ideologi parti yang mereka anuti.

Kajian ini dapat dihasilkan dengan bantuan dan kerjasama Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya yang telah memberi sedikit wang untuk kos penyelesaikan ini. Walau pun bantuan yang terhad itu tidak dapat menampung seluruh perbelanjaan kajian ini tapi sumbangan tersebut sangat-sangat dihargai kerana dapat mengurangkan sedikit perbelanjaan penulis.

Penulis terhutang budi kepada Saudara Lim Mah Hui, seorang pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya atas kesudian beliau menjadi pengawas

kapada penulis dalam rangka penyelenggaraan kajian ini. Banyak nasihat dan teguran-teguran yang konstruktif yang diberikan beliau kapada penulis dalam proses penulisan dan struktur kajian ini. Penulis berterima kasih kapada-nya kerana sudi melapangkan masa untuk membaca dan mene-liti serta memberi komen-komen yang berharga yang memung-kinkan terhasilnya graduation exercise ini.

Terima kasih juga ditujukan kapada Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, Saudara Dr.Syed Husin Ali dan seluruh kakitangan Jabatan ini yang mana sedikit sebanyak turut membantu persiapan kajian ini.

Penulis juga terhutang budi kapada seluruh penduduk Sungai Lokan atas kerjasama dan kemesraan yang mereka berikan kapada penulis dalam process penyelidikan di kawasan mereka. Di sini penulis suka merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kapada seluruh penghuni desa Sungai Lokan khasnya kapada Penghulu Chik bin Abdul Hamid yang mana tanpa kerjasama mereka mustahil kajian ini dapat dihasilkan.

Penulis juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kapada Pejabat Daerah Butterworth, Jabatan Penerangan Butterworth, Jabatan Pilihanraya Pulau Pinang dan Jabatan Ukur Pulau Pinang di atas kooperasi mereka yang mana sedikit sebanyak sumbangan daripada mereka itu telah membolehkan penyudahan latihan ilmiah ini.

Akhir kata, segala pendapat yang ternukil dalam kajian ini dan juga segala kekurangan, kesilapan atau pun

'lack of judgement' yang terdapat dalam kajian ini, semuanya adalah ditanggung oleh penulis sendiri.

Universiti Malaya,
Kuala Lumpur,
1973.

MOHD.HUSIN BIN MOHD.SHARIFF

K A N D U N G A N

Muka Surat

PRA-KATA	iv
----------	-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----	----

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

Tujuan dan Batas Kajian	1
Metode Kajian	6
Masalah Kajian	10
Latar Belakang Sejarah Sungai Lokan	13

BAB KEDUA

ORGANISASI SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK

Latar Belakang Geografi Sungai Lokan	16
Masyarakat Tani Sungai Lokan	22
Pimpinan Masyarakat Tani	26

BAB KETIGA

PERSPEKTIF POLITIK DESA	31					
Penyertaan Dalam Arena Politik	32	
Kefahaman Politik	41
Pengaruh Mass Media Terhadap Kesedaran Politik..	51					
Sikap Masyarakat Terhadap Parti-Parti Politik...	57					
Tanggapan dan Persepsi Terhadap Pemerintah	...	65				

Muka Surat

BAB KEEMPAT

SATU INTERPRETASI EKONOMI - POLITIK DESA	71
Dasar Ekonomi Baru Dan Matalamatnya	73
Dilema Kemiskinan Di Kalangan Petani	90
Saranan Ke Arah Pembangunan Tani... ...	99

BAB KELIMA

POLITIK DAN KONFLIK SOSIAL	105
Pertikaian Faham U.M.N.O - PAS Sungai Lokan.. ...	107
Punca-Punca Ketegangan Sosial	114
Fertentangan Nilai..	122
Coalition Politik Dan Kesannya	128

BAB KEENAM

PENUTUP... ...	134
----------------	-----

LAMPIRAN A	47
LAMPIRAN B	48
LAMPIRAN C	92
LAMPIRAN D - SOAL SELIDIK/QUESTIONNAIRE ...	143
KEPUSTAKAAN/BIBLIOGRAFI... ...	155

SENARAI JADUAL

Muka Surat

	Muka Surat
I Taburan Kawasan-Kawasan Daerah Butterworth.	17
II Komposisi Dan Bilangan Penduduk Butterworth.	18
III Taburan Penduduk-Penduduk Mengikut Gulungan Kumpulan Masyarakat Bagi Mukim 10 Dan Mukim 6.	20
IV Latar Belakang Pendidikan Responden Sungai Lokan.	34
V Bilangan Peserta Aktif Mengikut Kumpulan Umur.	36
VI Kesedaran Tentang Rancangan-Rancangan Bantuan Ekonomi Kerajaan.	42
VII Pengenalan Terhadap Pemimpin-Pemimpin Politik.	45
VIII Dasar-Dasar Pemilihan Wakil Rakyat.	49
IX Pengaruh Mass Media Terhadap Masyarakat Tani.	52
X Kekerapan Membaca Surat Khabar.	54
XI Faktur Yang Mendorongkan Pemilihan Parti U.M.N.O.	59
XII Tanggapan Terhadap Parti-Parti Pembangkang.	63
XIII Alasan Yang Kerajaan Menitik Beratkan Penduduk-Penduduk Luar Bandar.	67
XIV Sikap Dan Pandangan Terhadap Rancangan Penyusunan Semula Masyarakat.	77
XV Luas Milik Tanah Sawah Di Kalangan Household Melayu Kawasan Sungai Lokan.	81

Muka Surat

XVI	Hitong Panjang Pendapatan Sebulan Bagi Responden-Responden Sungai Lokan.	86
XVII	Hak Milik Saham Modal Syarikat-Syarikat Berhad Malaysia Barat 1969.	88
XVIII	Status Milik Tanah Sawah Petani-Petani.	94
XIX	Perbelanjaan Ke Atas Serelung Tanah Sawah.	94
XX	Punca-Punca Ketegangan Sosial.	118
XXI	Sikap Terhadap Pembentukan Kerajaan Bercampur.	129

BAB SATU
PENDAHULUAN
TUJUAN DAN BATAS KAJIAN

Kajian tentang Satu Perspektif Politik Desa Sungai Lokan merupakan satu kes studi yang penulis lakukan di sebuah kampung yang letaknya lima batu dari bandar Butterworth. Dalam kajian ini penulis tidak akan membicarakan aspek teori-teori politik secara khusus tapi apa yang lebih penting ialah bahawa kajian ini adalah satu kajian praktikal di sebuah komuniti Melayu kawasan Sungai Lokan di Butterworth.

Penyelidikan ke atas masyarakat tani di luar bandar kurang mendapat perhatian yang wajar daripada social scientists. Kita tidak seharusnya melupai hakikat bahawa masyarakat tani adalah sebahagian daripada masyarakat dan tamadun manusia yang lebih besar dan dari segi geografis mereka ini mendiami kawasan-kawasan di luar bandar. Mereka merupakan satu tenaga politik atau kalau dipandang dari batas geografisnya, mereka merupakan satu 'political distinctiveness' yang dapat menentukan turun atau naiknya sesuatu pemerintahan. Pengaruh dan kekuatan mereka dalam bidang-bidang hidup seperti ekonomi, politik, dan sosial dirasai amat significant.

Menurun Shanin,

" Day by day the peasants make the economists sigh, the politicians sweat, the strategists swear, defeating their plans and prophecies all over the world - Moscow and Washington, Peking and Delhi, Cuba and Algeria, the Congo and Vietnam." (1)

Pada umumnya didapati pengaruh politik masyarakat tani adalah kurang berkesan dan ini disebabkan oleh kemunduran asas sosio-politik mereka. Sungguh pun begitu masyarakat tani maseh mempunyai kekuatan sosio-politik pada bahagian-bahagiannya yang tertentu misalnya menjadi pengeluar makanan yang utama, tersebar di kawasan-kawasan luar bandar dan dari segi demografi mempunyai kekuatan dari segi bilangan.

Oleh kerana tertarek untuk mengetahui kehidupan politik masyarakat tani dalam hubungannya dengan aspek-aspek sosial dan ekonomi, maka penulis memberanikan diri untuk melakukan kajian dalam soal-soal ini. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap kesedaran politik orang-orang Melayu di peringkat kampung. Kajian tentang aspek ini dirasai penting kerana ia merupakan satu aspek dari politik nasional bagi negeri kita yang sedang membangun ini.

Penulis akan cuba memecahkan beberapa persoalan politik masyarakat tani Sungai Lokan. Penekanan akan ditumpukan kapada:-

(i) Penglibatan angguta-angguta masyarakat ini dalam politik nasional dengan melihat reaksi

(1)

Teodor Shanin, The Peasantary as a Political Factor,
(Sociological Review, Volume 24, 1966, No.1) m.s.5.

mereka terhadap perkembangan aktiviti-aktiviti politik yang berlaku dalam negeri ini.

- (ii) Pandangan dan tinjauan mereka tentang dasar-dasar ekonomi negara dan juga pengaruh politik terhadap pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat ini.
- (iii) Kesan politik terhadap cara hidup masyarakat ini dalam mewujudkan integrasi sosial.

Dalam kajian ini Perspektif Politik Desa akan mengarahkan secara khusus kepada persoalan yang berhubung dengan (1) sejauh mana masyarakat ini memandang berat tentang aktiviti-aktiviti politik dan juga aktiviti-aktiviti kerajaan (2) pandangan terhadap pemimpin-pemimpin politik dan kerajaan (3) sikap dan pandangan mereka terhadap parti-parti politik dalam negeri ini dan juga tentang dasar-dasar pembangunan kerajaan.

Walaupun sudah ada kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tentang aspek-aspek politik dalam negeri ini dan untuk menyebut setengah daripadanya terdapat umpama nya 'Communalism and the Political Process in Malaya' oleh K.J.Ratnam; 'Sistim Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat' oleh J.M.Gullick; 'Malayan Nationalism' oleh Professor Wong Gungwu dan beberapa buah buku lagi yang dikeluarkan oleh sarjana-sarjana tempatan dan juga orientalis-orientalis barat tapi pendekatan mereka adalah dari perspektif sejarah. Kajian oleh penulis-penulis yang disebutkan itu merupakan kajian-kajian yang bersifat extensive yakni

kajian-kajian dilakukan pada peringkat makro. Walaupun begitu kajian-kajian mereka itu dan beberapa orang yang lain telah memberi inspirasi yang banyak kepada penulis untuk mengkaji satu aspek daripada kehidupan masyarakat tani berhubung dengan politik dari perspektif sosiologi. Kajian yang penulis lakukan ini berupa kajian pada peringkat mikro dengan mengambil satu komuniti tani Sungai Lokan yang kecil sebagai pusat tumpuan penulis.

Secara konvensional orang berpendapat bahawa orang-orang Melayu adalah aktif dalam politik kalau dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan ras Tionghoa dan India yang menjadi sebahagian daripada penduduk Malaysia. Di samping itu ada juga pendapat yang mengatakan bahawa kuasa politik negeri ini adalah berada dalam tangan orang-orang Melayu. Kenyataan-kenyataan seperti ini dan yang lain-lain telah mendorongkan penulis untuk memeriksa kebenaran fakta-fakta tersebut dengan membuat satu studi ke atas masyarakat tani Sungai Lokan. Penulis tidak bermaksud untuk menbenarkan atau pun menidakkannya pendapat-pendapat umum itu. Pendapat-pendapat itu mungkin benar bagi masyarakat Melayu umumnya tapi apa yang menarik perhatian penulis ialah untuk menguraikan beberapa persoalan politik dan kaitannya dengan masyarakat tani. Dan untuk itu penulis terpaksa mulakan dengan mengemukakan beberapa hipotesa yakni:

- (1) Kesedaran terhadap perkembangan-perkembangan politik dalam negeri ini oleh masyarakat tani Sungai Lokan berkait rapat dengan (a) pengli-

batan mereka dengan aktiviti-aktiviti politik nasional (b) reaksi mereka terhadap perkembangan-perkembangan politik yang berlaku dalam negeri ini.

- (2) Kesedaran politik masyarakat tani Sungai Lokan tidak ketara manifestasinya kerana sebahagian daripada penduduknya adalah illiterate yang mana tidak memungkinkan mereka secara aktif dan kritis untuk membuat politik dalam negeri.
- (3) Implemtasi dasar-dasar ekonomi untuk pembangunan negara oleh kerajaan pusat memperlihatkan korelasi antara politik dan ekonomi mansyarakat tani Sungai Lokan yang mana menimbulkan reaksi tentangan di kalangan penduduk-penduduk di sini.
- (4) Fahaman yang kurang mendalam terhadap politik oleh masyarakat tani ini menyebabkan ujudnya disintegrasi sosial di kalangan penduduk-penduduk di sini.

Penulis telah memilih komuniti Melayu Sungai Lokan untuk menguji hipotesa-hipotesa di atas. Oleh kerana keinginan untuk hanya mengkaji masyarakat Melayu, penulis terpaksa memilih komuniti luar bandar di mana penduduk penduduknya hampir-hampir seragam atau homogenous. Dari segi yang lain, masyarakat ini adalah 'relatively isolate' dalam erti kata yang mereka ini tinggal di satu kawasan yang terasing dari bandar Butterworth dan juga terasing dari 'complexities' yang terdapat di bandar. Ini membe-

rikan suatu kemudahan kepada penulis untuk mengkaji pola-pola pemikiran dan 'political efficacy' masyarakat ini terhadap perkembangan-perkembangan politik peringkat lokal dan juga pada peringkat nasional.

Penulis berharap bahawa dengan terujinya hipotesa--hipotesa yang diketengahkan itu pada masyarakat desa ini, beberapa jawapan kapada persoalan-persoalan politik akan dapat didedahkan, umpamanya apakah ujud kesedaran politik pada masyarakat ini? Bagaimanakah tanggapan mereka tentang perkembangan politik dalam negeri dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi mereka? Apakah ujud integrasi sosial dalam masyarakat ini hasil daripada kelainan faham kepartian? Adakah terdapat tanda-tanda konflik dalam masyarakat ini?

Jawapan kapada pertanyaan-pertanyaan ini dapat memberikan suatu gambaran yang jelas tentang kedudukan kesedaran politik masyarakat tani Sungai Lokan. Penulis berharap bahawa penyelidikan ke atas masyarakat ini akan dapat menjadi satu asas permulaan untuk kajian selanjutnya oleh mereka-mereka yang berminat dalam lapangan ini.

METODE KAJIAN

Bagi kajian ini penulis menumpukan perhatian ke atas sebuah kampung atau kawasan Sungai Lokan. Kawasan ini adalah termasuk dalam daerah Butterworth. Kampung ini terbahagi kepada dua mukim, mukim sepuluh dan mukim empat belas. Mukim-mukim ini tidak dikaji secara berasingan tapi dikaji secara keseluruhan kerana kampung ini merupakan satu

kesatuan daripada dua mukim tersebut di bawah seorang penghulu Encik Chik bin Abdul Hamid. Dalam kampung ini terdapat lebih kurang dua ratus buah rumah, sebuah kedai barang-barang runcit, sebuah kedai kopi, sebuah kilang kopi 'Hang Tuah' dan sebuah kilang papan.

Sungai Lokan adalah sebuah komuniti Melayu yang mempunyai penduduk yang seragam. Penulis hanya menumpukan kajian ke atas tujuh puluh buah famili sahaja. Data dan juga perangkaan diperolehi daripada tujuh puluh (70) household itu.

Kajian ini dibataskan hanya kepada komuniti Melayu dengan tujuan untuk mengurangkan kesilapan-kesilapan yang mungkin timbul kalau sekiranya kajian ini dilakukan di kawasan urban yang mempunyai penduduk-penduduk yang heterogenous itu. Adalah mudah bagi penulis untuk menumpukan kepada penduduk-penduduk Melayu di mana terdapat kemudahan interaksi dan komunikasi melalui bahasa yang sama dan juga kerana persamaan budaya. Penulis berpendapat bahawa adalah wajar membuat tumpuan ke atas masyarakat yang mempunyai persamaan dalam kehidupan sosial dan budaya.

Ada dua metode yang digunakan dalam mengkaji politik desa ini. Dua metode tersebut ialah metode objektif dan subjektif.

Mengikut kaedah objektif, kajian dilakukan oleh pengkaji sebagai seorang luar dari masyarakat tersebut dengan berpandukan kriteria dan analisa pengkaji sendiri. Segala sesuatu itu digambarkan mengikut apa yang dirasai oleh penyelidik yang bebas daripada pengaruh nilai dan

sikap yang terdapat dalam komuniti tani ini.

Metode ini mungkin akan memperlihatkan kekurangannya dari segi tidak dapat menggambarkan keadaan yang sebenarnya yang ujud dalam masyarakat ini. Sesuatu kajian seperti ini akan menghasilkan suatu analisa sebagai apa yang dilihat oleh pengkaji sendiri tentang apa yang benar-benar ujud dalam komuniti ini.

Berkenaan metode subjektif pula, soal-soal berhubung dengan kesedaran politik dan kaitannya dengan ekonomi dan sosial masyarakat ini ditinjau dengan memerhatikan nilai-nilai dan sikap secara subjektif dan juga penilaian yang dibuat oleh anggota-anggota komuniti itu sendiri terhadap orang-orang lain dalam kampung ini. Dengan kaedah ini pengkaji terpaksa mencari atau meninjau pandangan-pandangan tersebut daripada anggota-anggota komuniti tentang pendapat dan tanggapan mereka tentang aspek-aspek politik yang dikemukakan oleh pengkaji dan juga bagaimana tanggapan mereka terhadap orang-orang lain dalam komuniti itu. Dengan berdasarkan maklumat-maklumat yang diberi oleh berbagai-bagai anggota masyarakat, penyelidik atau pengkaji akan membuat suatu rumusan tentang kedudukan perkara yang dikaji dalam masyarakat itu.

Metode subjektif ini dapat digunakan dengan berkesan ke atas komuniti di mana anggota-anggota masyarakat itu sedar tentang pendirian mereka sendiri dan juga pendirian masyarakat mereka. Ini juga bergantung kepada kesanggupan mereka untuk memberi segala maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik yang terdapat pada mereka.

Sungguh pun penduduk-penduduk atau responden-responden itu sanggup untuk memberi maklumat-maklumat tapi ini tidak bermakna yang maklumat-maklumat yang diberikan mereka itu semuanya tepat.

Penulis telah menggunakan kedua-dua metode objektif dan subjektif untuk tujuan penyelidikan ini. Usaha akan dilakukan untuk memperlihatkan apa yang diperkatakan itu tidak semata-mata datang daripada fikiran penulis tapi mencerminkan keadaan sebenar yang ujud dalam komuniti ini. Dan juga usaha akan dibuat dalam menghubungkan metode objektif dan subjektif dalam memperkatakan aspek-aspek kesedaran politik di dalam masyarakat ini.

Untuk mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan bagi kajian ini, penulis telah berulang alek ke kawasan ini selama sebulan lebih bermula daripada 5hb. April hingga 24hb. Mei, 1973. Penulis agak familiar atau biasa dengan kawasan ini kerana penulis mempunyai beberapa orang kawan seperkolahan yang menetap di sini. Melalui kawan-kawan ini, penulis telah diperkenalkan dengan Encik Chik bin Abdul Hamid yakni penghulu kampung ini dan kapadanya penulis menerangkan tentang tujuan atau maksud penulis. Dengan kebenarannya lah penulis memulakan penyelidikan.

Penulis menggunakan tiga cara dalam mengumpulkan bahan-bahan yang perlu untuk kajian ini:-

- (1) Pemerhatian
- (2) Temu ramah yang tidak formal
- (3) Interview schedule (2)

Segala maklumat-maklumat atau keterangan yang diperolehi itu semuanya dilakukan oleh penulis sendiri. Dengan memerhatikan interaksi sosial dan juga melalui interview, penulis dapat membuat satu gambaran tentang sesuatu keduukan. Penulis cuba mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat daripada responden-responden tentang aspek-aspek kehidupan sosial mengikut pandangan mereka sendiri. Dengan menggunakan soalan soal selidik beberapa keterangan atau kenyataan berhubung dengan pendidikan dan latar belakang ekonomi dapat dipungut. Maklumat-maklumat yang dipungut melalui 'interview schedule' ini dapat diturunkan kepada 'facts' dan 'figures'. Kesemua maklumat-maklumat yang diperolehi dengan tiap-tiap cara itu dipadukan untuk mendapatkan bahan-bahan yang konkret.

MASALAH KAJIAN

Dalam menjalankan penyelidikan ini penulis menemui beberapa rintangan. Masalah yang besar yang penulis hadapi ialah dalam mendapatkan keterangan-keterangan yang tepat tentang komuniti ini. Dalam kajian ini penulis

(2)

Technically, the term 'questionnaire' refers to a series of questions which a respondent fills in himself. A 'schedule' is a set of questions which are asked and filled in by an enumerator during an interview with another person. William J. Goode and Paul K. Hatt, Methods in Social Research (New York: Mc Graw-Hill Book Company, Inc., 1952) m.s.133,

berminat untuk meninjau sikap orang-orang yang ditemuduga kan itu tentang perbedaan-perbedaan sosial, konflik yang timbul, kelainan faham politik dan pandangan mereka terhadap dasar-dasar pemerintah. Maklumat-maklumat yang tepat agak sukar diperolehi kerana ada responden-responden yang agak 'reserved' sedikit tentang setengah-setengah hal umpamanya soal konflik yang timbul akibat perbedaan ideo-logi parti. Mereka cuba menyembunyikan keadaan-keadaan yang tidak diingini yang terdapat dalam masyarakat ini.

Temu ramah hanya dilakukan dengan responden lelaki kerana kemudahan komunikasi. Kadang-kadang penulis menerima kesulitan dalam menghubungi responden. Ini adalah kerana responden-responden yang hendak ditemui itu belum lagi pulang dari kerja atau pun sedang sebok dengan tugas-tugas yang lain. Oleh kerana kesebukan ini penulis tidak dapat menginterbiu responden-responden tersebut dan terpaksa ditangguhkan pada hari yang lain. Perkara ini timbul kerana mereka tidak mempunyai masa yang tetap untuk sesuatu kerja. Mereka bekerja tanpa ikut masa.

Kadang-kadang ada soalan yang penulis kemukakan itu yang agak confidential atau pun jenis soalan yang melibatkan orang lain dan dalam keadaan ini responden-responden agak terharu untuk menjawabnya kerana ini dipandang buruk oleh mereka. Mereka ini seboleh-bolehnya tidak mahu ber-ucap tentang hal orang lain.

Mereka ini juga bimbang dalam menjawab setengah daripada soalan-soalan yang berunsur politik dan mereka tidak mahu 'commit' diri mereka dengan persoalan-persoalan

tersebut kerana mereka curiga terhadap penulis.

Ada juga setengah daripada responden-responden yang merasa kurang yakin tentang sesuatu pertanyaan dan oleh kerana mahu nanti dianggap bodoh atau pun tidak sampai dengan maksud yang dikehendaki oleh penulis atau pun bertentangan, mereka akan memberi jawapan atau penerangan yang sama sekali lain daripada apa yang dimaksudkan.

Mereka juga bimbang dalam membentangkan butir-butir yang berupa personal dan juga tentang pendidikan, parti politik pilihan mereka dan sebagainya kerana mereka mungkin menganggap penulis sebagai pegawai kerajaan yang ingin mengetahui rahsia hidup masyarakat tani. Ada pula di antara responden-responden yang menyarankan kapada penulis agar masalah-masalah ekonomi dan aspirasi mereka dibawa kapada pengetahuan kerajaan,

Sungguh pun ada rintangan-rintangan tersebut tapi dengan penuh kesabaran dan berhati-hati, penulis cuba gunakan diplomasi dan sikologi dalam memandu responden-responden yang penulis ketemui kearah pertanyaan-pertanyaan dan maklumat-maklumat yang tepat yang penulis perlukan untuk kajian ini. Penulis mendapati bahawa penduduk-penduduk Sungai Lokan cukup bekerjasama dalam memberi maklumat-maklumat yang penulis perlukan.

Kesimpulannya, apa yang dirasai oleh penulis ialah bahawa terdapat banyak masalah yang harus dihadapi untuk mendapat maklumat atau keterangan-keterangan yang penulis perlukan untuk kajian ini. Kajian ini adalah didasarkan kapada maklumat-maklumat, data dan sebagainya yang penulis

perolehi hasil daripada penyelidikan ke atas masyarakat tani Sungai Lokan.

LATAR BELAKANG SEJARAH SUNGAI LOKAN

Mukim Sungai Lokan ini mendapat jolokan namanya sempena sejenis siput yang dipanggil lokan. Lokan ialah sejenis siput ayer tawar daripada kumpulan molaska yang berkulit keras dan terdapat di sepanjang sungai kawasan ini. Oleh kerana terdapat banyak siput lokan di kawasan ini pada masa dahulu maka kampong ini diberi nama Sungai Lokan.

Walau pun banyak tapi siput-siput lokan ini tidak dijadikan satu perusahaan oleh penduduk-penduduk di sini. Siput-siput ini hanya digantikan sebagai lauk-pauk dalam makanan mereka sehari-hari. Tapi sekarang ini siput-siput lokan tersebut tidak lagi begitu banyak terdapat di kawasan ini. Di samping siput lokan terdapat juga udang galah. Udang galah ini banyak mendatangkan hasil kepada penduduk-penduduk di sini dan merupakan sebagai satu sumber pendapatan kepada masyarakat ini. Mengikut penghulu mukim ini Encik Chik bin Abdul Hamid, ada penduduk-penduduk di sini pada masa dahulu yang memperolehi tangkapan sebanyak dua puluh hingga tiga puluh kati udang galah sehari. Tapi sekarang ini hasil daripada udang galah tidak lagi menjadi satu 'lucrative trade' kerana udang galah ini tidak lagi dapat hidup di sungai ini kerana ayernya sudah kotor disebabkan oleh pollution.

Sungai Lokan merupakan satu kawasan sawah padi dan penanaman padi merupakan satu mata pencarian yang utama bagi penduduk-penduduk di sini. Sebelum merdeka, padi hanya ditanam untuk sara hidup sahaja. Walaupun sejak tahun 1945 sudah ada dijalankan tanaman padi dua kali setahun tapi hasilnya tidaklah begitu lumayan seperti sekarang ini kerana penanaman padi pada waktu itu maseh menggunakan teknik-teknik kuno yakni berupa intensif buruh. Tapi sekarang ini dengan adanya tali ayer dan bantuan-bantuan kerajaan dari segi personnel dan teknik-teknik pertanian, maka pengeluaran hasil padi kini dapat dikomersilkan.

Selain dari padi, kawasan ini juga dipenuhi dengan pokok-pokok nipah. Perusahaan membuat atap merupakan satu pekerjaan sampingan bagi penduduk-penduduk kawasan ini. Mengikut keterangan penghulu mukim ini, atap-atap daripada kawasan ini pernah dihantar keluar jauh sehingga Ayer Itam di Pulau Pinang, dan beberapa tempat di utara Malaysia. Di kawasan Sungai Lokan ini terdapat lebih kurang seratus ekar nipah dan buat masa ini nipah maseh lagi dapat memberikan pendapatan tambahan kapada petani-petani di sini. Mengikut penduduk-penduduk di sini hitung panjang pendapatan yang diperolehi daripada atap nipah berjumlah lebih kurang \$100-00 sebulan bagi keluarga tani yang mengerjakaninya.

Pada tahun 1932, hanya terdapat lebih kurang lima puluh (50) buah rumah sahaja di kawasan ini. Ini adalah kerana kawasan ini kurang menarik perhatian penduduk-

luar daripada kawasan ini sebab kawasan Sungai Lokan pada masa itu tidak begitu sesuai untuk dijadikan tempat kediaman kerana kesukaran mendapat ayer lebih-lebih lagi pada waktu musim kemarau. Tapi keadaan ini sudah berubah sejak merdeka. Sekarang ini dengan adanya bekalan ayer paip, api letrik dan jalan raya didapati penduduk-penduduk mungkin ini kian bertambah. Buat masa ini terdapat sebanyak dua ratus (200) buah rumah dengan penduduk-penduduknya berjumlah lebih kurang tujuh ratus (700) orang.

Pada masa dahulu hanya terdapat sebuah sahaja kedai barang-barang runcit kepunyaan orang Tionghoa yang membekalkan barang-barang keperluan dapur untuk penduduk-penduduk kawasan ini. Tapi sekarang ini sudah ada kedai-kedai barang runcit, kedai kopi dan sebuah kilang kopi kepunyaan enterprise Melayu. Sejak merdeka banyak kemasukan yang telah diperolehi oleh kampung ini dari segi ekonomi, sosial dan pendidikan.

BAB KEDUA

ORGANISASI SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK MASYARAKAT TANI LATAR BELAKANG GEOGRAFIKA SUNGAI LOKAN

Mukim Sungai Lokan ialah sebuah komuniti Melayu luar bandar yang terletak di jajahan Seberang Perai Utara.⁽¹⁾ Luas daerah Butterworth ialah 102.48 batu persegi. Mukim ini letaknya lima batu dari bandar Butterworth dan mempunyai penduduk seramai tujuh ratus orang.

Bandar Butterworth merupakan pusat pentadbiran dan perniagaan bagi jajahan Seberang Perai Utara. Kebanyakan daripada penduduk-penduduk Sungai Lokan sering berulang alek ke Butterworth untuk membeli-belah, menonton wayang gambar dan juga untuk mendapat rawatan hospital dan sebagainya.

Pembahagian daerah Butterworth kapada beberapa

(1)

Seberang Perai adalah sebahagian daripada negeri Pulau Pinang yang diceraikan oleh sebuah selat yang diberi nama Channel's Strait. Lebar selat ini ialah 3/4 batu. Pulau Pinang dan Seberang Perai dihubungi oleh feri-feri yang berulang alek daripada Pengkalan Sultan Abdul Halim di Seberang Perai dengan Pengkalan Raja Tun Uda di Pulau Pinang. Kedua-dua Pulau Pinang dan Seberang Perai adalah diperintah oleh kerajaan Gerakan di bawah Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu.

Seberang Perai atau Province Wellesley dibahagikan kapada tiga jajahan - jajahan utara, tengah dan selatan.

kawasan tertentu dapat dilihat pada Jadual I dibawah ini. (2)

JADUAL I
TABURAN KAWASAN-KAWASAN DAERAH BUTTERWORTH

JENIS KAWASAN	LUAS DALAM EKAR
Getah	13,453 ekar.
Padi	38,899 ekar.
Kelapa	1,632 ekar.
Buah-buahan	651 ekar.
Kampung dan Kawasan	6,600 ekar.
Sungai dan Laut	3,000 ekar.
Tanah Kerajaan	401 ekar.
Tapak Perusahaan	320 ekar.
Pengkalan Kapal Terbang	620 ekar.
JUMLAH:	65,576 ekar.

Bandar Butterworth ini mempunyai banyak ciri-ciri sebagai sebuah kawasan urban. Di sini terdapat beberapa pejabat penting seperti - Pejabat Daerah Butterworth, Majlis Daerah Utara Seberang Perai (MDUSP), Hospital, Mahkamah, Pejabat Kesihatan, Pejabat Pos, Pejabat Talikom, Balai Polis, Balai Bomba, Perpustakaan Daerah, enam buah bank (Bank Bumiputera, The Chartered Bank, Mercantile Bank, Malayan Banking, The United Malayan Banking dan

(2)

Maklumat ini diperolehi dengan ehsan Pejabat Penerangan Butterworth yang bertempat di Pejabat Daerah.

Chung Khiaw Bank), hotel-hotel dan restoran-restoran kecil dan juga yang besar. Selain dari itu terdapat juga beberapa buah sekolah rendah dan juga menengah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Di antara sekolah-sekolah menengah yang dipelajari oleh anak-anak desa Mukim Sungai Lokan ini ialah Sekolah Menengah Dato Onn Bagan Ajam dan juga Sekolah Menengah St. Mark Bagan Ajam.

Butterworth juga mempunyai beberapa deret kedai seperti kedai-kedai kain, barang-barang keperluan dapur, kedai-kedai perabut, kedai-kedai yang menjual alat elektrik dan juga kedai-kedai minuman dan makanan. Di samping kedai-kedai ini terdapat juga kedai-kedai buku, surat khabar dan majallah. Kebanyakan daripada perniagaan dan bangunan-bangunan kedai adalah dipunyai oleh kaum bukan bumiputera.

JADUAL II

KOMPOSISI DAN BILANGAN PENDUDUK BUTTERWORTH

	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
LELAKI:	7,245	18,516	5,282	398	31,441
PEREMPUAN:	7,397	17,538	4,445	366	29,746
JUMLAH:	14,642	36,054	9,727	764	61,187

Penduduk-penduduk Butterworth terdiri daripada kumpulan-kumpulan ethnik Melayu, Cina, India dan lain-lain. Jumlah penduduk Butterworth kesemuanya ialah 61,187 orang. Jadual II di atas menunjukkan komposisi dan bilangan penduduk bagi daerah Butterworth.⁽³⁾

Mukim Sungai Lokan ini dihubungkan dengan bandar Butterworth oleh sistem jalan raya yang baik yang dilalui oleh bas dan teksi pada waktu-waktu yang tertentu. Ini memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk Sungai Lokan untuk berkomunikasi dengan pusat bandar.

Kawasan Sungai Lokan ini terdiri daripada dua mukim yang letaknya di antara Sungai Dua dan Sungai Puyu (lihat peta yang dikembarkan). Kawasan ini meliputi sebahagian daripada Mukim 10 dan sebahagian daripada Mukim 16. Berikut ialah taburan penduduk bagi Mukim 10 dan 16 yang mana Sungai Lokan adalah sebahagian daripada kedua-dua mukim tersebut.⁽⁴⁾

(3)

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970 (Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur) m.s.245.

(4)

Oleh kerana Sungai Lokan bukan 'a gazeted area' maka tidak kedapatan jumlah penduduk yang khusus bagi kawasan ini daripada buku 'Banci Penduduk dan Perumahan 1970' itu. Jadual III hanya menunjukkan bilangan penduduk bagi Mukim 10 dan 16 di mana Sungai Lokan adalah sebahagian daripadanya. Daripada kajian yang dilakukan didapati penduduk Sungai Lokan berjumlah 700 orang dan kesemuanya terdiri daripada orang Melayu.

JADUAL III

TABURAN PENDUDUK-PENDUDUK MENGIKUT GULUNGAN
KUMPULAN MASYARAKAT BAGI MUKIM 10 DAN MUKIM 16

MUKIM 10

	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
LELAKI:	1,552	46	13	4	1,615
PEREMPUAN:	1,621	41	6	3	1,671
JUMLAH:	3,173	87	19	7	3,286

MUKIM 16

	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
LELAKI:	1,505	1,202	52	23	2,782
PEREMPUAN:	1,554	1,178	50	3	2,785
JUMLAH:	3,059	2,380	102	26	5,567

Di Mukim Sungai Lokan ini terdapat sebuah kedai barang-barang runcik yang membekalkan barang-barang keperluan dapur untuk sebahagian besar penduduk-penduduk di sini. Selain dari itu terdapat juga sebuah kedai kopi kepunyaan penghulu kampung ini, sebuah kilang kopi

'Hang Tuah' dan sebuah kilang papan. Kecuali kilang papan, kedai-kedai yang tersebut itu adalah merupakan 'enterprise' Melayu. Sungguh pun begitu kedai-kedai yang terdapat di kawasan ini tidak dapat menampung kesemua keperluan penduduk-penduduk di sini. Walau pun ada peraih-peraih ikan dan sayur-sayuran, penduduk-penduduk di sini terpaksa pergi ke pasar Sungai Puyu atau Sungai Dua yang mempunyai sebuah pekan kecil yang lebih teratur kalau mereka ingin membeli ikan dan sayur-sayuran.

Kedai kopi penghulu mukim ini selalu dikunjungi oleh orang-orang lelaki kawasan ini untuk meminum kopi dan membaca surat khabar setelah berhenti penat dari kerja. Di sinilah mereka kerap bertukar-tukar fikiran dalam membincangkan berita-berita yang terkandung dalam akhbar-akhbar atau pun berita-berita yang mereka dengar dari radio. Mereka yang tidak berlanggan akhbar, berpeluang membacanya dengan singgah ke kedai kopi ini.

Mukim Sungai Lokan ini juga mempunyai sebuah cawangan parti UMNO yang bertempat di sebuah rumah besar berhampiran dengan jalan raya. Rumah cawangan UMNO ini jarang-jarang digunakan kecuali apabila ada mesyuarat parti atau seumpamanya.

Bentuk petempatan penduduk-penduduk Sungai Lokan adalah berbentuk sejajar atau 'linear settlement'. Rumah-rumah yang dibuat daripada papan terdapat di sepanjang jalan raya dan juga di sepanjang sungai dan tali ayer. Mukim ini terdiri daripada 200 buah rumah dengan bilangan

penduduknya berjumlah seramai 700 orang. Penduduk-penduduknya terdiri seratus peratus daripada orang Melayu. Di mukim ini juga terdapat sebuah mesjid di mana penghuni-penghuni desa ini menunaikan fardu sembahyang mereka.

Di mukim ini terdapat sebatang jalan raya yang melalui kawasan ini dan memisahkan Sungai Lokan kepada Mukim 10 dan 16. Di Mukim 10 terdapat sebuah parit tali ayer yang merupakan suatu 'asset' kapada petani-petani mukim ini kerana tali ayer ini dapat membolehkan mereka menanam padi dua kali setahun. Berbeda halnya dengan Mukim 16, didapati penduduk-penduduk mukim ini mengalami kesulitan untuk mengerjakan sawah mereka dua kali setahun. Lantaran tidak ada kemudahan tali ayer seumpama itu. Semasa penyelidikan ini dijalankan, telah ada usaha-usaha dijalankan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang bagi membina tali ayer untuk Mukim 16 ini. Menurut kenyataan penduduk-penduduk di sini, sudah hampir sepuluh tahun mereka membuat rayuan kapada kerajaan negeri untuk mendapatkan tali ayer bagi kawasan mereka supaya memungkinkan tanaman padi dua kali setahun.

MASYARAKAT TANI SUNGAI LOKAN

Masyarakat tani Sungai Lokan merupakan satu jenis susunan sosial yang khusus dan universal dan memperlihatkan satu aspek dari tamadun masyarakat manusia yang mewujud di luar bandar. Masyarakat tani ini adalah sebahagian daripada masyarakat bandar yang lebih besar. Kedua-

dua bandar dan luar bandar mempunyai hubungan yang complementary atau saling melengkapi dan untuk ini di petik pendapat Kroeber,

"Peasants are definitely rural - yet live in relation to market towns; they form a class segment of a larger population which usually contains urban centres, sometimes metropolitan capitals. They constitute part societies with part cultures." (5)

Masyarakat Sungai Lokan yang tinggal di luar bandar itu menunjukkan kapada bilangan penduduk yang kecil serta kepadatannya yang rendah. Masyarakat ini berada dalam keadaan yang terpencil. Asas ekonomi penduduk-penduduk di sini ialah mengeluarkan hasil-hasil tani yakni padi. Cara hidup penduduk-penduduknya memperlihatkan ciri-ciri yang hampir seragam. Jika dibandingkan dengan kawasan urban ternyata bahawa cara hidup masyarakat tani adalah berbeda dengan cara hidup masyarakat urban.

Daripada apa yang diperkatakan itu, kita dapat kesen tiga aspek yang substantive tentang masyarakat tani yakni aspek ekologi, pekerjaan dan sosio-budaya masyarakat itu.

Dari aspek ekologi, masyarakat tani Sungai Lokan ini menunjukkan kapada bilangan penduduk yang kecil yakni lebih kurang 700 orang serta kepadatannya yang rendah.

Dari aspek pekerjaan pula, masyarakat ini memperlihatkan angguta-angguta masyarakatnya yang terlibat dengan kerja-kerja tani. Satu unit famili tani merupakan unit

(5)

A.L.Kroeber, Anthropology (New York: Harcourt, Brace and Co., 1948) m.s. 284.

pengeluaran dan yunit pengguna yang paling asas. Ekonomi masyarakat ini berupa agraria dengan sedikit penternakan dan membuat atap daripada daun-daun nipah. Tanaman tunggal kawasan ini ialah padi yang merupakan makanan utama penduduk-penduduk di sini. Padi yang ditanam itu bukan sahaja setakat sara diri tapi hasil-hasil yang berlebihan juga dikomersilkan di bandar melalui agensi-agensi orang tengah atau Syarikat-syarikat Kerjasama di mukim ini. Oleh kerana tingkat penggunaan teknologi masyarakat ini maseh lagi belum maju, didapati aktiviti-aktiviti ekonomi mereka adalah bersifat buruh intensif. Keluasan tanah sawah yang sempit dan disertai pula dengan kekurangan teknologi moden maka sudah pasti hasil pengeluaran pertanian tidak dapat dilipat gandakan.

Sungguh pun begitu dalam kerja-kerja yang memerlukan banyak tenaga manusia seperti membajak sawah, menuai padi dan seumpamanya, terdapat pula cara-cara lain yang sudah termeteri yang dapat digunakan bagi mengatasi masalah tersebut. Ini dilakukan dengan adanya institusi-institusi ekonomi seperti bergotong-royong, berderau dan sebagainya. Sistim pertanian yang teradisi ini mencerminkan satu sistim interaksi sosial yang kukuh dan berlanjutan antara angguta-angguta masyarakat tani. Perasaan dan semangat perpaduan secara kedaerahan ini maseh tebal lagi di kalangan masyarakat ini.

Pada masyarakat tani ini ujud juga perbedaan antara petani yang miskin dengan petani-petani yang kaya. Ini bergantung kapada fasilitas yang terdapat pada satu-satu

famili tani tersebut. Dengan fasilitas dimaksudkan alat atau 'means' yang ada pada tiap-tiap famili tani untuk mencapai tujuannya.⁽⁶⁾ Bagi sebuah keluarga tani, fasilitas itu meliputi harta benda seperti alatan atau 'equipments', binatang-binatang ternak dan tanah sawah yang dimiliki oleh keluarga tersebut. Termasuk dalamnya juga ialah 'human relation skills' yakni sistem kredit, pengetahuan teknologi yang ada pada famili tani itu dan juga punca-punca lain yang ujud pada satu-satu sistem sosial.

Dari segi construct sosio-budaya, masyarakat tani Sungai Lokan menggambarkan individu-individu di dalamnya sebagai yang bercorak tradisional, particularistic dan fatalistik. Masyarakat ini juga menampakkan ciri-ciri homogenous dalam perlakuan sosial mereka. Di kalangan anggota-anggotanya terjelma hubungan persemukaan atau face-to-face relationship.

Masyarakat tani ini dikatakan masyarakat ala Gemeinschaft. Norma-norma masyarakat ini adalah bertentangan dengan norma-norma yang terdapat pada masyarakat urban yang ala Gesellschaft itu. Dalam keluarga-keluarga tani dapat dilihat bahawa norma-norma yang menentukan hubungan antara individu dengan individu adalah berupa personal dan particularistic tapi bagi famili masyarakat urban

(6)

Facilities may be defined as the means used by the social system to attain its ends. Loomies and Beagle, Rural Sociology - The Strategy of Change, (Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall 1964) m.s. 7.

pula yang ada Gesellschaft itu, perhubungan antara individu-individu lebih condong kepada sifat impersonal, universalistic dan tidak khusus kepada individu-individu yang tertentu. Perhubungan antara anggota-anggota masyarakat tani adalah ditentukan oleh ikatan-ikatan kekeluargaan dan fictive kinship yang terdapat dalam kelompok masyarakat itu. Tiap-tiap individu itu terikat dengan teman-teman anggotanya oleh hubungan-hubungan personal yang berupa diffused di mana kebanyakan daripada pola-pola hubungan itu sudah pun tersedia ujud sewaktu lahir atau pun oleh faktur-faktur askripsi dalam famili-famili tani tersebut.

PIMPINAN MASYARAKAT TANI

Susunan pentadbiran kawasan Sungai Lokan ini maseh lagi bercorak sistem pentadbiran Melayu tradisi tapi di "superimpose" oleh sistem berokrasi moden di peringkat daerah Butterworth. Yunit pentadbiran yang paling asas dalam sistem politik masyarakat tani ialah kampung. Dalam lingkungan yang lebih besar terdapat mukim, daerah dan seterusnya peringkat negeri.

Di kawasan Sungai Lokan ini terdapat seramai tiga belas orang yang merupakan pemimpin-pemimpin desa yang menikmati status dan pengaruh yang lebih daripada lain-lain anggota masyarakat tani. Mereka ini terdiri dari-pada penghulu, Imam, Bilal, empat orang guru, tiga orang pegawai kerajaan yang sudah bersara dan tiga orang kerani.

Kesemua mereka ini adalah juga terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa kampung. Pengaruh mereka ini dalam bidang agama, budaya dan kehidupan sosial masyarakat ini adalah berdasarkan kapada pertimbangan faktur-faktur askripsi dan juga orientasi pencapaian. Datok Penghulu mukim ini memperolehi jawatan tersebut melalui askripsi atau secara perwarisan.

Pemimpin-pemimpin desa yang tersebut ini telah diberi kepercayaan dan pengharapan agar mereka menerus dan melanjutkan cara-cara hidup desa dan juga mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti agama dan budaya. Di dalam memimpin dan menyusun aktiviti-aktiviti agama dan sosial pemimpin-pemimpin desa ini diharapkan supaya bertindak bersesuaian dengan kehendak-kehendak masyarakat dan bersedia untuk mewujudkan keharmonian sosial. Mengikut Wolff,

"Leaders are not expected to rule the villagers - they rule themselves through adhering to the customs of their culture, especially rules governing human relationship." (7)

Mereka merupakan sebagai agen pemerintah di peringkat yunit pentadbiran yang lebih kecil dan menerusi institusi pentadbiran desa, maka perlaksanaan polisi-polisi kerajaan dapat disalurkan. Kalau dahulu, yakni sebelum meluasnya sistim birokrasi moden, kita dapati bahawa

(7)

Robert J.Wolff, "Modern Medicine and Traditional Culture: Confrontation on the Malay Peninsula," Human Organisation, (Volume 24, No.4 2965) m.s.342.

penghulu berfungsi sebagai patron di antara masyarakatnya dengan dunia luar dari masyarakatnya tapi kini dari segi politik tempatnya secara efektif sudah diambil oleh oleh wakil rakyat yang menjadi ahli bagi Majlis Undangan Negeri bagi kawasan tersebut. Ini mengurangkan peranan penghulu dan juga ahli-ahli jawatankuasa kampung dari segi organisasi politik. Sungguh pun begitu, kita lihat bahawa pemimpin-pemimpin desa ini selalu didampingi oleh wakil rakyat kawasan itu kerana pemimpin-pemimpin desa ini adalah sebahagian daripada masyarakat tani dan mereka ini pula lebuh mengetahui selok-belok kehidupan masyarakatnya.

Masyarakat tani merupakan sebahagian daripada masyarakat yang lebuh besar dan mereka ini tertakluk kepada gulungan-gulungan elite yang mendiami di bandar yang menguasai bidang agama, politik, budaya dan sosial. Penduduk-penduduk tani ini dihubungkan dengan gulungan-gulungan elite ini oleh 'cultural intermediaries' yang terdiri daripada penghulu, Imam, guru, kerani dan pegawai-pegawai kerajaan yang lain yang mendiami di desa ini. Kesemua mereka ini merupakan sebagai patrons yang mempertalikan hubungan antara masyarakat tani dengan gulungan-gulungan elite untuk mendapatkan bantuan atau faedah dari segi politik atau ekonomi bagi kesejahteraan masyarakat tani. Masyarakat tani ini memerlukan patrons ini sebagai orang-orang tengah antara mereka yakni petani-petani yang mendukung tradisi kecil dengan elite-elite di bandar yang mendukung tradisi besar. Orang-orang tengah atau 'cultural intermediaries' ini merupakan orang-orang yang mem-

punyai kontak yang luas di luar dari masyarakatnya dan mahir berkenaan dunia luar.

Kalau cilents yakni petani-petani itu mendapat faedah ekonomi dan politik, maka patron-patron pula mendapat keuntungan dalam bentuk status yang lebih tinggi serta diakui oleh masyarakat. Dengan mendapat clients yang lebih ramai, kedudukan patron-patron ini dari segi sosial adalah lebih tinggi. Hubungan patron-client seperti ini merupakan aspek 'vertical dyadic' yakni perhubungan antara dua orang yang mempunyai 'life-chances' yang berlainan dan ditempat yang berlainan dalam susunan masyarakatnya.

Pemimpin-pemimpin desa yang berpengaruh di Sungai Lokan ini menggunakan kuasa pengaruh mereka dalam aktiviti-aktiviti masyarakat seperti pentadbiran, ugama, budaya, sosial dan politik desa. Di antara pemimpin-pemimpin desa ini, penghulu merupakan orang yang paling berpengaruh sekali dalam soal-soal pentadbiran mukim Sungai Lokan ini, dan juga dalam hubungannya dengan kerajaan walaupun kuatkuasa yang ada padanya itu kecil sahaja. Penduduk-penduduk Sungai Lokan ini mengharapkan yang seorang penghulu itu harus mengambil berat tentang kebaikan anak-anak buahnya, pembangunan mukim tersebut, dan bertindak sebagai agen perhubungan antara mereka dengan kerajaan. Di samping itu penghulu juga dikehendaki membantu mereka dalam kesusahan dan menyelesaikan pertikaian yang ujud dalam mukim itu dan juga mewujudkan hubungan yang harmonis antara individu-individu dalam masyarakat

tersebut.

Di samping Penghulu, Imam dan juga Bilal merupakan individu-individu yang berpengaruh dalam masyarakat Sungai Lokan khususnya dalam bidang agama. Mereka ini disanjung tinggi oleh masyarakat kerana pengetahuan mereka yang luas dalam hal-hal agama dan juga kerana kehidupan mereka yang alim dan warak.

Dari segi politik didapati bahawa pemimpin-pemimpin desa ini juga mempunyai pengaruh yang meluas dalam masyarakatnya. Sebahagian daripada mereka ini adalah menjadi anggota kapada ahli-ahli jawatankuasa U.M.N.O. Cawangan Sungai Lokan.

BAB KETIGA
PERSPEKTIF POLITIK DESA

Penduduk-penduduk Melayu di kawasan luar bandar umumnya merupakan faktur yang dominan di kebanyakan kawasan-kawasan undi. Dari segi politik dapat dinyatakan bahawa mereka merupakan suatu 'political force' yang dapat menentukan turun atau naiknya pemerintahan sesuatu parti politik di negeri ini. Oleh itu dapat dirasai bahawa pengaruh mereka dalam sistem politik negara ini cukup besar kerana boleh dikatakan 80% daripada penduduk-penduduk negeri ini adalah terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar. Tapi soalnya kini ialah apakah benar penduduk-penduduk desa ini menyedari hakikat bahawa mereka mempunyai kekuatan kuasa politik yang kuat sehingga dapat menentukan bentuk atau pola regim pemerintahan di negeri ini? Kita juga ingin mengetahui sejauh manakah penduduk-penduduk desa ini memahami proses politik dalam negeri dan melibatkan diri mereka dalam sistem politik negara ini untuk mendapatkan kebaikan hidup dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan politik. Manifestasi daripada penduduk-penduduk luar bandar memperlihatkan bahawa mereka ini adalah jauh ketinggalan dalam bidang-bidang tersebut jika dibandingkan dengan masyarakat urban

yang mendiami di bandar-bandar dalam negeri ini.

PENYERTAAN DALAM ARENA POLITIK

Majoriti penduduk-penduduk Sungai Lokan adalah terdiri daripada penyokong-penyokong parti U.M.N.O dan hanya sebahagian kecil sahaja yang menjadi penyokong kapada parti PAS. Kebanyakannya daripada mereka yang menjadi penyokong U.M.N.O adalah didorongkan oleh tekanan sosial masyarakatnya atau pun kerana terpengaruh dengan ikutan ramai. Sebahagian besar daripada mereka ini sudah melewati umur empat puluh tahun ke atas. Mereka ini bukan sahaja mempunyai tingkat kesedaran politik yang rendah tapi juga kurang terdedah kapada alat-alat sebaran am.

Penyertaan masyarakat tani Sungai Lokan dalam arena politik sebahagiannya dipengaruhi oleh adanya sebuah cawangan parti U.M.N.O yang terdapat di mukim ini. Ini telah memberi dorongan yang besar kapada sebahagian daripada penduduk-penduduk desa ini supaya terlibat dalam politik. Penyertaan mereka dalam politik dapat dikesan dalam reaksi gerakan mereka secara aktif dalam memberi sumbangan semasa kempen pilihan raya dan juga dalam mengatur perjumpaan atau mesyuarat parti dari semasa ke semasa.

Pada masyarakat Sungai Lokan ini dapat dikesan dua tingkat penyertaan dalam politik. Pertama ialah gulungan yang bergerak aktif dalam politik dan yang kedua ialah gulungan yang dikatakan pasif terhadap politik. Kebanyakan penduduk-penduduk desa ini mencebur dalam politik

secara pasif dan hanya sebilangan kecil sahaja yang 'committed' dalam politik. Kecuali sebilangan kecil ini, boleh dikatakan bahawa penglibatan penduduk-penduduk desa yang lainnya dalam gelanggang politik adalah kerana mendapat tekanan sosial masyarakatnya atau oleh pemimpin-pemimpin politik desa mereka sendiri.

Gulungan yang melibatkan diri mereka secara aktif dalam politik adalah mereka yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin desa dan juga beberapa orang lain yang berpelajaran. Penyelidikan ke atas latar belakang pendidikan mereka menunjukkan bahawa umumnya mereka ini mempunyai pendidikan lebuh daripada lima tahun ke atas dan merupakan gulungan yang 'literate' dan juga sering terdedah kapada pengaruh alat-alat sebaran am. Mereka juga mempunyai kesedaran terhadap politik tanah ayer. Penyertaan gulungan aktif ini dalam politik sebahagiannya adalah didorongkan oleh faktur-faktur sentimen kaum dan juga kerana ekonomi. Mereka ini mempunyai fikiran yang kritis dan banyak membuat teguran dan kritik terhadap perjalanan pemerintahan kerajaan Perikatan. Perjuangan mereka dalam politik adalah bertujuan untuk menyalurkan hasrat dan keinginan mereka untuk memberi perlindungan yang wajar kapada agama Islam; mendaulatkan Bahasa Melayu; menpertahankan keutuhan kebudayaan Melayu dan meninggikan lagi kadar pembangunan ekonomi, pendidikan dan sosial orang-orang Melayu.

JADUAL IV

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN RESPONDEN SUNGAI LOKAN

TINGKAT PERSEKOLAHAN	BILANGAN	PERATUS
Tidak Bersekolah	18	25.7
Darjah 3 - 6	24	34.3
Tingkatan 1 - 3	13	18.6
Tingkatan 4 - 5	7	10.0
Tingkatan 5 - S.T.P.	8	11.4
Bilangan Responden	70	

Pendekar

Jadual IV di atas menunjukkan struktur latar belakang pendidikan responden-responden yang diketemui. Sebahagian besar daripada mereka yakni lebih kurang 34% mendapat pelajaran setakat sekolah rendah sahaja, manakala 25% daripada responden-responden tersebut tidak langsung bersekolah tapi hanya mendapat pelajaran agama sahaja. Sungguh pun demikian tidak kesemua daripada mereka ini tergulung dalam kategori yang kurang aktif dalam politik. Pada gulungan 34% itu yang hanya menerima pendidikan Sekolah Melayu peringkat rendah, dapat dilihat bahawa terdapat segelintir daripada mereka yang mempunyai pengetahuan tentang politik yang boleh dikatakan luas juga. Ini adalah kerana responden-responden dalam kategori ini merupakan orang-orang yang dapat membaca dan menulis dan

juga mendapat pengaruh daripada alat-alat sebaran am. Tapi gulungan yang benar-benar aktif dalam politik ialah mereka yang mendapat pendidikan sehingga ke sekolah menengah. Daripada Jadual IV dapat dilihat bahawa lebih kurang 19% daripada responden menerima pendidikan setakat menengah rendah, 10% dalam kategori antara tingkatan 4 dan 5 dan sebanyak lebuh kurang 11% mempunyai pelajaran tingkatan 5 dan tingkatan 6. Satu hal yang patut diingatkan di sini ialah bahawa bukan semua orang dalam kategori-kategori berpendidikan sekolah menengah mempunyai penyesuaian yang aktif dalam politik. Bilangan yang melibatkan diri mereka dalam politik adalah kecil sahaja. Gulungan-gulungan yang berpendidikan tinggi ini tidak semata-mata terikat kehidupan mereka dengan sawah tapi ada di antara mereka yang bekerja di pejabat-pejabat, dan ada yang bekerja sebagai guru dan juga kerani.

* Faktur penting yang mempengaruhi segulungan kecil penduduk-penduduk desa bergiat dalam politik secara aktif ialah pendidikan. Mereka yang menerima pendidikan yang baik berada dalam lingkungan umur antara 30 tahun hingga 45 tahun. Orang-orang yang termasuk dalam kategori ini juga didapati cepat menerima ransangan untuk melibatkan diri mereka dalam politik. Mereka ini bukan sahaja mempunyai semangat kebangsaan yang kuat tapi juga mempunyai kemudahan-kemudahan atau fasilitas untuk berhubung dengan mass media. Jika dibandingkan dengan individu-individu dalam masyarakat ini yang mempunyai pendidikan yang rendah, didapati gulungan yang aktif itu lebuh kerap berbincang

hal-hal mengenai politik dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Gulungan kecil yang aktif dalam politik didapati mempunyai kontak yang luas dengan orang-orang di luar dari masyarakatnya seperti dengan pucuk-pucuk pemimpin U.M.N.O Butterworth, pegawai-pegawai kerajaan di pejabat-pejabat dan juga gulungan guru yang berminat dalam politik.

Selain daripada faktur pendidikan, umur juga merupakan angkubah yang kedua penting dalam kaitannya dengan proses penglibatan dalam politik. Mereka yang tergulung dalam kategori aktif itu termasuk dalam lingkungan umur 30 tahun hingga 45 tahun.

JADUAL V

BILANGAN PESERTA AKTIF MENGIKUT KUMPULAN UMUR

UMUR	BILANGAN PENYERTAAN
25 - 30	3
30 - 35	8
35 - 40	11
40 - 45	6
45 - 50	2
50 - 55	-

Jadual V di atas menunjukkan bilangan responden-responden yang melibatkan diri mereka dalam politik mengikut tingkatan-tingkatan umur yang tertentu. Dari-pada 70 orang responden didapati hanya 30 orang sahaja daripada bilangan tersebut yang secara terang menyatakan penyertaan mereka dalam politik. Mereka yang berada dalam lingkungan umur 30 - 45 tahun didapati bukan sahaja mempunyai kontak yang luas dengan masyarakat luarnya tapi juga mempunyai sikap yang dinamis terhadap politik. Sikap yang dinamis ini bukan sahaja bergantung kepada usia mereka tapi juga mempunyai kaitan yang rapat dengan tingkat pendidikan mereka. Mereka ini sedar tentang kedudukan mereka sebagai kaum bumiputera yang ketinggalan dalam banyak aspek hidup - ekonomi, sosial, pelajaran dan sebagainya. Mereka berpendapat bahawa politik dapat dijadikan sebagai satu senjata bagi menujudkan persamaan hak atau mengimbangkan kedudukan sosio-ekonomi dan pelajaran antara kaum-kaum di negeri ini. Penyertaan mereka dalam politik didorongkan oleh kebolehan mereka dalam memberi pimpinan, keyakinan pada diri sendiri dan juga oleh semangat ingin berpolitik. Termasuk dalam kategori ini ialah mereka yang terdiri daripada penghulu, guru, kerani, pekerja-pekerja pejabat dan beberapa orang petani-petani yang mendiami desa ini.

Penyertaan yang aktif dalam politik oleh sebilangan kecil masyarakat tani Sungai Lokan ini dapat dikesan dalam aktiviti-aktiviti mereka semasa musim pilihanraya dan juga sokongan yang mereka berikan dalam masa kempen

pilihanraya. Kebanyakan daripada mereka ini menyumbangkan tenaga mereka dalam menggerakkan penduduk-penduduk Sungai Lokan supaya mengundi parti U.M.N.O dengan membuat kempen dari rumah ke rumah. Ada juga di antara mereka yang bertugas di pondok-pondok pilihanraya, menolong membawa pengundi-pengundi ke tempat-tempat atau setesen-setesen membuang undi.

Keaktifan mereka dalam politik dapat juga dilihat dalam usaha mereka mempengaruhi kerajaan dalam mengadakan atau pun mengimplementasikan projek-projek ekonomi di kawasan mereka. Mereka cuba mempengaruhi kerajaan dengan cara mengadakan mesyuarat atau perjumpaan dengan wakil rakyat tempat mereka bagi mendapatkan kemudahan-kemudahan hidup di mukim mereka. Setakat ini mereka sudah pun berjaya mendapatkan jalan raya, mesjid, tali air, api letrik dan air paip.

Sungguh pun terdapat gulungan yang aktif dalam politik tapi bilangan ini adalah kecil. Kebanyakan daripada penduduk-penduduk Sungai Lokan ini dapat dikategorikan ke dalam gulungan yang pasif terhadap politik. Gulungan yang terbanyak ini didapati jarang berbincang tentang politik. Ini mungkin disebabkan kerana mereka kurang berminat dalam politik. Kalau pun ada di antara mereka yang berbual-bual dengan teman-teman mereka sama ada di kedai kopi atau pun di rumah-rumah mereka sendiri, biasanya perkara-perkara yang sering dibicarakan adalah berputar kapada soal-soal yang berkait dengan agama atau pun perkara-perkara yang melibatkan kerja mereka sehari-hari.

Ramai di antara mereka ini yang merasai bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang selok-belok politik dan kurang memahami issue-issue politik kini untuk mereka bincangkan. Lagi pun mereka menyatakan bahawa masa tidak membentarkan mereka berdebat tentang politik kerana kerja bertani memerlukan banyak pengorbanan dari segi masa dan tenaga. Dengan nada merendah diri, mereka cuba memperlihatkan ketandusan mereka dalam politik dan kenyataan daripada beberapa orang responden menjelaskan kedudukan ini:

Biarlah hal-hal pentadbiran atau politik dipikul oleh orang-orang yang benar-benar mahir dan berpengetahuan sahaja. Pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini sudah cukup bijak untuk memerintah negeri ini.

Kami sebagai petani, bukan sahaja miskin dalam soal hidup tapi juga miskin dalam ilmu pengetahuan. Biarlah politik diserahkan kepada orang-orang bijak pandai.

Sebagai orang kampung, kami tidak tahu sangat tentang politik. Kami percaya yang soal perut lebih penting daripada banyak bercakap fasal politik.

Sokongan yang diberikan oleh penduduk-penduduk desa ini kepada calon Perikatan mukim Sungai Lokan dalam pilihanraya tahun 1969 yang lepas tidak memperlihatkan manifestasi politik yang meluas terhadap parti Perikatan yang 'intercommunal' itu. Sebaleknya ia mencerminkan usaha segelintir pemimpin-pemimpin desa yang berpengaruh yang menggunakan pujuhan atau rayuan yang bernada per-

kauman bagi mendapatkan sokongan penduduk-penduduk desa ini kepada parti Perikatan.

Bagi mereka yang kurang mempunyai kesedaran politik, mengundi ialah satu pernyataan perpaduan kapada kumpulan ethnrik Melayu. Perasaan seperti ini menguatkan lagi sokongan mereka kapada parti U.M.N.O dan merupakan satu pembaharuan tekad atau pengakuan mereka terhadap pemimpin-pemimpin politik Melayu.

Pemimpin-pemimpin parti U.M.N.O sama ada di peringkat nasional atau pun di peringkat daerah menaruh harapan yang besar kapada sokongan undi penduduk-penduduk desa yang digembelingkan oleh pemimpin-pemimpin desa yang aktif dalam politik. Oleh kerana itu didapati bahawa pemerintah atau U.M.N.O sukar sekali untuk mengenepikan tuntutan atau desakan pemimpin-pemimpin desa ini untuk pembangunan komuniti mereka. Penyertaan pemimpin-pemimpin desa mukim Sungai Lokan yang kecil bilangannya dalam politik, menghasilkan sokongan undi penduduk-penduduk desa kapada kerajaan Perikatan yang memerintah sekarang ini. Ada kemungkinan bahawa kalaularah kerajaan tidak dapat menunaikan sebahagian daripada kehendak-kehendak mereka yang kian bertambah dari semasa ke semasa untuk pembangunan masyarakat dan desa mereka, kemerosotan dalam memberikan sokongan kapada U.M.N.O atau kerajaan Perikatan akan berlaku.

KEFAHAMAN POLITIK

Kebanyakan penduduk-penduduk di sini kurang mengetahui tentang struktur parti Perikatan yang memerintah dewasa ini. Kejahilan mereka tentang komposisi parti ini merupakan faktur yang memungkinkan sokongan mereka terhadap parti yang memerintah. Mereka menganggap bahawa kerajaan yang memerintah kini sebagai kerajaan U.M.N.O dan ramai di antara mereka kurang sedar tentang kerajaan Perikatan yang terdiri daripada tiga buah parti yang communal. Daripada 70 orang responden yang diketemui itu didapati hanya separuh sahaja yang dapat membedakan antara Perikatan dengan U.M.N.O. Kekeliruan terdapat dalam mengidentifikasi simbol bagi parti Perikatan dan U.M.N.O, yang mana pada zahirnya kedua-dua simbol itu adalah berlainan.

Dalam kempeta pilihanraya tahun 1969 yang lepas, penduduk-penduduk desa ini telah digesa untuk mengundi simbol kapal layar yakni lambang bagi parti Perikatan dan tidak pula simbol bagi parti U.M.N.O. Penduduk-penduduk desa ini lebeh mengenali simbol kapal layar dari simbol parti U.M.N.O. Oleh kerana ramai daripada penduduk-penduduk mukim ini yang kurang sedar tentang sifat parti Perikatan, didapati pemimpin-pemimpin politik desa mukim ini telah mengarah pengundi-pengundi kawasan ini supaya mengundi kapal layar sebagai lambang U.M.N.O.

Kesedaran terhadap politik oleh penduduk-penduduk desa ini terbatas kepada perkembangan dan peristiwa-

peristiwa politik dan sosial yang semasa sahaja. Mereka beranggapan bahawa pemerintah mengambil perhatian berat untuk kemajuan orang-orang Melayu kerana ada projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan di tempat mereka atau pun di lain-lain bahagian negeri ini. Di samping itu mereka juga dapat menyatakan satu atau lebih rancangan-rancangan kerajaan yang khusus yang bertujuan untuk memberi kemudahan hidup kapada orang-orang Melayu. Sebagai kaum tani mereka sedar tentang rancangan-rancangan kerajaan yang memberi bantuan ekonomi yang semasa kapada mereka.

JADUAL VI

KESEDARAN TENTANG RANCANGAN-RANCANGAN BANTUAN EKONOMI KERAJAAN

RANCANGAN	BILANGAN	PERATUS
Rancangan Tanah FLDA	15	21.4
Bantuan Pertanian	38	54.3
Perniagaan	12	17.1
Bantuan Personnel	5	7.1
Bilangan Responden	70	

Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual VI di atas didapati bahawa 54% daripada responden menyebut

bantuan pertanian sebagai bentuk bantuan kerajaan yang mendapat perhatian mereka. Ini adalah kerana bantuan-bantuan agraria seperti pembinaan tali air, baja percuma dan bantuan kredit daripada Bank Kerjasama melibatkan kehidupan mereka sehari-hari. Rancangan kerajaan yang kedua penting yang mendapat perhatian mereka ialah rancangan tanah FLDA. Rancangan tanah FLDA ini telah menarik perhatian sebanyak 21% daripada responden-responden yang diketemui itu. Tentang rancangan-rancangan lain didapati sebanyak 17% daripada responden menyebut tentang bantuan perniagaan sebagai manifestasi kesedaran mereka tentang rancangan-rancangan bantuan ekonomi kerajaan. Bantuan-bantuan perniagaan yang telah diberikan oleh kerajaan kepada orang-orang Melayu adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Daripada jumlah responden-responden tersebut didapati hanya 7% sahaja yang menyebut tentang bantuan personnel. Bantuan personnel ini adalah dalam bentuk nasihat daripada pegawai-pegawai kerajaan dalam hal-hal pengurusan ladang, penubuhan syarikat-syarikat kerjasama dan juga pemasaran padi.

Pengetahuan mereka tentang kerajaan, parti-parti politik dan pemimpin-pemimpin parti agak terbatas kapada sebilangan kecil penduduk-penduduk desa ini yang dianggap mempunyai kesedaran politik. Bagi sebahagian besar penduduk-penduduk mukim ini seolah-olah terdapat sikap apathy terhadap politik. Apa yang lebih penting kapada mereka ini ialah perkara-perkara yang melibatkan ekonomi

mereka. Mereka memandang kerajaan atau pemerintah sebagai satu punca yang dapat memberikan faedah dan kemudahan-kemudahan ekonomi dan sosial kepada orang-orang Melayu di luar bandar. Boleh dikatakan hampir seluruhnya sedar yang kerajaan sedang membuat sesuatu bagi membaiki kehidupan mereka.

Pengenalan mereka terhadap pemimpin-pemimpin politik sama ada di peringkat nasional atau pun di peringkat negeri dan daerah agak terhad hanya kepada menteri-menteri yang utama dan wakil-wakil rakyat yang mewakili kawasan mereka. Responden-responden tersebut telah ditanya supaya menamakan Perdana Menteri, Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli Parlimen kawasan mereka dan juga Ahli Majlis Undangan Negeri bagi kawasan tersebut. Di antara pemimpin-pemimpin politik yang terkenal dan yang menjadi buah mulut mereka ialah Y.A.B. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Sebanyak 93% daripada responden dapat mengenali Perdana Menteri. Pemimpin-pemimpin politik yang lain yang dapat mereka kenali ialah Dr. Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang, dan juga Ahli Parlimen kawasan mereka yakni bagi Seberang Perai Utara, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Said.

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual VII di muka surat 45, didapati bahawa sebahagian besar daripada responden-responden dapat membuat identifikasi terhadap pemimpin-pemimpin politik tersebut.

JADUAL VII

PENGENALAN TERHADAP PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK

PENGENALAN MELALUI PANGKAT	BILANGAN	PERATUS RESPONDEN
Perdana Menteri Malaysia	65	92.8%
Ketua Menteri Pulau Pinang	42	60.0%
Wakil Parlimen Seberang Utara	50	71.4%
Ahli Majlis Undangan Negeri	9	12.8%
Bilangan Responden	70	

Daripada Jadual di atas dapat dilihat bahawa hampir 93% dapat mengenali Perdana Menteri, 60% dapat menyebut nama Ketua Menteri, 71% dapat menamakan Wakil Parlimen kawasan mereka dan 13% sahaja yang dapat menyebut nama Ahli Majlis Undangan Negeri bagi kawasan mereka. Kebanyakannya daripada mereka tidak mengetahui nama Ahli Majlis Undangan Negeri bagi kawasan mereka. Ini adalah disebabkan mungkin kerana wakil tersebut adalah seorang Tionghoa atau pun mungkin kerana sukar hendak menyebut nama beliau oleh penduduk-penduduk Sungai Lokan ini. Sebab yang lain ialah kerana wakil ini bukan daripada parti U.M.N.O atau Perikatan tapi sebaleknya adalah daripada parti lawan mereka yakni Parti Gerakan Malaysia.

Pemimpin politik yang paling terkenal di kalangan mereka ialah Tun Perdana Menteri. Name beliau selalu

disebut dalam akhbar dan juga radio dan talivisyen. Pemimpin berikut yang agak ternama di kalangan mereka ialah Wakil Parlimen mereka, Tuan Haji Ahmad bin Said, yang sudah tiga kali terpilih dalam pilihanraya Federal berturut-turut bagi mewakili kawasan Seberang Utara. Mereka pernah mendengar beliau berucap semasa pilihanraya tahun 1969 dulu dan juga nama beliau kadang-kadang termuat dalam akhbar, radio dan talivisyen Malaysia melalui rancangan ulasan Dewan Rakyat. Sungguh pun beliau ini jarang-jarang datang ke kawasan ini setelah berakhir pilihanraya, tapi boleh dikatakan bahawa kebanyakan dari pada responden-responden mengetahui nama beliau sebagai Wakil Parlimen mereka. Beliau jarang melawat kawasan ini mungkin kerana sebok dengan urusan politik atau pun kerana tinggal jauh daripada kawasan ini. Lampiran A dan B menunjukkan keputusan pilihanraya bahagian-bahagian pilihanraya negeri dan parlimen tahun 1969.

Penduduk-penduduk di sini juga agak familiar dengan pemimpin-pemimpin politik yang lain seperti menteri-menteri kabinet. Kepopularan seseorang pemimpin politik atau menteri berkait rapat dengan penglibatannya dengan soal-soal yang melibatkan kehidupan masyarakat yang semasa seperti pelajaran, pembangunan luar bandar, ekonomi dan agama Islam. Oleh itu tidak hairan, jika di samping Perdana Menteri, mereka juga dapat mengenali menteri-menteri lain seperti Encik Husin Onn (Menteri Pelajaran Malaysia - ketika membuat kajian ini), Encik Abdul Ghaffar Baba (Menteri Pembangunan Luar Bandar) dan Tun Tan Siew

PILIHANRAYA NEGERI 1969

KEPUTUSAN PILIHANRAYA BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI

BAHAGIAN PILIHANRAYA	JUMLAH PEMILIH DIKELUARKAN	KERTAS UNDI UNDIAN	PERATUS DITOLAK	UNDI YANG DIDAPATI	NAMA-NAMA CALUN	UNDI YANG MAJORITI PILIHANRAYA 1964	MAJORITI PILIHANRAYA
PULAU PINANG							
S1 Butterworth	10,809	8,279	76.6	144	Ooi Ah Bee (G.R.M.)	5,172	2,209
					David William (Per.)	2,963	Perikatan 1,080
S2 Bagan Ajam	13,984	10,658	76.2	257	Ong Yi How (G.R.M.)	6,125	1,849
					Phee Joo Teik (Per.)	4,276	Perikatan 1,110
S3 Kepala Batas	10,029	8,253	82.3	502	Haji Ahmad b. Hj. A.Fahin (Haji Ahmad b. Hj.Abdullah) (Per.)	920	Perikatan 2,969
					Yahaya b. Hassan (PAS)	2,938	

PILIHANRAYA PARLIMEN 1969

BAHAGIAN PILIHANRAYA	JUMLAH PEMILIH DIKELUARKAN	KERTAS UNDI DIKELUARKAN	PERATUS UNDI DILAKUKAN	NAMA-NAMA CALUN	UNDI YANG DIDAPATI	MAJORITI	MAJORITI PILIHANRAYA 1964
SEBERANG UTARA	32,369	26,441	81.7	2,593	Haji Ahmad b. Said (Per.)	13,111	2,374 Perikatan 11,359

Musa b. Hj. Mohd.Yatim (PAS) 10,737

Sin (Menteri Kewangan Malaysia).

Sokongan yang diberi oleh penduduk-penduduk desa ini kapada calun-calun parti politik Perikatan bukanlah memperlihatkan kesedaran politik mereka tapi merupakan satu manifestasi sentimen mereka terhadap parti politik yang memperjuangkan aspirasi kumpulan ethnik mereka. Kalau dilihat Lampiran A dan B, didapati bahawa dalam Pilihanraya Negeri 1969 Kawasan Bagan Ajam, kedua-dua calun yang bertanding adalah terdiri daripada dua orang Tionghoa, seorang mewakili parti Perikatan (Encik Phee Joo Teik) dan seorang lagi mewakili parti Gerakan (Encik Ong Yi How). Sungguh pun terdapat sikap perkauman pada masyarakat desa ini tapi oleh kerana sentimen parti, mereka tetap juga akan memberi sokongan kepada calun Perikatan tersebut.

JADUAL VIII

DASAR-DASAR PEMILIHAN WAKIL RAKYAT

DASAR	BILANGAN	PERATUS
Ras	25	35.7
Parti	35	50.0
Kelayakan	10	14.3
Bilangan Responden	70	

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual VIII di ~~PARTI~~ muka surat 49 didapati bahawa 50% daripada responden menyebut parti sebagai dasar utama pemilihan mereka terhadap seorang wakil rakyat. Ini disusuli pula oleh 36% yang mementingkan kriteria ras dan 14% daripada responden kerana faktur kelayakan. Ini bermakna bahawa sentimen terhadap parti merupakan faktur yang lebih utama terhadap pemilihan seseorang wakil rakyat. Kenyataan daripada beberapa orang responden menunjukkan:

Kami menyokong siapa sahaja calun yang diletakkan oleh parti. Kita harus tunduk pada disiplin parti.

Kita tahu yang tampuk pemerintahan negeri ini dipegang oleh U.M.N.O yakni rakan Perikatan yang terkuat. Oleh itu walaupun seorang calun itu terdiri daripada seorang yang bukan Melayu, kita tidak harus bimbang kerana ia dipersetujui oleh parti.

Kita lebih senang dapat berhubung dengan calun sebangsa dan seugama dengan kita. Lagi pun kita tahu tentang kejujuran bangsa kita. Kita belum dapat lagi mempercayai dengan sepenuhnya ketaatan bangsa lain.

Apa yang dapat diperkatakan di sini ialah bahawa pemilihan kapada seorang calun parti politik bukanlah merupakan satu pernyataan identifikasi mereka terhadap calun parti tersebut kalau seorang itu bukan satu ras dengan mereka tapi adalah kerana sentimen mereka terhadap parti. Mereka memberikan sokongan yang lebih kapada U.M.N.O dan kerajaan Perikatan kerana mereka sedar ten-

tang perhatian berat kerajaan terhadap orang-orang Melayu dengan memberikan berbagai-bagai bantuan ekonomi dan juga pelajaran. Di sini dapat dibuat jangkaan bahawa kesedaran dan pergantungan yang lebih kapada rancangan-rancangan pembangunan kerajaan mungkin menyebabkan ujudnya sikap optimistik di kalangan penduduk-penduduk desa ini pada masa akan datang tanpa memikirkan tentang sumbangan apa yang dapat mereka berikan kapada kerajaan.

PENGARUH MASS MEDIA TERHADAP KESEDARAN POLITIK

Kesedaran politik masyarakat tani Sungai Lokan ini ada kaitannya dengan sejauh mana penduduk-penduduk desa ini terdedah kapada alat-alat sebaran am. Pendedahan kapada alat-alat sebaran am dapat menentukan bentuk atau sifat kesedaran politik masyarakat ini. Alat-alat sebaran am seperti akhbar, radio, talivisyen, kempen-kempen pilihanraya dan pertunjukan wayang gambar oleh yunit penanganan daerah (Information Unit) dapat membentuk sikap politik mereka, penyertaan mereka dalam politik dan juga dapat mempengaruhi tingkat kesedaran politik mereka. Juga tidak dapat dinafikan bahawa melalui mass media, pemimpin-pemimpin politik nasional dapat berhubung dengan rakyat yang terbanyak. Mass media berfungsi sebagai satu saluran bagi ahli-ahli politik memperkembangkan pengaruh mereka dengan cara yang efektif serta ekonomikal. Di samping itu harus juga disedari bahawa efektif atau tidak pengaruh mass media dalam menyemarakkan kesedaran politik

penduduk-penduduk desa ini bergantung kepada faktur-faktur pendidikan, umur dan juga kedudukan ekonomi mereka.

Responden-responden telah ditanya tentang punca-punca penting dari mana mereka boleh mendapatkan maklumat-maklumat atau penerangan mengenai politik. Mereka menyebut akhbar, radio, talivisyen, kempen pilihanraya sebagai punca-punca penting bagi mendapat maklumat politik. Di samping punca-punca ini mereka juga menyatakan bahawa perbincangan dengan pemimpin-pemimpin politik dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat parti sebagai punca yang kedua penting.

JADUAL IX

PENGARUH MASS MEDIA TERHADAP MASYARAKAT TANI

MASS MEDIA	BILANGAN	PERATUS
Akhbar	31	44.3
Radio	22	31.4
Talivisyen	10	14.3
Kempen Pilihanraya	7	10.0
Bilangan Responden	70	

Jadual IX di atas menunjukkan yang 44% daripada responden menyatakan akhbar sebagai punca yang efektif bagi mendapatkan maklumat-maklumat politik. Sebanyak 31% menyebut radio dan 14% pula menyatakan talivisyen sebagai

sumber yang terpenting dan hanya 10% sahaja yang menganggap kempen pilihanraya sebagai punca efektif bagi memperolehi maklumat politik.

Pendidikan adalah penting dan mempunyai hubungan dalam menentukan kadar pembacaan akhbar bagi masyarakat Sungai Lokan ini. Gulungan yang mempunyai pendidikan yang baik dapat menguasai bahasa dan perbendaharaan kata serta memahami issue-issue yang diperkatakan dalam surat-surat khabar. Di samping itu didapati juga bahawa mereka ini mempunyai kecenderungan yang lebih untuk mengikuti perkembangan politik dalam negeri jika dibandingkan dengan gulungan-gulungan penduduk yang berpendidikan rendah. Daripada penyelidikan didapati bahawa kaum guru dan mereka yang menerima pendidikan lebih daripada lima tahun dan yang berusia di antara 30 - 45 tahun lebih menaruh minat terhadap politik. Kita juga harus sedar bahawa semata-mata dengan membaca akhbar, tidak dapat menjamin yang seseorang itu sudah terdedah kepada maklumat-maklumat mengenai politik tapi apa yang perlu ada bersamanya ialah minat dan kesedaran terhadap politik.

Kekerapan pembacaan akhbar juga bergantung kapada kemudahan dalam mendapatkan akhbar-akhbar dan juga bergantung kapada pendapatan seseorang individu. Di Sungai Lokan ini, sebilangan besar daripada penduduk-penduduknya bergantung kapada kedai kopi penghulu mukim ini bagi mendapatkan kemudahan membaca akhbar. Kedai kopi ini melanggan surat khabar Melayu setiap hari sebagai satu tarekan bagi mendapatkan pelanggan-pelanggannya. Dalam hal ini

didapati bahawa kedai kopi penghulu menjadi tempat tumpuan kebanyakan penduduk-penduduk desa ini untuk membaca akhbar atau pun untuk berbual-bual. Sungguh pun begitu ada juga di antara penduduk-penduduk di sini yang berlanggan surat khabar dan ada juga di antara mereka yang berpeluang membaca surat-surat khabar di tempat-tempat kerja mereka seperti gulungan guru dan pegawai-pegawai kerajaan.

JADUAL X

KEKERAPAN PEMBACAAN SURAT KHABAR

KEKERAPAN	BILANGAN	PERATUS
Setiap hari	35	50.0
3 - 4 kali seminggu	15	21.4
1 - 2 kali seminggu	12	17.1
1 kali sebulan	8	11.4
Bilangan Responden	70	

Akhbar-akhbar yang popular yang sering dibacai mereka ialah Utusan Melayu, Utusan Zaman, Utusan Malaysia dan Berita Harian. Jadual X di atas memperlihatkan bahawa 50% daripada responden mendapat kemudahan membaca surat khabar setiap hari. Di samping itu terdapat lebih kurang 21% daripadanya sempat membacanya sebanyak 3 - 4 kali seminggu, 17% sebanyak 1 - 2 kali seminggu dan 11%

membacanya sebulan sekali.

Kebanyakan penduduk-penduduk desa ini membaca akhbar Utusan Melayu yang mereka anggap sebagai juru cakap bangsa Melayu dan juga pejuang kapada masyarakat Melayu. Di kalangan pembaca-pembaca yang dewasa, makalah-makalah berkenaan agama didapati lebih popular daripada berita-berita nasional dan ruangan lidah pengarang. Mereka yang berumur lebih daripada 45 tahun itu menyatakan kesukaran mereka untuk mengikuti dan memahami kebanyakan daripada ruangan-ruangan yang terdapat dalam akhbar dan juga radio kerana bukan sahaja terdapat perkataan-perkataan baru tapi juga ada istilah-istilah ekonomi, sains dan teknologi yang tidak dapat mereka fahami. Mereka juga kurang dapat memahami berita-berita luar negeri dan sebahagian daripada berita-berita nasional. Ini mungkin disebabkan bahawa mereka ini kurang pengetahuan yang berpunca daripada tingkat pendidikan yang rendah yang diperolehi mereka.

Di antara sebab-sebab yang penting yang memungkinkan akhbar Utusan Melayu sebagai akhbar yang popular di kalangan penduduk-penduduk Sungai Lokan ialah kerana akhbar ini dikatakan memperjuangkan hasrat dan aspirasi orang-orang Melayu dan juga sebagai penyedar kapada bangsa Melayu. Walau pun kadang-kadang terdapat kecaman yang dilemparkan terhadap pemerintah tapi umumnya akhbar ini menyokong U.M.N.O dan parti Perikatan yang memerintah.⁽¹⁾

(1)

K.J.Ratnam and R.S.Milne, The Malayan Parliamentary Election of 1964 (Singapore: University of Malaya Press, 1967) m.s.205.

Polisi akhbar ini menitik beratkan tentang perjuangan agama, bangsa dan tanah air. Di samping itu akhbar ini juga berjuang dalam menegakkan hak-hak dan keistimewaan orang Melayu dan juga berusaha memperlindungkan bangsa dan budaya Melayu daripada di kecam oleh gulungan-gulungan luar. Selain daripada akhbar Utusan Melayu, akhbar Berita Harian juga dibaca tapi tidaklah sebegitu popular seperti Utusan Melayu yang bertulisan jawi itu.

Faktur umur juga berkait rapat dengan faktur kesedaran terhadap politik. Responden-responden antara umur 25 hingga 45 tahun itu adalah didapati lebih mempunyai maklumat politik daripada mereka yang umurnya sudah melewati lebih daripada 45 tahun ke atas. Mereka ini bukan sahaja mempunyai darjah 'literacy' yang tinggi tapi juga mendapatkan pendidikan yang formal. Mereka juga dapat menakkul berita-berita yang tersiar dalam akhbar dan radio dan juga memperlihatkan minat yang besar terhadap peristiwa-peristiwa di luar desa mereka. Gulungan yang dalam lingkungan umur 25 tahun hingga 45 tahun ini merupakan ahli kapada jenerasi baru masyarakat Melayu luar bandar. Sebahagian besar daripada mereka ini mempunyai minat dan kecenderungan terhadap dunia di luar daripada masyarakat mereka dan mula melihat perkembangan-perkembangan yang berlaku di luar dari desa mereka sebagai satu cabaran hidup. Mereka ini terdiri daripada penghulu, guru-guru, pegawai-pegawai kerajaan dan juga beberapa orang petani-petani yang intelek. Sebahagian daripada mereka ini juga terdiri daripada pemimpin-pemimpin poli-

tik Mukim Sungai Lokan.

Penduduk-penduduk desa dan juga pemimpin-pemimpin politik mukim ini yang sering terdedah kepada alat-alat sebaran am telah menerima pengaruh dan juga maklumat-maklumat politik daripada mass media. Pengaruh dari mass media telah menyemarakkan lagi minat mereka dalam politik dan menjadikan mereka berfikiran kritis terhadap untung nasib mereka sebagai bumiputera yang mengalami kemunduran dalam lapangan ekonomi dan pendidikan. Mereka mula memandang berat terhadap politik sebagai satu langkah untuk memperbaiki keadaan yang pincang dengan memberi sokongan kepada parti U.M.N.O. Kesedaran ke arah ini sebahagianya ditentukan oleh pengaruh dari akhbar Utusan Melayu yang berusaha untuk menyedarkan orang-orang Melayu tentang kedudukan politik, ekonomi dan sosial bangsa Melayu. Sokongan besar yang ditunjukkan oleh Utusan Melayu telah menambahkan lagi perasaan perkauman mereka dan juga identiti mereka sebagai satu kumpulan ethnrik. Adalah dijangka kan bahawa kisan yang sama juga mungkin terdapat pada angguta-angguta lain masyarakat ini. Boleh dikatakan bahawa kesedaran penduduk-penduduk desa ini terhadap kumpulan ethnrik mereka dan perasaan 'communal' adalah merupakan asas-asas sokongan mereka kepada parti Perikatan umumnya dan U.M.N.O khususnya.

SIKAP MASYARAKAT TERHADAP PARTI-PARTI POLITIK

Masyarakat tani Sungai Lokan sedar tentang identiti mereka sebagai bangsa Melayu dalam masyarakat Malaysia

yang berbilang kaum. Walaupun pada dasarnya ternyata bahawa ada penerimaan mereka tentang konsep Malaysia untuk semua kaum tapi masih ujud sikap skeptisma mereka terhadap kaum-kaum bukan bumiputera. Oleh itu mereka berazam untuk bersatu padu dalam semua tindakan mereka untuk melindungi agama Islam dan juga kebudayaan Melayu. Perpaduan dalam politik adalah dirasai perlu bagi tujuan kebijakan dan survival mereka. (2)

Boleh dikatakan bahawa tujuh puluh lima peratus daripada penduduk-penduduk Sungai Lokan ini adalah menjadi penyokong kepada parti U.M.N.O. Ada beberapa sebab yang mendorongkan mereka ini untuk memberi sokongan kepada parti U.M.N.O. Di antaranya ialah bahawa parti ini mendapat pengakuan dan penerimaan daripada pemimpin-pemimpin Melayu yang terkemuka sama ada di peringkat nasional atau pun di peringkat daerah. Mereka juga mempunyai anggapan yang parti U.M.N.O adalah parti untuk bangsa Melayu dan pelindung kapada agama dan kebudayaan Melayu. Selain dari itu mereka juga percaya yang sejak merdeka hanya parti U.M.N.O sahajalah yang benar-benar bertanggung jawab untuk berbagai-bagai kemajuan orang Melayu baik dalam bidang ekonomi maupun dalam bidang sosial.

Kecenderungan mereka untuk memberi sokongan kepada

(2)

Norman Farmer, "Malaysia" in George Mc.Turnan Kahin (ed.), *Government and Politics of South East Asia*, Second edition (Ithaca, Cornell University Press 1964) p. 333.

parti U.M.N.O ditentukan oleh beberapa faktur.

JADUAL XI

FAKTUR YANG MENDORONGKAN PEMILIHAN PARTI U.M.N.O.

SEBAB-SEBAB	BILANGAN	PERATUS
Parti U.M.N.O untuk orang Melayu.	25	35.7
Dasar-dasar parti U.M.N.O sederhana dan adil.	10	14.3
Pembangunan Ekonomi dan Sosial Luar Bandar.	35	50.0
Bilangan Responden	70	

Daripada tujuh puluh orang responden yang diketemui didapati 50% daripadanya menyatakan tentang pembangunan ekonomi dan sosial luar bandar sebagai faktur yang utama yang menyebabkan mereka tertarik dengan parti U.M.N.O. Mereka yang menekankan faktur U.M.N.O sebagai parti untuk orang-orang Melayu terdiri daripada 36% manakala yang selebihnya yakni 14% menekankan yang parti U.M.N.O mempunyai dasar-dasar parti yang sederhana dan adil.

Gulungan yang 14% yang berpendapat bahawa dasar-dasar U.M.N.O adalah sederhana dan adil sebenarnya adalah mereka yang dianggap mempunyai keinsafan politik yang lebuh dan sering terdedah kapada alat-alat sebaran am. Mereka ini juga adalah aktif dalam politik dan terlibat

dalam proses politik tanah air. Mereka memberi sokongan kapada U.M.N.O kerana parti ini berjuang untuk mendaulatkan Bahasa Melayu, menegakkan agama Islam dan berusaha membangun dan memajukan kawasan-kawasan luar bandar. Di samping pembangunan ekonomi, sosial dan pelajaran untuk orang-orang Melayu, kerajaan juga berusaha mewujudkan keharmonian hidup antara kaum-kaum yang mendiami di negeri ini.

Mereka yang mengatakan U.M.N.O sebagai parti untuk orang Melayu memperlihatkan faham kebangsaan Melayu yang kuat jika dibandingkan dengan mereka yang mengutamakan faktur pembangunan ekonomi dan sosial. Beberapa kenyataan daripada mereka menggambarkan sikap mereka terhadap agama dan kumpulan ethnrik mereka.

Parti U.M.N.O adalah sebenar-benar parti yang dippunyai oleh orang Melayu. Perjuangan U.M.N.O berkait rapat dengan aspirasi orang-orang Melayu.

Keutuhan dan hidup orang Melayu bergantung kepada U.M.N.O.

U.M.N.O telah menjadikan agama Islam sebagai agama resmi negeri ini. Bagitu juga dengan Bahasa Melayu.

Pemimpin-pemimpin desa mukim ini mempunyai pandangan yang berlainan terhadap U.M.N.O. Sokongan mereka kapada parti ini adalah disebabkan bahawa mereka percaya dengan dasar-dasar dan ideologi parti ini. Bagi mereka agak sukar hendak dicari sebuah parti yang dapat mengatasi kemampuan parti U.M.N.O untuk memerintah negeri ini dengan

adil dan saksama.

Kebanyakan penduduk-penduduk desa ini yang memberikan sokongan mereka kepada parti ini sebenarnya bukanlah penyokong-penyokong parti yang tulin dalam erti kata yang mereka ini tidak mengidentifikasi diri mereka dengan dasar-dasar parti. Sebenarnya mereka hanya mendukung parti ini berdasarkan yang ianya adalah parti pilihan majoriti orang-orang Melayu. Mereka menyukai U.M.N.O kerana parti ini diterima dan diakui oleh tokoh-tokoh politik Melayu daripada peringkat nasional hingga ke peringkat daerah. Sokongan mereka kepada parti U.M.N.O melambangkan pernyataan perpaduan kumpulan ethnik Melayu sebagai satu tentangan terhadap kaum-kaum bukan bumi-putera yang dipandang sebagai mengancam kehidupan dan survival orang Melayu dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan ugama. Penyokongan mereka terhadap parti U.M.N.O sebahagian besarnya adalah kerana mendapat pengaruh daripada pemimpin-pemimpin politik desa.

Sungguh pun majoriti penduduk-penduduk desa ini adalah penyokong U.M.N.O tapi terdapat juga kritik-kritik yang dilemparkan terhadap parti pilihan mereka. Mereka maseh lagi belum berpuas hati tentang jaminan dan perlindungan kerajaan terhadap orang-orang Melayu dan agama Islam. Rasa kesal juga ditunjukkan terhadap kurangnya pengawasan kerajaan kepada harga barang-barang makanan yang melambung tinggi sehingga menyebabkan kesempitan hidup mereka. Mengikut pandangan penduduk-penduduk desa ini, mereka berpendapat bahawa ramai menteri-menteri

Malaysia mempunyai pendapatan yang tinggi dan hidup dalam keadaan serba mewah. Oleh itu adalah wajar kiranya pendapatan pekerja-pekerja dalam kategori buruh dinaikkan juga supaya dapat diseimbangkan dengan keadaan hidup yang kian meninggi. Teguran-teguran yang diperlihatkan oleh pemimpin-pemimpin desa dan beberapa orang yang aktif dalam politik mencerminkan kesedaran politik yang ada pada mereka. Mereka ini cukup kritis sekali dalam membuat penilaian berkaitan dengan issue-issue politik yang berlaku di sekitar mereka.

Walau pun ada kecaman terhadap beberapa dasar pemerintahan kerajaan Perikatan tapi kebanyakan penduduk-penduduk di Sungai Lokan ini agak puas hati dengan aktiviti-aktiviti U.M.N.O dalam memperjuangkan nasib dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu. Mereka berpendapat yang rancangan-rancangan pembangunan luar bandar kerajaan telah dapat sedikit sebanyak membantu usaha-usaha membaiki kehidupan orang-orang desa. Kenyataan daripada beberapa orang responden mencerminkan sikap mereka terhadap pemerintah.

Kalau dibandingkan kehidupan orang-orang desa masa ini dengan masa dulu ternyata banyak perbezaan. Sekarang di kebanyakan kawasan-kawasan luar bandar sudah ada letrik, air-paip dan jalan raya bagi kemudahan kaum tani.

Banyak daripada kehendak-kehendak kaum tani sudah dipenuhi oleh kerajaan seperti pembinaan tali air, bantuan pertanian dan juga bantuan dari segi penubuhan bank-bank kerjasama.

Berkenaan dengan parti-parti politik yang lain selain dari parti U.M.N.O dan Perikatan yang terdapat di negeri ini, penduduk-penduduk mukim ini mempunyai pandangan yang extreme dan prasangka terhadap parti-parti politik tersebut. Mereka ini menentang parti-parti politik seperti D.A.P. (Democratic Action Party), P.P.P. (Peoples Progressive Party), Parti Gerakan Malaysia dan juga P.M.I.P (Pan Malayan Islamic Party) atau PAS sebagai parti yang berbau perkauman.

Jadual XII menunjukkan tanggapan responden-responden mukim ini terhadap beberapa parti-parti politik yang ujud dalam negeri ini.

JADUAL XII

TANGGAPAN TERHADAP PARTI-PARTI PEMBANGKANG

ALASAN-ALASAN	BILANGAN	PERATUS
Mempunyai dasar-dasar parti yang extreme.	41	58.6
Mengandungi elemen-elemen subversif dan komunis.	19	27.1
Kebanyakan pemimpin-pemimpin parti terdiri daripada bukan Melayu.	10	14.3
Bilangan Responden	70	

Jadual XII menunjukkan bahawa sebanyak 58% daripada responden berpendapat yang parti-parti pembangkang mempunyai dasar-dasar perjuangannya yang ultra. Kebanyakan dari pada dasar-dasar parti-parti politik tersebut menentang hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan dasar pemerintahan parti Perikatan. Sebanyak 14% tidak menyokong parti-parti pembangkang kecuali parti PAS kerana kebanyakannya pucuk pimpinan parti-parti tersebut terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Dengan itu sudah tentulah mereka akan mengambil sikap anti Melayu, raja-raja Melayu dan agama Islam. Selain dari itu terdapat lebih kurang 27% yang memperlihatkan sikap anti terhadap parti-parti politik tersebut kecuali PAS kerana mereka percaya yang parti-parti pembangkang tersebut mengandungi elemen-elemen subversif dan komunis. Mereka telah menyebut tentang pergaduhan ras yang berlaku pada 13hb. Mei sebagai yang dicetuskan oleh anasir-anasir komunis. Sebagai mana kata Tunku,

"Therefore it is true to say that the incidents of May 13th were really sparked off by these Communists Chinese youths, the same kind of people, if not the actual ones, who took part in the funeral procession." (3)

Sikap politik penduduk-penduduk desa ini mencerminkan faktur-faktur budaya, sejarah dan faktur peribadi kelumpuk sosial mukim ini. Di samping dipengaruhi oleh

(3)

Tunku Abdul Rahman, May 13th Before and After,
(Utusan Melayu Press Limited, Kuala Lumpur 1969)
m.s.95.

mass media, mereka juga dipengaruhi oleh faktur-faktur budaya seperti faham patriotisma, konservatisma, perkauaman, Islamism dan sikap tradisional terhadap politik.

TANGGAPAN DAN PERSEPSI TERHADAP PEMERINTAH

Penduduk-penduduk Sungai Lokan ini memperlihatkan dua pandangan yang berbeda yakni pandangan optimistik dan pesimistik terhadap sistem politik, peranan kerajaan dan implementasi dasar-dasar kerajaan dalam negeri ini. Persepsi terhadap politik berkait rapat dengan umur, pendidikan dan pendedahan kepada punca-punca maklumat politik. Mereka ini juga dipengaruhi oleh faham kebangsaan Melayu dengan munculnya berbagai-bagai parti politik yang berbau perkauman.

Dalam mana-mana jua masyarakat didapati bahawa tiap-tiap generasi baru yang lahir adalah diasuh tentang perlakuan-perlakuan atau amalan-amalan masyarakat tersebut dan disuntik pula dengan kepercayaan-kepercayaan bahawa kelumpuk-kelumpuk masyarakat lain adalah mempunyai cara hidup yang asing dan perosak kapada keutuhan cara hidup masyarakat itu. Dengan cara ini suburlah sikap dan perasaan pra-sangka mereka atau sesuatu masyarakat terhadap masyarakat yang lain. Bagi masyarakat tersebut fahaman pra-sangka seolah-olah sudah menjadi satu daripada ciri-ciri budaya yang diturunkan daripada satu tenggang ke satu tenggang yang lain.

Sikap dan pandangan politik sebahagian besar masya-

rakat Sungai Lokan terbatas kepada perkara-perkara yang berhubung dengan ekonomi dan sosial yang melibatkan kehidupan mereka setiap hari. Mereka sedar bahawa orang-orang Melayu adalah mundur dari segi ekonomi dan pelajaran dan sukar bertanding dengan kaum-kaum bukan bumiputera tanpa perlindungan dan bantuan daripada kerajaan. Mereka beranggapan bahawa adalah wajar kiranya polisi-polisi pemerintah lebuh menekankan kapada langkah-langkah untuk memperbaiki taraf hidup orang-orang Melayu khususnya yang mendiami di luar bandar. Hal ini adalah perlu supaya dapat diseimbangkan taraf hidup kaum bumiputera dengan taraf hidup kaum bukan bumiputera negeri ini.

Penduduk-penduduk di sini mempunyai anggapan yang kerajaan dewasa ini sedang menumpukan perhatian berat dalam usaha-usaha hendak membaiki kedudukan orang-orang Melayu di luar bandar. Banyak polisi-polisi pembangunan kerajaan didapati menitik beratkan pembangunan desa. Bagi mereka kerajaan merupakan tempat atau punca di mana mereka boleh mendapatkan sebarang bentuk bantuan. Walau pun demikian ada di antara gulungan masyarakat ini yang maseh lagi belum berpuas hati dengan implementasi setegah daripada dasar-dasar kerajaan untuk meninggikan taraf hidup orang-orang Melayu di luar bandar. Gulungan yang tidak puas hati ini merasai kecewa kerana sudah enam pulas tahun Malaysia merdeka, namun kemelaratatan hidup kaum bumiputera maseh lagi belum dapat diatasi. Jika bandingkan dengan kaum bukan bumiputera ternyata bahawa adaan hidup mereka jauh tertinggal kebelakang. Oleh

itu mereka mensarankan bahawa usaha-usaha yang pragmatis harus dilakukan untuk mengurangkan jurang perbedaan ekonomi dan pelajaran antara bumiputera dengan kaum bukan bumiputera.

JADUAL XIII

ALASAN YANG KERAJAAN MENITIK BERATKAN PENDUDUK-PENDUDUK LUAR BANDAR

SEBAB-SEBAB	BILANGAN	PERATUS
Mengadakan infra-structure di desa-desa.	41	58.6
Bantuan-bantuan kebajikan.	10	14.3
Rancangan Tanah FLDA.	19	27.1
Bilangan Responden	70	

Penduduk-penduduk Sungai Lokan ini merasai bahawa kerajaan memberi perhatian berat kapada masyarakat luar bandar khususnya orang-orang Melayu. Jadual XIII menunjukkan bahawa sebanyak 58% daripada responden menyatakan yang kerajaan menumpukan perhatian kapada kemajuan sosio dan ekonomi masyarakat luar bandar. Mereka memberikan beberapa contoh kemajuan yang terdapat di mukim mereka seperti pembinaan parit dan tali air, jalan raya, letrik dan mesjid. Lebih kurang 27% menyebut Rancangan Tanah

FLDA sebagai satu langkah kerajaan bagi mengatasi masaalah kekurangan tanah di kawasan luar bandar. Ini memperlihatkan bahawa kerajaan benar-benar mengambil berat terhadap kebijakan orang-orang Melayu. Ada juga di antara responden yang menyebut bantuan-bantuan kebijakan sebagai tanda yang kerajaan mengambil berat terhadap orang-orang Melayu. Bantuan-bantuan ini adalah dalam bentuk wang kapada keluarga-keluarga miskin, buku-buku percuma dan tambang bas kapada anak-anak yatim dan seumpamanya.

Pada umumnya, gulungan yang berpelajaran dan yang terdedah kapada punca-punca politik dirasai mempunyai kesedaran politik yang lebeh jika dibandingkan dengan gulungan yang kurang berpelajaran. Mereka yang ada kesedaran politik tidak memandang segala bantuan-bantuan kerajaan di kawasan luar bandar sebagai sudah mencukupi untuk membangun masyarakat desa. Mereka ini mengkritik setengah daripada dasar-dasar kerajaan Perikatan yang kurang memuas dalam rangka menolong orang-orang Melayu dalam banyak bidang. Mereka mengharapkan supaya kerajaan lebeh banyak lagi menyusun program-program pembangunan-pembangunan yang efektif untuk menolong orang-orang Melayu di luar bandar.

Gulungan yang berpelajaran dan 'political minded' merasai kecewa atas sikap kerajaan yang kurang mengambil berat tentang penduduk desa kerana kebanyakan daripada projek-projek pembangunan seperti pembinaan kilang-kilang, hotel-hotel, rumah-rumah pangsa dan pembinaan infra-structure banyak ditumpukan di kawasan-kawasan urban.

Di samping itu mereka juga menzahirkan perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan yang masih lagi belum memberi peluang pelajaran yang cukup kepada setiap orang. Banyak sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai cukup fasilitas atau kemudahan jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di kawasan urban. Gulungan yang tidak puas hati ini merasa kurang senang tentang taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar yang rendah dan juga pembiayaan pelajaran anak-anak mereka yang kian tinggi. Kenyataan daripada beberapa orang yang tidak puas hati menggambarkan harapan mereka terhadap kerajaan:

Kerajaan harus memberi kemudahan-kemudahan hidup kepada masyarakat desa. Pembinaan infra-structure yang baik harus diadakan di luar bandar untuk kemudahan komunikasi. Penduduk-penduduk luar bandar tidak seharusnya dikesampingkan daripada kemudahan-kemudahan yang terdapat di bandar.

Kebanyakan penduduk-penduduk di luar bandar adalah berpendapatan rendah. Oleh itu kerajaan **haruslah** mencari jalan untuk menahan harga barang-barang makanan daripada naik.

Kerajaan banyak membuat janji-janji kapada rakyat desa pada setiap kali ada pembukaan resmi sama ada sekolah, balai rakyat dan sebagainya. Pemimpin-pemimpin banyak menyalahkan sikap segi orang Melayu terhadap kemajuan. Tapi ini semua adalah taktik politik. Apa yang kita nahu ialah rancangan-rancangan yang praktikal.

Walau pun penduduk-penduduk Sungai Lokan ini merupakan sebahagian daripada kumpulan pengundi yang dominan tapi kebanyakan berpendapat yang mereka tidak dapat mengenakan pengaruh mereka terhadap kerajaan. Pengaruh

mereka hanya dirasai kuat apabila menjelang pilihanraya. Pada waktu itulah benar-benar dirasai yang kerajaan bergantung kepada sokongan mereka untuk mengekalkan tumpuk pemerintahan. Mereka tidak mempunyai suara untuk memengaruhi dasar-dasar ekonomi dan juga pentadbiran negeri ini. Secara demokerasi mereka memberi mandat kepada wakil rakyat mereka untuk mewakili kawasan Sungai Lokan dalam hal-hal politik, ekonomi dan sosial.

Pada sebilangan kecil penduduk-penduduk Sungai Lokan yang berpelajaran, ujud sikap frustrasi atau kekeciwaan terhadap setengah daripada polisi-polisi pemerintahan dan ekonomi kerajaan yang kurang efektif bagi mengatasi dilemma keniskinan orang-orang Melayu, khususnya masyarakat luar bandar. Gulungan yang tidak puas hati ini bukan sahaja merupakan gulungan yang berpelajaran tapi juga aktif dalam politik dan sering terdedah kepada mass media,

BAB KEEMPAT

SATU INTERPRETASI EKONOMI POLITIK DESA

Sistem politik sesebuah negara mempunyai pertalian yang rapat dengan sistem ekonominya. Kita lihat bahawa sebarang repercussions atau kekacauan yang terjadi kepada ekonomi akan membawa implikasi yang besar terhadap kestabilan politik sesebuah negara itu dan kebalikannya adalah benar. Pemerintah atau kerajaan senantiasa menitikberatkan kebijakan ekonomi rakyatnya dan memainkan peranan penting dalam menentukan arah atau tendensi aktiviti ekonomi negeri ini. Fungsi pemerintah bukanlah setakat menjamin kestabilan politik tapi peranannya yang tidak kurang penting juga ialah dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan mewujudkan distribusi ekonomi yang seimbang kepada seluruh rakyat.

Pemerintah juga menjalankan secara sedar jenis-jenis rancangan yang bertujuan untuk mendistribusikan resources yang produktif dalam negeri ini supaya dapat dinikmati oleh setiap rakyat negeri ini. Untuk menjamin sukses pembangunan ekonomi negeri ini, pemerintah bukan sahaja mesti membuat keputusan yang rasional dan bijak tapi juga mesti mendapat kooperasi daripada semua golongan rakyat negeri ini. Ini bukanlah satu percapaian yang mudah kerana bagi pemerinta-

han yang bercorak demokrasi seperti Malaysia ini, kerajaan senantiasa terdedah kepada criticism daripada parti-parti pembangkang yang dapat menunjukkan kekurangan atau pun kepincangan setengah daripada dasar-dasar ekonomi kerajaan itu yang bertujuan untuk membaiki keadaan hidup sebahagian besar penduduk-penduduk negeri ini.

Malaysia, seperti mana juga dengan negara-negara Afro-Asia yang lain, menghadapi dua samalah pokok tentang pembangunan. Pertama ialah pembangunan dalam bidang politik dan kedua pembangunan dalam bidang ekonomi. Dalam setiap negara yang baru membangun, gulungan terbanyak dari rakyat berada dalam keadaan secukup hidup. Ini menyebabkan rakyat sedar bahawa kemerdekaan politik memberi sedikit sahaja makna kalau tidak disertai dengan kemerdekaan ekonomi.

Dalam hal pembangunan ekonomi negara ini, kita dapati pemerintah atau kerajaan berhadapan dengan suatu dilema antara usaha-usaha untuk meninggikan Pendapatan Negara Kasar (GNP) dengan usaha-usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat seluruhnya tanpa mengira kaum. Demi untuk memenuhi aspirasi rakyat dan negara, pemerintah telah menyusun beberapa strategi pembangunan ekonomi melalui Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975. Ini merupakan suatu tindakan positif kerajaan untuk mencapai matlamat negara. Dalam hal ini Professor Kavalan

Panikkar menegaskan bahawa,

"Pembangunan ekonomi yang berancang bukanlah merupakan suatu angan-angan yang jauh tapi suatu keharusan yang mendesak-mendesak." (1)

Ini dapat dianggapkan sebagai merupakan cita-cita murni setiap rakyat yang menderita.

DASAR EKONOMI BARU DAN TATALAMATNA

BAGI MASYARAKAT SUNGAI LOKAN

Dari segi ekonomi, masalah besar yang dihadapi oleh negara kita ialah merapatan jurang perbedaan antara bumiputera dan bukan bumiputera. Kita dapat bahan lebih kurang 70% daripada penduduk-penduduk negeri ini adalah terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar. Kebanyakannya daripada mereka ini adalah terdiri daripada kaum bumiputera. Dari segi pekerjaan didapati kebanyakannya daripada penduduk-penduduk bumiputera ini terdiri daripada kaum tani atau peasants. Mereka mendiami di sektur yang kurang maju. Berbanding dengan penduduk-penduduk bukan bumiputera, didapati kebanyakannya mereka ini tinggal di sektur yang maju yakni di kawasan urban dan kekuatan mereka adalah dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Oleh itu dapat dikatakan bahawa kaum bukan bumiputera ini merupakan golongan yang menguasai ekonomi negeri ini.

(1)

K.M.Panikkar, "Negara-Negara Afro-Asia dan Masyarakat-masyarakatnya," dalam Hang Tuah bin Arshad *Ilim Politik*, (Donald Moore Press Ltd., Singapura 1966) m.s.32

Ekonomi duaan atau economic dualism dan rancangan pembangunan yang ujud antara dua sektur ini dipandang oleh ahli-ahli sosiologi dan anthropotogi sebagai 'sociological' dan cultural rigidities yang merupakan halangan ke arah integrasi ekonomi dan modernisasi. Mengikut Myint, keadaan ini ujud disebabkan oleh,

"..that many governments not only default in the leadership role but continue to pursue public policies which, perhaps quite unwittingly, perpetuate the gap between the two economic dualism." (2)

Dengan ekonomi duaan dimaksudkan sebagai gap atau jurang yang ujud berlanjutan antara sektor moden dengan sektor tradisional dalam rangka ekonomi negeri ini. Penduduk-penduduk di sektor tradisional ini dianggap pasif terhadap incentive ekonomi dan mempunyai kepercayaan terhadap paternalisme. Kurangnya incentive terhadap ekonomi mungkin dapat disebabkan oleh nilai yang tradisional, islam konservatisme dan kejchilan mereka berbanding dengan penduduk-penduduk di sektor bandar.

Polarisasi ras dan ekonomi antara dua sektor bandar dan luar bandar mempunyai implikasi penting dari segi politik. Oleh kerana orang-orang luar bandar adalah dominan di kawasan-kawasan luar bandar dan juga merupakan 'political distinctiveness' maka penuupuan projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan ini dapat (2)

H. Myint, Economic Theory and the Under developed Countries (Oxford University Press, London 1971).

dianggap sebagai mempunyai motif untuk menarik sokongan penduduk-penduduk desa terhadap kerajaan dalam pilihanraya-pilihanraya pada masa hadapan. Ini memperlihatkan bahawa walaupun Rancangan-Rancangan Pembangunan Desa bertujuan untuk membaiki taraf hidup penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tapi tidak dapat dinafikan juga bahawa kebanyakannya daripada rancangan-rancangan pembangunan tersebut dijadikan alat politik oleh kerajaan.

Sistem ekonomi usaha bebas atau laissez-faire yang dipraktikkan oleh kerajaan, banyak bertanggungjawab dalam menimbulkan jurang kaya-miskin yang terdapat di sekitar moden dan tradisional atau bandar dan luar bandar. Oleh itu sesuatu ekonomi antara kaum-kaum di Malaysia. Tragedi Mei 13, 1969 ternyata mendorongkan kerajaan manilai semula kedudukan ekonomi antara kaum yang mana gap ekonomi merupakan satu latent cause yang mencetuskan insiden tersebut. Ini menbuatkan kerajaan memikirkan strategi baru bagi mengatasi masalah ini. Hasil daripada penilaian ini maka lahirkan Dasar Ekonomi Baru menekankan dua matlamat utama dalam bidang ekonomi. Matlamat pertama ialah untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum manakala matlamat kedua pula bertujuan untuk mencapai perpaduan negara dengan cara mengimbangkan kedudukan ekonomi negara. Strategi-strategi yang pertama dan kedua ini terkandung dalam Rancangan Malaysia Pertama

1965 - 1970. Tapi apa yang merupakan strategi baru ialah strategi ketiga dan keempat. Strategi ketiga bertujuan untuk mewujudkan satu gulungan pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang di kalangan orang-orang Melayu pada semua lapisan. Strategi keempat pula bertujuan untuk menyusun semula masyarakat Melayu di luar bandar yang seatau-mata bergantung kepada pertanian dan mengubahnya menjadi masyarakat moden yang berlandaskan pertanian dan juga perusahaan dan perdagangan. Untuk perlaksanaan strategi yang keempat ini terdapat rancangan-rancangan seperti:-

1. Bandar-bandar baru akan digalakkan tumbuh di luar bandar. Ini akan dilaksanakan dengan mengadakan tempat dan infra-structure untuk bandar dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk peniaga-peniaga Melayu.
2. Menggalakkan pembubuhan 'agro-based' industries yaitu perusahaan-perusahaan yang berdasarkan bahan-bahan makanan dan bahan lemah pertanian.
3. Petani-petani akan dilatih dan digalak menggunakan cara-cara moden dalam pertanian.
4. Lembaga Kemajuan Tench Persekutuan akan menubuhkan 'Briged Belia' untuk bekerja di ladang-ladang besar.

Matalemat kerjaan ialah supaya dalam jangka

20 - 25 tahun, kira-kira 25 - 30% dari peniaga-peniaga di Malaysia akan terdiri daripada orang-orang Melayu.

Bagi penduduk-penduduk Nuhim ini kesedaran terhadap rancangan Dasar Ekonomi Baru hanya terdapat kepada sebahagian daripada penduduk-penduduk desa ini yang sering terdedah kepada punca-punca mass media dan juga mereka yang berminat dalam politik. Gulungan ini menyedari bahawa ada usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan bagi memajukan ekonomi orang-orang Melayu khususnya dan gulungan yang tidak berada umumnya. Tapi bagi sebahagian besar penduduk penduduk ini didapati bahawa mereka kurang mengetahui bahan rancangan-rancangan pembangunan desa merupakan perancangan daripada Dasar Ekonomi Baru kerajaan. Berikut dengan ini, responden-responden telah ditanya tentang pandangan mereka terhadap rancangan-rancangan Dasar Ekonomi Baru kerajaan dan kesannya ke atas kemajuan komuniti mereka khususnya dan masyarakat Melayu umumnya.

JADUAL XIV

SIKAP DAN PANDANGAN TERHADAP RANCANGAN

PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT.

LALAHU LANGKAH	BILANGAN	PERSATUS
Menggalakkan perpindahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar.	21	30.0

Menubuhkan industri-industri	10	14.3
Di desa		
Menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan	39	55.7
Bilangan Responden	70	

Sebagaimana yang dapat dilihat daripada Jadual XIV di atas selanyak 56.1 daripada responden menyebutkan bahawa usaha atau langkah untuk mengembangkan ekonomi antara laun ialah dengan jalan menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang perusahaan dan perdagangan; 20% menyatakan tentang langkah menggalakkan perpindahan atau migrasi orang-orang Melayu yang under-employed daripada kawasan-kawasan luar bandar ke bandar dan 10 % pula menekankan soal penubuhan industri-industri di desa.

Gulungan yang menekankan faktur penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang perbiagaan dan perusahaan mengharapkan bahawa dorongan-dorongan untuk menggalakkan orang-orang Melayu supaya mencebur dalam perniagaan hendaklah diberikan keutamaan oleh kerajaan. Mereka menyatakan bahawa masalah yang central atau utama yang dihadapi oleh orang-orang Melayu sekarang ini ialah faktur modal yang cukup akan tapi ketiadaan modal yang cukup akan mematikan semangat orang-orang Melayu untuk berniaga. Oleh kerana lebih banyakkan orang-orang Melayu di desa ini berpendapatan

rendah maka tidak ada lebihan pendapatan untuk ditabungkan bagi mengumpulkan modal yang cukup untuk memulakan sesuatu perniagaan.

Walaupun ada usaha-usaha MARA untuk membantu orang-orang Melayu tapi apa yang menjadi 'set back' ialah bahawa pihak MARA menghendaki cagaran sama ada dalam bentuk tanah atau harta benda sebelum sesuatu bantuan itu dapat diberikan. Petani-petani di sini kebanyakannya bukan sahaja tidak bertanah tapi juga miskin dalam harta benda untuk dijadikan cagaran. Dengan adanya dasar seperti ini, mereka beranggapan bahawa hanya orang-orang Melayu yang berada sahaja yang dapat merebut peluang tersebut. Peluang perniagaan yang hanya terbuka kepada petani-petani ini ialah bermiaga secara kecil-kecilan yakni seperti menjadi penjual ikan dan hasil-hasil tanaman mereka - ubi dan sayur-sayuran. Sungguh pun ada orang-orang Melayu yang membuka kedai-kedai barang runcit tapi kalau dibandingkan kedai-kedai kepunyaan orang-orang Cina di bandar maka ternyata sekali amat bezanya. Kemunduran kedai-kedai Melayu bagi pandangan mereka adalah berpunca daripada kekurangan modal.

Selain dari itu mereka juga berharap agar kerajaan atau MARA dapat mendirikan banyak lagi gerai-gerai MARA di kawasan bandar untuk memudahkan orang-orang Melayu mendapat tapak kedai yang sesuai bagi memulakan perniagaan mereka. Galakan juga hendaklah diberi kepada orang-orang Melayu supaya menyertai semua bidang perniagaan dan bukan hanya terhad kepada kedai-

kedai runcit dan kedai-kedai makenan sahaja tapi juga membuka kedai-kedai kain, buku, kedai-kedai kasut dan sebagainya, sebagaimana yang dilakukan oleh kaum bukan bumi putera. Bagi menjamin survival orang-orang Melayu dalam bidang perusahaan dan perdagangan maka kerajaan hendaklah memberi perlindungan kepada 'petty traders' Melayu daripada saingan dengan pengusaha-pengusaha atau peniaga-peniaga bukan Melayu. Sokongan dan kooperasi daripada kaum bukan Melayu juga diperlukan bagi menjamin kejayaan orang Melayu dalam bidang ini.

Satu langkah lain yang ditekankan oleh mereka ialah menggalakkan perpindahan penduduk-penduduk desa yang lebih dan juga yang 'under employed' supaya berpindah ke bandar untuk mencari lapangan hidup baru dengan bekerja di kilang-kilang perusahaan atau pun difirma-firma yang terdapat di bandar-bandar. Ini merupakan pandangan 20% daripada responden yang diketemui itu. Mereka berpendapat bahawa dengan cara ini dapatlah dikurangkan beban atau penanggungan famili dalam menyaraskan ahli keluarga yang ramai. Lebihan penduduk di kawasan pertanian di kebanyakan tempat-tempat di Malaysia dapat dibuktikan dengan kenyataan bahawa umumnya kawasan sawah padi dihitung panjang adalah kecil yakni lebih kurang tiga ekar bagi tiap-tiap keluarga tani. Oleh kerana luas tanah sawah yang kecil ini, maka pendapatan petani-petani ini juga adalah mengikut kadar luas tanah sawah mereka. Jelau pun terdapat pertambahan dalam pengeluaran hasil-hasil

tani dengan adanya tanaman dua kali setahun tapi ini tidak bermakna yang pendapatan mereka juga turut bertambah. Ini adalah kerana sewa tanah yang mahal dan juga kerana sebahagian besar daripada mereka mempunyai tanah-tanah sawah yang kecil.

JADUAL XV

LUAS MILIK TANAH SAWAH DI KALANGAN HOUSEHOLD MELAYU KAWASAN SUMYAT LOKAN

LUAS DALAM EKAR	BILANGAN HOUSEHOLD	PERATUS
0 ekar	27	38.6
1-3 ekar	31	44.3
4-6 ekar	12	17.1
7-9 ekar	-	-
Bilangan Responden	70	

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual XV di atas didapati bahawa sebanyak 27 buah household atau lebih kurang 39% daripadanya di kawasan ini tidak mempunyai tanah sawah; lebih kurang 44% memiliki tanah di antara 1 hingga 3 ekar dan hanya 17% sahaja yang mempunyai tanah di antara 4 hingga 6 ekar. Masalah yang dominan bagi petani-petani kawasan ini ialah masalah kekurangan tanah. Jadi untuk menambahkan pendapatan petani-petani ini maka perlulah ada usaha daripada kerajaan bukan sahaja untuk meningkatkan hasil pengeluaran ~~padi~~ tapi juga dengan menambahkan kawasan tanah sawah. Masalah ini hanya dapat di-

atai sedikit sebanyak dengan pembukaan tanah-tanah baru seperti yang dijalankan oleh FELDA atau Federal Land Development Authority. Walaupun perpindahan penduduk-penduduk desa ini ke bandar dapat menyelesaikan masalah kekurangan tanah **tapi** migrasi tersebut akan pula menimbulkan masalah-masalah lain di kawasan bandar. Masalah yang mungkin timbul ialah masalah untuk neryesuaikan diri mereka dengan pekerjaan-pekerjaan di bandar kerana dari segi pelajaran mereka ini adalah kurang bersedia lagi mendapatkan kerja-kerja yang sesuai. Migrasi penduduk-penduduk desa yang berlebihan ke kawasan-kawasan bandar akan menambahkan lagi ketegangan masalah pengangguran di bandar-bandar. Mengikut Statistik Kementerian Buruh bagi tahun 1971, menunjukkan lebih kurang 159,600 orang didaftarkan sebagai menganggur di Labour Exchange atau Pejabat Buruh di bandar-bandar Malaysia dan kadar pengangguran bagi negeri ini ialah lebih kurang 8% setahun. Pada realitinya kebanyakan mereka yang berpindah ke bandar itu bukan sahaja merupakan kategori buruh yang tidak mahir tapi mereka juga tidak mempunyai saudara mara di bandar untuk mendapatkan sokongan sama ada yang berupa ekonomi maupun sikologi.

Gulungan yang menyebut bahawa industri-industri hendaklah di bawa ke desa-desa terdiri daripada lebih kurang 14% daripada responden. Mereka menekankan bahawa penubuhan industri-industri di kawasan

luar bandar akan membawa keuntungan kepada penduduk-penduduk desa di mana industri-industri ini dapat memberi peluang pekerjaan kepada lelaki-lelaki yang menganggur di kawasan-kawasan luar bandar ini. Mereka juga mengharapkan agar kerajaan dapat menggalakkan penubuhan kilang-kilang 'agro-industri' di luar bandar. Perindustrian yang dimaksudkan ialah yang berasaskan kepada pertanian seperti memproses hasil-hasil tani, membekalkan bahan-bahan imput ladang seperti leja dan makanan ternak. Kilang-kilang ini hendaklah dimiliki oleh orang-orang desa secara kerjasama atau kooperatif. Mereka ini percaya bahawa hanya melalui perindustrian sahaja mungkin dapat memberi penyelesaian bagi mengatasi ketidakseimbangan ekonomi antara bandar dan luar bandar.

Pandangan dan kepercayaan mereka yang agak optimistik itu tentang pembinaan industri-industri di kawasan luar bandar sebagai satu langkah untuk menseimbangkan ekonomi satu kaum sebenarnya menimbulkan banyak masalah. Kita dapati masalah dalam mengadakan industri industri di desa terletak kepada kesulitan bagi mendapatkan buruh-buruh yang mahir di luar bandar. Tahukan pula, untuk sesebuah industri itu ngejut maka perlulah ada 'economies of large scale'. Tapi kedua-dua faktur ini sukar dapat diperolehi di kawasan luar bandar. Pertimbangan yang lain yang penting ialah bahawa industri-industri ini hendaklah berhampiran dengan pusat-pusat pasaran, sistem komunikasi dan

sistem bank. Penempatan industri-industri di desa akan memperlihatkan masalah dalam bidang-bidang tersebut. Dengan ini dapatlah dibuat satu anggapan bahawa usaha untuk menggalakkan industrialisasi desa tidak akan mendatangkan faedah kalau tujuan kerajaan untuk menambahkan hasil pendapatan petani-petani. Tapi kalau tujuan kerajaan untuk mengadakan industri-industri tersebut dipandang penting dari segi politik maka usaha yang sedemikian itu dapatlah memberi suatu pengharapan kepada kerajaan untuk mendapatkan sokongan undi daripada masyarakat desa bagi mengekalikan pemerintahan mercha.

Sebenarnya perlaksanaan dasar-dasar ekonomi kerajaan yang bertujuan sebahagiannya untuk menyusun semula masyarakat Malaysia dan juga memajukan ekonomi bumiputera, dapat dikatakan menimbulkan suatu paradox. Sungguh pun kerajaan memainkan peranan besar dalam pembangunan ekonomi negara tapi tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan juga mengamalkan dasar ekonomi usaha bebas atau laissez-faire yang mana dasar ini memungkinkan ujudnya jurang antara kaya dan miskin di kalangan rakyat negeri ini. Sistem kapitalis ini tidak dapat memastikan pembahagian pendapatan yang seimbang dalam masyarakat. Di satu pihak kerajaan cuba menggalakkan penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan tapi di satu pihak yang lain pula kerajaan juga menggalakken kedatangan pengusaha-pengusaha dari luar

ini mengadakan supermarket yang besar-besar, hotel-hotel dan kilang-kilang yang besar. Dengan dasar ini berjalan terus adalah disangsih sama ada kaum bumiputera dapat mengekalkan peratus perniagaan mereka sekarang yang 4.5% ini, apa lagi untuk menambahkan supaya menjadi 11.30%. Dasar-dasar kerajaan dalam konteksnya tentang pembangunan desa memperlihatkan banyak kontradiksi. Apa yang diperlukan ialah campurtangan kerajaan yang lebih banyak dalam bidang perniagaan dan perindustrian dan jangan membiarkan kepada 'market forces' semata-mata.

Dari aspek yang lain pula, kita lihat bahawa dalam tujuannya bagi menyusun semula masyarakat, kerajaan juga telah mengeluarkan arahan supaya sebahagian daripada saham-saham Syarikat-Syarikat Berhad Malaysia Barat dikhaskan kepada orang-orang Melayu yang majoritinya tinggal di desa-desa. Soalnya disini ialah berapa keratkah di antara orang-orang Melayu di luar bandar yang dapat memiliki saham-saham yang dikhaskan untuk mereka. Sebagai contohnya kita lihat bahawa pada masyarakat tanah Sungai Loken ini tidak ada lebihan pendapat untuk di peruntukkan bagi membeli saham-saham tersebut. Kebanyakannya daripada petani-petani di kawasan ini mempunyai pendapatan yang rendah. Ini adalah kerana sifat pekerjaan mereka yang berkait dengan tanah yakni sawah padi yang mana tidak memungkinkan pendapatan yang lebih dari-pada secukup hidup sahaja.

JADUAL XVI

HITUNG PANJANG PENDAPATAN SEBULAN BAGI
RESPONDEN-RESPONDEN SUNGAI LOKAN

JUMLAH PENDAPATAN DALAM \$	BILANGAN	PERATUS
60 - 120	29	41.4
120 - 180	18	25.7
180 - 240	12	17.1
240 - 300	8	11.4
300 ke atas	3	4.3
Bilangan Responden	70	

Jadual XVI di atas menunjukkan bahawa kebanyakkan daripada responden-responden mempunyai pendapatan yang rendah. Dari pada bilangan tersebut dapat dilihat bahawa lebih kurang 41% berpendapatan antara \$60-00 sehingga \$120-00 sebulan; 17% mempunyai pendapatan antara \$180-00 hingga \$240-00; lebih kurang 11% mendapat antara \$240-00 hingga \$300-00 dan hanya lebih kurang 4% sahaja yang berpendapatan lebih dari pada \$300-00 sebulan. Mereka yang berpendapatan lebih daripada \$300-00 itu adalah terdiri daripada guru. Pendapatan mereka ini ada yang melebihi angka \$600-00 sebulan lebih-lebih lagi dengan terlaksananya Tangga Gaji AZIZ baru-baru ini. Tapi kebanyakkan daripada penduduk tergulung ke dalam kategori orang-orang yang berpendapatan rendah. Walau pun ada usaha-usaha un-

tuk menggalakkan petani-petani negri ini membeli saham tapi mereka ini tidak berupaya berbuat demikian. Ini adalah kerana selain daripada sara nafkah famili mereka terpaksa membayai persekolahan anak-anak mereka. Oleh itu tidak ada lebihan wang bagi mereka untuk ditabungkan kecuali beberapa orang guru dan kerani di mukim ini, apa lagi untuk membeli saham-saham. Biasanya mereka dikehendaki membeli saham sekurang-kurangnya sebanyak \$500-00. Mereka ini tidak mampu untuk mengeluarkan sejumlah wang itu untuk tujuan membeli saham. Sangguh pun begitu ada juga di antara mereka ini yang memasuki tabung Haji. Ini adalah kerana tujuan untuk kepentingan bagi mengerjakan Haji ke Melaka.

Dengan ini jelas dapat dilihat bahawa tujuan kerajaan membuka peluang tersebut sebenarnya bertujuan untuk mewujudkan kaum bangois Melayu sebagai saingan kepada kaum-kaum bangois bukan Melayu. Ini adalah kerana hendak memperseimbangkan pemilikan saham antara kaum. Kalau dilihat dari segi taburan penduduk dalam negeri ini, didapati bahawa 50% daripadanya adalah terdiri daripada orang Melayu, 37% orang Cina dan 11% orang India. Tapi kalau dilihat pula akan kedudukan saham orang-orang Melayu dalam hak milik saham modal syarikat-syarikat berhad didapati peratusnya tidak lebih daripada 1.5% daripada jumlah kesemuanya. Jadual di bawah ini menunjukkan kedudukan pemilikan saham di-Malaysia.

JADUAL XVII
HAK MILIK SAHAM MODAL SYARIKAT-
SYARIKAT BERHAD MALAYSIA BARAT 1969

% JUMLAH

Melayu	1.5
Cina	22.8
India	0.9
Kerajaan Pusat dan Negeri	0.5
Pelaburan Luar Negeri	62.1
Lain-lain	12.2
 JUMLAH	 100.0

Funca: Rancangan Malaysia Kedua 1971 -

75 m.s. 46

Sudah menjadi satu kenyataan bahawa orang-orang Melayu adalah mundur dari segi ekonomi. Kalau dilihat pada Jadual XVII di atas didapati bahawa diantara kaum-kaum di Malaysia, orang-orang cina merupakan gulungan yang terbesar yang menguasai ekonomi negeri ini. Ini adalah berdasarkan kepada kenyataan bahawa mereka memiliki sebanyak 22.8% daripada modal dalam negeri berbanding dengan 1.5% yang dimiliki oleh orang Melayu dan 0.9% modal yang berada dalam tangan orang-orang India. Tapi kalau diteliti betul-betul akan hakikat sebenarnya didapati bahawa saham modal orang-orang cina ini adalah kecil sahaja peratusnya jika dibanding dengan apa yang dimiliki oleh Syarikat-

Syrikat Asing luar negeri yang memiliki sebanyak 62.1% daripada saham modal negeri ini. Ini bermakna bahawa komewahan negeri ini adalah di dalam tangan orang asing daripada luar negeri.

Kedudukan ini tidak dapat difahami oleh penduduk-penduduk luar bandar atau sebahagian daripada masyarakat Malaysia. Apa yang nyata kepada mereka ialah bahawa kaum bukan bumiputera menguasai ekonomi negeri ini. Ini mereka alaskan kepada gedung-gedung perniagaan yang dimiliki oleh orang-orang Cina. Oleh kerana kurang memahami akan keadaan yang sebenar maka pemahaman yang sedemikian itu dapat mewujudkan ketegangan ras di Malaysia.

Dalam menghadapi masalah ketidakseimbangan pemilikan saham modal antara kaum, kerajaan nampaknya menumpukan perhatian khusus terhadap orang-orang Cina yang hanya merupakan 'petty bourgeoisie' tanpa mendedahkan kenyataan yang sebenar bahawa tangan pemodal-pemodal asing. Orang-orang asing atau syarikat-syarikat asing luar negeri bukan sahaja memiliki 62.1% daripada saham modal negeri ini tapi juga 20% ladang getah dan kelapa sawit yang mana kedua-dua tanaman ini merupakan tanaman-tanaman utama Malaysia. Jadi nampaknya matlamat kerajaan untuk membuka peluang kepada orang Melayu khususnya yang tinggal di luar bandar supaya memiliki saham sebanyak 20% itu dalam jangka masa 20 tahun itu pada realitiya menimbulkan suatu tanya kepada kita tentang praktisnya.

Walau pun begitu, didapati kerajaan telah merancangkan berbagai-bagai polisi yang dapat memberikan keuntungan kepada orang-orang Melayu seperti memberi pinjaman wang atau modal daripada agensi-agensi kewangan negara dan juga memperuntukkan kerja-kerja tertentu di sektor bandar. Kita juga dapat bahan bahwa timbulnya kaum borgois Melayu bukanlah merupakan satu jawapan ke arah membasmikan kemiskinan orang-orang Melayu. Tapi dengan adanya langkah ini kerajaan mengharapkan supaya orang-orang Melayu akan merasa puas hati kerana ada juga gulungan orang-orang Melayu yang dapat dikelaskan sama dengan gulungan borgois bukan Melayu, walau pun sebahagian besar daripada penduduk-penduduk luar bandar masih berada didalam kemiskinan. Memang benar bahawa kerajaan telah memperuntukkan pekerjaan-pekerjaan tertentu untuk orang-orang Melayu yang berpelajaran di bidang industri-industri dan pejabat-pejabat kerajaan tapi langkah-langkah seperti ini bukanlah satu penyelesaian ke arah menghapuskan kemiskinan orang-orang Melayu keseluruhannya.

DILEMA KEMISKINAN DI KALONGAN PETANI-PETANI

Lebih kurang 70% daripada penduduk-penduduk Malaysia adalah terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar. Kebanyakannya daripada penduduk-penduduk ini adalah melibatkan diri mereka dengan pertanian supaya pendapatan-pendapatan dari pada pekerjaan-pekerjaan yang berkaitan dengan pertanian akan setanding dengan yang terdapat di kawasan-kawasan urban.

Kerajaan telah membuat peruntukan yang besar daripada 'public investment' untuk memajukan sektur pertanian. Sungguh pun wang banyak dicurahkan kepada sektur pertanian ini tapi kemajuan yang diperolehi daripada bidang ini tidak begitu menggalakkan.

Lampiran C menunjukkan bahawa sebanyak 26.5% daripada public investment ditumpukan ke dalam bidang pertanian melebihi daripada sektur-sektur yang lain. Tapi dari segi kadar pertambahan tahunan atau annual rate of growth umpamanya pada tahun 1965 - 1970 hanya menunjukkan sebanyak 6.8%, jika dibandingkan dengan lain-lain sektur seperti sektur perlombongan dan penggalian yang mempunyai annual rate of growth sebanyak 11% dan sektur perusahaan 9.9%.

Bagi sektur pertanian, tanaman utama yang bukan ekspot ialah padi. Pada umumnya pengeluaran padi di negeri ini adalah diusahakan oleh petani-petani small holdings. Pertambahan dalam pengeluaran hasil padi adalah disebabkan oleh pertambahan dalam yield kerana adanya tanaman dua kali setahun dan bukan pertambahan bagi tiap-tiap ekar sawah yang diusahaikan. Satu revolusi pertanian hendaknya mencerminkan bukan sahaja pengeluaran hasil padi yang lebih tapi juga menghasilkan petani-petani yang makmur. Kedua-dua ini tidak semestinya mempunyai kaitan kerana hal ini bergantung kepada sistem milik tanah atau land-tenure.

Di mulut Sungai Loken ini, walaupun terdapat pembaharuan dari segi teknik menghasilkan padi dan ada

SEKTUR	1956 - 1960		1960 - 1965		1966 - 1970(EST)		1971 - 1975 (ALLOC)	
	\$ juta	%	\$ juta	%	\$ juta	%	\$ juta	%
Pertanian	227.5	23.6	475.6	49.0	1,114.8	26.3	1,921.54	26.5
Pengangkutan dan Perhubungan	258.1	26.8	876.8	27.2	747.9	17.6	1,588.38	21.9
Utilities	238.6	24.8	590.2	22.8	681.4	16.1	747.09	8.4
Industri	12.1	1.3	69.2	2.6	141.3	3.3	613.96	14.7
Kebajikan Sosial	138.8	14.4	608.5	17.6	752.1	17.7	1,067.38	14.7
Pentadbiran Am dan Keselamatan	96.6	9.1	176.2	9.8	804.9	19.0	1,311.65	18.1
JUMLAH PUBLIC INVESTMENT	971.7	100.0	2796.5	100.0	4,242.4	100.0	7,250.00	100.0

Punca:

Rancangan Malaysia Lima Tahun Pertama 1956 - 1960

Rancangan Lima Tahun Pertama 1961 - 1965

Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975

pertambahan pengeluaran hasil padi tapi pertambahan dari segi pendapatan adalah tidak seimbang dengan hasil pengeluaran padi. Oleh itu dari segi pendapatan masih terdapat jurang perbedaan antara penduduk-penduduk Melayu luar bandar dengan pendudu-penduduk bukan Melayu di bandar-bandar. Perbandingan antara pendapatan orang-orang Tionghua dengan orang-orang Melayu dapat menjelaskan kedudukan ini. Mengikut Silcock, hitung panjang pendapatan setahun bagi seorang Melayu yang dewasa selepas merdeka ialah £1,433-00 manakala pendapatan orang-orang Tionghua pula ialah \$3,264-00 atau hampir dua setengah kali ganda daripada apa yang didapati oleh orang Melayu.(3) Apa yang patut diperhatikan ialah bahawa 82% daripada orang-orang Melayu luar bandar dan 53% daripada orang-orang Melayu di kawasan urban mendapat kurang daripada \$200-00 sebulan manakala hanya 42% orang-orang Tionghua di kawasan luar bandar dan 40% di kawasan bandar sahaja yang berada dalam keadaan atau kedudukan yang sama. (4) Masalah pendapatan rendah di kalanngan petani-petani di luar bandar berpunca sebahagiannya daripada sistem milik tanah.

(3)

Silcock, T.H. and Fisk, E.K., "Communal and Party Structure" in the Political Economy Independent Malaya. (Singapore Western University Press 1963) m.s. 2.

(4)

Ibid., m.s.3

JADUAL XVIII
STATUS MILIK TANAH SAWAH PESTANI-PETANI

STATUS	BILANGAN	PERATUS
Tuan Tanah	29	41.4
Penyewa	31	44.3
Tuan Tanah dan Penyewa	10	14.3
Bilangan Responden	70	

Jadual XVIII di atas menunjukkan bahawa sebanyak lebih kurang 41% daripada responden mempunyai tanah sawah sendiri; 44% merupakan penyewa tanah dan lebih kurang 14% terdiri daripada pemilik dan penyewa. Mereka yang tidak bertanah dan juga mereka yang mempunyai tanah sawah yang kecil umumnya di antara 1 hingga 3 ekar, terpaksa menyewa tanah sawah daripada tuan-tuan tanah yang memiliki tanah yang luas untuk mendapatkan sumber pendapatan bagi menyerahkan famili mereka. Mereka ini bukan sahaja terpaksa membayar sewa tanah yang tinggi tapi juga perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berhubung dengan penanaman padi. Berikut ialah perbelanjaan yang perlu dibayoi oleh seorang petani bagi satu relong tanah sawah.

JADUAL XIX

PERBELANJAAN KE ATAS SEREJUNG TANAH SAWAH

BUTIR-BUTIR	PERBELANJAAN DALAM \$
Sewa tanah setahun	200-00
Upah tractor	30-00

Baja	40-00
Upah menanam	30-00
Upah kerat	70-00
JUMLAH	270-00

Mengikut kenyataan petani-petani di Kawasan ini, serelung tanah sawah dapat menghasilkan sebanyak empat tunca padi. Marganya bagi sekunca padi ialah \$108-80 sen. Ini bermakna bahawa bagi tiap-tiap serelung tanah, petani-petani akan memperolehi pendapatan sebanyak \$435-20 sen. Tapi setelah ditolak perbelanjaan maka pendapatan bersih yang tinggal hanya sebanyak \$165.20 sen. Ini menunjukkan bahawa mereka yang tidak mempunyai tanah sendiri hanya dapat hidup setakat sara diri atau subsistence level sahaja. Faktur kekurangan tanah merupakan punca utama kemiskinan petani-petani di mukim ini. Cara-cara untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah ini ialah dengan mengadakan reformasi tanah. Tapi hingga masa ini reformasi tanah hanya dilakukan dengan pembukaan tanah-tanah baru oleh kerajaan melalui Rancangan Tanah FLDA dengan memberikan perhatian berat terhadap masalah kekurangan tanah yang dihadapi oleh petani-petani di sini yang kedang-kudang terikut dengan sistem landlordism.

Tuan-tuan tanah atau landlord yang mempunyai tanah sawah yang luas dapat memperolehi lebihan pengeluaran daripada tanah-tanah sawah mereka itu. Denya-

gulungan daripada petani-petani yang bertanah ini sahaja yang dapat melaburkan wang lebih mereka itu dengan membeli saham-saham modal syarikat-syarikat yang berada dalam negeri ini. Tapi kebanyakannya daripada mereka ini mempunyai pengetahuan yang kurang dalam 'managerial competence' untuk melaburkan wang mereka dalam bidang-bidang perusahaan bukan sahaja memerlukan risiko tapi juga mereka terpaksa menunggu masa yang agak lama untuk memperolehi hasilnya.

Beban hutang yang ditanggung oleh petani-petani di mukim ini agak meluas. Punca pokok hutang piutang di kalangan masyarakat ini disebabkan oleh kekurangan modal dan ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktur seperti sifat boros dan juga kerana hasil padi yang kurang. Oleh kerana ujud keadaan kemiskinan ini maka keinginan untuk mengadakan simpanan menjadi negatif. Keadaan begini akan membuatkan petani-petani ini berhutang apabila kesempitan wang mereka hidup mereka. Kemiskinan di kalangan petani-petani ini akan ujud kekal selagi tingkat pendapatan mereka berada lebih rendah daripada tingkat penggunaan atau consumption. Kemiskinan akan menyebabkan mereka berhutang dan hutang ini akan menambahkan lagi kemiskinan mereka.

Tuan-tuan tanah atau landlord akan mengenaan sewa yang tinggi di mana terdapat permintaan yang besar ke atas tanah-tanah sawah mereka. Lebihan penduduk mempunyai implikasi yang besar ke atas famili-

famili yang mempunyai tanah sauh yang kecil. Angguta yang **ramai** di dalam sesuatu famili tani akan mewujudkan kesempitan hidup dan faktur ini akan menyebabkan timbulnya hutang piutang, pemecahan tanah atau 'land fragmentation' dan mungkin penjualan tanah. Berkaitan pemecahan tanah, Professor Ungku Azizi mengatakan,

"Fragmentation is wasteful of the farmer's time, energy and equipment. It promotes the expansion of land-lordism and results in greater inefficiency in agriculture as well as increased poverty." (5)

Alibat daripada proses ini akan menimbulkan satu struktur masyarakat yang berkelas-kelas yakni kelas petani yang bertanah dan petani yang tidak bertanah.

Pendapatan daripada hasil padi akan menjadi lebih rendah kerana tidak ada perkembangan teknologi. Dengan adanya perkembangan teknologi, didapati hasil pengeluaran padi menjadi bertambah. Tapi oleh kerana mereka ini dihinggapi oleh penyakit hutang piutang dan fragmentasi tanah maka pengeluaran padi yang berlebihan tersebut dapat dilepaskan oleh penyakit masyarakat tersebut. Oleh itu jalan ke arah pembangunan hendaklah meliputi langkah-langkah untuk membasmikan penyakit-penyakit masyarakat tersebut serta usaha yang gigih daripada kerjaan untuk meninggikan hasil peng-

(5)

Ungku A. Aziz, "Land Disintegration and Land Policy in Malaya," Malayan Economic Review, Volume III, No. 1, April 1958, n.s. 4

luaran padi dan juga mengurangkan nisbah petani dengan tanah.

Sejak adanya kekurangan beras pada tahun 1873, kerajaan mula membuat penekanan bahawa negeri kita ini mestilah mencapai 'self sufficiency' dalam perusahaan padi. Sejak itu didapati motto ini telah menjadi polisi kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut. Perusahaan padi asalnya ialah satu pekerjaan tradisi orang-orang Melayu dan sehingga kini masih menjadi pegangan hidup bagi orang-orang Melayu di luar bandar seolah-olah ianya merupakan 'Malay preserve'. Polisi ini sering mendapat sokongan daripada orang-orang Melayu. Sungguh pun benar bahawa kerajaan telah mengedarkan 'price support policy' bagi petani-petani dengan meletakkan harga-harga minima di mana kerajaan bersedia untuk membelinya tapi langkah yang seperti ini nampaknya bertujuan untuk mengekalkan orang Melayu dalam bidang ini supaya tidak bertukar kepada tanaman lain. Rancangan yang seumpama ini juga dapat dipandang sebagai satu polisi yang bukan bertujuan untuk meninggikan pendapatan petani-petani Melayu.

Petani-petani di sini seperti mana juga dengan petani-petani lain di Malaysia, mempunygi sedikit sahaja lebihan padi untuk dijual. Kebanyakan mereka menghasilkannya semata-mata untuk kegunaan sendiri. Kerap kali didapati bahawa harga minima padi yang dipersetujui oleh kerajaan adalah lebih rendah daripada harga di pasaran bebas.

SARANAN KE ARAH PEMBERANGUNAN TANI

Masalah kekurangan tanah di kalangan penduduk-penduduk desa merupakan satu problem yang central. Pada umumnya didapati tiap-tiap keluarga tani dihitung panjang mempunyai keluasan tanah sawah antara tiga atau empat ekar. Kedudukan tanah-tanah sawah yang kecil ini tidak mendatangkan 'economy of large scale'. Bagi mengatasi masalah ini beberapa reforms harus dilakukan. Di antaranya ialah:

1. Pembukaan tanah-tanah baru bagi aktiviti pertanian.
2. Menggalakkan masyarakat desa supaya keluar daripada bidang pertanian.
3. Pembaharuan dalam milik tanah atau reformasi tanah.

Pembaharuan tanah atau 'land reforms' adalah satu persoalan yang kontroversial. Di antara tujuan-tujuan 'land reforms' ialah:

1. Menyatukan tanah-tanah sawah yang kecil yang tidak ekonomikal akibat daripada pemecahan pusaka. Penecahan ini kalau berterusan akan menimbulkan masalah kepada usaha-usaha untuk mencapai keseimbangan ekonomi.
2. Menghapuskan 'landlordism' dan penyewaan tanah supaya tanah dikerjakan oleh tuan tanah itu sendiri.
3. Mewujudkan ladang-ladang jenis estet..

di bawah pengurusan yang cekap sama ada secara kooperatif atau 'profit sharing'. Konsep 'family farm' sudah ketinggalan zaman dan mestilah digantikan dengan cara yang moden.

Masalah pemilikan tanah yang sedikit akan dapat diselesaikan sekurang-kurangnya melalui Syarikat-Syarikat Kerjasama. Pemilik tanah yang sedikit jika digabungkan di dalam satu syarikat akan menjadikan jumlah tanah yang luas. Pemilik-pemilik tanah yang kecil itu akan dapat mengelakkan diri dari cengkaman dan pujukan orang-orang tengah dan lain-lain pengaruh dalam hal berhubung dengan penasaran hasil tanaman mereka. Syarikat yang licin pentadbirannya akan dapat dijadikan sebagai asas bagi petani-petani itu untuk menggunakan alat-alat jentera moden yang patut diberi oleh kerajaan. Dengan cara ini kesan langsung yang dapat dilihat ialah petani akan mengusahakan tanah mereka untuk tujuan pasaran kerana terdapat lebihan dari perusahaan mereka. Kesan yang jelas ialah mereka akan lebih banyak terlibat dalam sistem 'monetary' yang membolehkan mereka menjalankan usaha-usaha pengumpulan modal, pembelian saham-saham yang berguna untuk saha-usaha pertanian, membentuk satu cara hidup yang berpatutan dan seterusnya kemiskinan di kalangan masyarakat tani akan lenyap sedikit demi sedikit dengan sendirinya.

Puca lain yang menyebabkan ketidakseimbangan

ekonomi desa dan bandar ialah faktur pemilikan modal. Modal adalah salah satu faktur pengeluaran yang penting. Ianya datang dari tabungan tapi malangnya penduduk-penduduk desa ini mewarisi dua perkara yang menyedihkan. Pertama sekali ialah tidak ada lebihan pendapatan untuk ditabungkan. Oleh itu tidak ada pelaburan dan ini menyebabkan pendapatan mereka tidak bertambah. Dengan itu satu pusingan kemiskinan akan senantiasa terdapat di kalangan masyarakat tani.

Bagi orang-orang yang ada lebihan pendapatan pula, tabiat menabung untuk kegunaan pelaburan maseh belum miresapi jiwa mereka. Pada umumnya tujuan menabung bagi mereka ialah untuk pergi ke Mekah atau menguruskan kenduri kahwin anak-anak mereka.

Pengumpulan modal adalah perlu dan merupakan satu punca kemajuan ekonomi. Seluruh masyarakat Melayu terutamanya di desa-desa hendaklah mengamalkan tabiat suka menabung wang. Wang yang disimpan itu bolehlah dilaburkan dalam membeli saham-sahan atau pun insuren-insuren.

Masalah yang tidak kurang penting yang dihadapi oleh petani-petani desa ialah masalah buruh. Kebanyakannya daripada petani-petani di luar bandar adalah tergulung dalam kategori buruh yang kurang mahir. Mereka ini tidak terlatih dan tidak berpeluang untuk dilatih. Selagi tenaga buruh di luar bandar itu tidak berlatih, selama itulah mereka tidak dapat melangkah keluar dari sawah ladang mereka untuk membaiki kedudu-

kan ekonomi mereka. Tidak terdapat gejala-gejala yang menunjukkan adanya pengurangan dalam bilangan petani-petani yang 'under-employed' di tanah-tanah sawah.

Apa yang patut dilakukan ialah dengan memberi pekerjaan kepada petani-potani yang under-employed ini di sektur sektur yang lain. Dengan ini dapatlah tanah-tanah sawah itu dikerjakan oleh keluarga-keluarga tani dengan tidak payah menyarakan tanggungan ahli-ahli keluarga yang lebih daripada sepatutnya.

Dengan cepatnya mereka ini keluar daripada bidang pertanian, lagi cepat pula tercapainya keseimbangan ekonomi antara masyarakat tani dengan penduduk-penduduk kawasan urban. Bilangan yang terlalu ramai tidak diperlukan bagi mengerjakan pertanian. Keluar dari bidang pertanian tidak bermakna berpindah ke bandar-bandar tapi berpindah kepada perindustrian yang bersaskan kepada pertanian seperti memproses hasil-hasil tani, membekalkan bahan-bahan imput ladang seperti baja dan makanan ternakan.

Kita harus ingat bahawa untuk mencapai 'economics efficiency' dalam pertanian, kita perlukan lebih banyak tanah dan modal bagi tiap-tiap ekar tanah. Pertanian dalam bentuk 'family farm' tidak dapat memberi kemewahan dalam ciptaka yang sebenarnya kepada penduduk-penduduk desa, lebih-lebih lagi dengan keadaan 'land tenure' dan keluasan ladang keluarga tani yang ada sekarang.

Kedidakseimbangan antara ekonomi desa dan bandar adalah juga berpunca daripada sistem sosial yang diwarisi oleh orang-orang desa,umpamanya orang-orang desa memandang terlalu tinggi kepada pemilikan tanah. Kepada orang-orang Melayu pemilikan tanah memberi kepuasan yang tidak ada hubungan dengan hasil yang diperolehi dari tanah yang kecil itu. Kalaupun mereka ada sedikit wang dan kalaupun mereka tidak mengerjakan haji ke Melaka ada kemungkinan mereka akan membeli tanah. Oleh itu dapat dikatakan bahawa pandangan terhadap tanah adalah pandangan yang emotional dan bukan hanya rasional.

Selain dari itu, masalah lain yang tidak kurang penting yang dihadapi oleh petani-petani di desa ialah hasil pengeluaran yang rendah, penggunaan teknologi yang kurang 'sophisticated', kemunduran dalam bidang pengeluaran dan cara-cara organisasinya yang kurang efisien. Kesan ekonomi yang lahir hasil dari penggunaan teknologi yang minim serta pemilikan tanah sawah yang kecil dan tidak ekonomik itu akan memberi keuntungan yang minima juga. Bagi mengatasi masalah ini, teknologi yang merangkumi bidang idea-idea baru adalah mustahak diorientasikan oleh kerajaan dengan tegasnya. "lat-alat teknologi moden akan hanya berkesan di talangan masyarakat tani luar bandar jika pemilikan tanah dapat dibatik dan mengurangkan unsur penyewaan. Kepentingan teknologi dan faedahnya harus diperkenalkan kepada petani-petani ini secara

praktikal dan sikologikal.

Universiti Malaya

BAB KELIMA

POLITIK DAN KONFLIK SOSIAL

Masyarakat tani Sungai Lokan adalah terdiri dari peda satu kelompok ethniki, satu budaya, satu agama dan satu cara hidup yang hampir homogenous. Walau pun terdapat persamaan dalam budaya dan sosial tapi dalam hal politik ujud satu dikotomi sosial pada penduduk-penduduk desa ini. Kalau diperbanding dari aspek politik didapati bahawa masyarakat ini mempunyai satu variasi dalam budaya politik. Dengan budaya politik dimaksudkan sikap, kepercayaan, emosi dan nilai yang terdapat pada satu-satu masyarakat yang berkait dengan sistem politik atau pun issue-issue politik dalam negeri. (1) Oleh itu kita lihat walau pun dari segi sosial, masyarakat ini menampakkan **ciri-ciri** yang hampir seragam tetapi dalam soal politik dapat dikesan bahawa ada seolah-olah kelsinan faham dalam penglibatan politik. Sontiasa seseorang individu terhadap parti politik tidak dapat dikesan secara sedar tapi dapat diperhatikan secara implicit pada seseorang individu itu atau pun pada satu kelompok individu mereka dengan sistem politik yang ada dalam negeri ini.

1.

Allan R. Ball, Modern Politics and Government (Mac Millan Press Limited, London 1971) m.s.56

Oleh kerana ujud perbedaan tentang sikap, kepercayaan, emosi dan nilai antara seseorang individu dengan individu yang lain dan juga di antara satu kelompok individu dengan kelompok individu yang lain maka sudah tentu akan ujud perbedaan dalam fahaman politik antara satu gulungan dengan gulungan yang lain.

Dalam negeri kita ini terdapat berbagai-bagai parti politik seperti Perikatan, PAS, Gerakan Malaysia, DAP? PPP dan Parti Rakyat sebagai parti-parti politik yang sudah 'established' dan Parti Pekemas dan Parti Marhaen yang kini dalam usaha-usahanya sedang mencari pertapakan dalam sistem politik negeri ini.(2) Sungguh pun pada dasarnya didapati bahawa parti-parti politik ini menekankan perjuangannya untuk rakyat umum yang berbilang kaum tapi pada hakikinya tidak dapat disangkal yang setengah daripada parti-parti ini umpannya DAP dan PAS adalah bercorak perkauman dan seolah-olah hanya mewakili satu-satu kelompok etnik dan merupakan juara bagi kaum-kaum tertentu. Sungguh pun begitu terdapat juga beberapa parti politik yang bersifat

2.

Parti Perikatan atau Alliance adalah terdiri dari pada gabungan tiga parti yang communal yaitu United Malays National Organisation (U.M.N.O), Malaysian Chinese Association (M.C.A.) dan Malaysian Indian Congress (M.I.C.).
Parti PAS atau P.M.I.P adalah kependekan daripada Parti Islam Seluruh Melayu - parti yang memerintah negeri Kelantan dewasa ini.
Parti DAP atau Democratic Action Party ialah Satu cabang daripada Peoples Action Party (PAP) di S'pore, dengan Koh Hock Guan sebagai Setiausaha Agung dan Mr. Lim Kit Siang sebagai Organising Secretary.

'inter-communal' dan termasuk dalam kategori ini antaranya ialah parti Gerikatan, Parti Rakyat Melayu dan Gerakan Malaysia.

Di kalangan pengikut-pengikut suatu parti politik ujud solidariti dan integrity di antara mereka tentang issue-issue politik dalam negeri. Di samping itu sering juga terdapat sikap permusuhan antara parti-parti politik. Pertentang atau sikap permusuhan ini dilakukan sama ada secara terbuka melalui akhbar-akhbar tempatan. Konflik antara parti-parti politik boleh mewujudkan disintegrasi sosial antara penduduk-penduduk berbilang kaum dalam negeri ini. Tragedi Mei 13, 1969 dapat diketengahkan sebagai suatu manifestasi disintegrasi sosial dan politik. Konflik ras yang ujud itu sebenarnya berpunca daripada konflik antara parti politik yang memperjuangkan aspirasi kelompok-kelompok etnik yang tertentu.

PERTIRAIAN FAHAM U.M.N.O -PAS DI SUNGAI LOKAN

Di mukim Sungai Lokan ini terdapat dua fahamian kepartian di kalangan penduduk-penduduknya. Dua aliran kepartian yang ujud ialah antara U.M.N.O yang dominen dan PAS yang 'recessive'. Walaupun ke-

P.P.P. ialah kependekan daripada The Peoples Progressive Party dengan Dato S.P. Seenivasagam sebagai Presidennya.

Pengerusi Parti Rakyat Melayu ialah Saudara Kassim Ahmad dengan Saudara Syed Hussin Ali sebagai Setia Usaha Agungnya.

Pekemas ialah sebuah parti politik baru yang ujud hasil daripada krisis dengan parti Gerakan Malaysia.

dua-dua parti politik ini merupakan parti-parti yang memperjuangkan hasrat dan kemajuan untuk orang-orang Melayu tapi perjuangan parti-parti politik tersebut adalah pada berlainan perspektif. Bagi penduduk-penduduk kawasan ini perjuangan U.M.N.O dan PAS serta matalamat-matalamat mereka merupakan dua dunia yang berasingan, umpamanya U.M.N.O lebih banyak menekankan faham Kebangsaan manakala PAS pula lebih memberatkan nasionalisme dan faham keislaman. Kelainan ideologi antara U.M.N.O dan PAS merupakan punca-punca yang menyebabkan berlakunya dikotomi dalam masyarakat ini kepada dua puak yakni penyokong-penyokong U.M.N.O dan penyokong-penyokong PAS.

Sokongan di kalangan penduduk-penduduk desa ini kepada dua parti yang berbeda itu telah mewujudkan satu situasi yang meletakkan dua gulungan pengikut parti dalam keadaan yang boleh menjelmaan pertentang sama ada dalam bentuk kata-kata yakni makihamun atau pun dalam bentuk fizikal. Situasi ini mungkin tidak dapat dilihat manifestasinya tapi secara terpendam ada asas-asas untuk menimbulkan tanda-tanda konflik. Pertentangan antara dua gulungan itu berlaku dalam satu struktur masyarakat dengan tidak mengubah sama sekali struktur masyarakat tersebut. Ada sikap toleransi dalam masyarakat ini terhadap konflik asalkan konflik itu tidak besar dan dapat diawasi.

Gulungan yang menyokong PAS memperlihat-

kan sikap perkauman yang extreme dan sikap tidak puas hati terhadap kerajaan Perikatan. Oleh kerana parti PAS menekankan elemen agama sebagai salah satu daripada ideologi parti maka ini menyebabkan pengikut-pengikutnya mempunyai sikap presangka terhadap kumpulan atau kelompok lain yang tidak bersepakir dengan mereka khususnya orang-orang bukan bumiputera. Mengikut Ratnam,

"PMIP is an extreme Malay communal party which increases its support by arousing Malay fear of Chinese domination by advocating a policy of "Malaya for the Malays, and by channelling dissatisfaction with Alliance policies into a program for communal solidarity." (3)

Mereka yang menjadi pengikut PAS ini didapati mempunyai latarbelakang pendidikan agama yang kuat serta faham kebangsaan dan perkauman yang extreme. Kenyataan daripada beberapa orang pengikut PAS menunjukkan pendirian mereka terhadap parti pilihan mereka:

PAS adalah sebenar-benar parti orang Melayu yang berjuang untuk orang-orang Melayu dan agama Islam. Parti-parti politik yang lain adalah bertentangan dengan Islam.

Pemerintahan negeri ini mestilah berdorak Islam dan segala dasar-dasar pemerintahan yang bertentangan dengan ajaran Islam hendaklah dihapuskan.

(3)

K.J. Ratnam, "Political Parties and Pressure Groups," dalam Wang Gungwu (ed) *Malaysia* (N.Y. Frederick A. Praeger, 1964) m.s.538.

Politik dan agama tidak boleh dipisahkan. Hanya PAS sahaja yang dapat menjamin kedudukan hal istimewa orang-orang Melayu. Agama Islam dan Kebudayaan Melayu.

Penyokong-penyokong yang mendukung ideologi U.M.N.O adalah lebih moderate, liberal dan mempunyai sikap toleransi jika dibandingkan dengan pendukung-pendukung parti PAS. Selain dari mempunyai pandangan rasional, mereka juga berpendapat bahawa walau pun U.M.N.O bersekutu dengan MCA dan MIC, penyatuan seumpama ini dirasai perlu kerana proses sejarah yang telah dilalui oleh negara kita. Penyatuan ini tidak akan menjelaskan perjuangan U.M.N.O untuk melindungi kepentingan dan hak istimewa orang-orang Melayu dari segi perlembagaan. Gulungan ini berpendapat yang orang-orang Melayu tidak seharusnya bimbang tentang kedudukan bangsa Melayu dari segi politik kerana kalau ditinjau susunan politik atau pemerintahan negeri ini, nyatahal kekuasaan politik adalah ditangan orang-orang Melayu. Ini jelas dapat dilihat pada kedudukan ratio menteri-menteri Melayu dengan bukan Melayu dan juga bilangan wakil-wakil rakyat di Dewan Rakyat.

Sebenarnya pertentangan yang ujud pada masyarakat ini ialah pertentangan ideologi sahaja. Penyokong-penyokong PAS menganggap bahawa U.M.N.O sebagai salah satu rakan Perikatan tidak dapat memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu secara

efektif kerana U.M.N.O terpaksa juga memikirkan kepentingan suku-suku kaum yang lain dalam M.C.A dan M.I.C. Mereka berpendapat bahawa U.M.N.O dan polisi-polisinya lebih menguntungkan gulungan-gulungan yang berada atau kelas pertengahan tiga kaum tersebut yakni Melayu, China dan India. ¹ Faedah yang diperolehi daripada polisi-polisi U.M.N.O untuk kemajuan rakyat jelata, khususnya orang-orang Melayu di desa boleh dikatakan tidak banyak malau dibandingkan dengan penduduk-penduduk yang mendiami kawasan-kawasan urban. Mereka menegaskan bahawa hakikat ini haruslah disedari oleh penduduk-penduduk desa ini. Oleh itu solongan yang besar dari segi moral dan juga material patutlah diberi kepada PAS supaya penyelewengan U.M.N.O terhadap kepentingan orang-orang Melayu dapat dibasmikan.

Gulungan yang menjadi penyokong U.M.N.O pula melihat PAS sebagai parti politik yang banyak menekankan sentimen keagamaan tidak boloh mentadbirkan pemerintahan negeri ini dengan efektif kerang PAS terpaksa menyedari hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negeri yang berbilang bangsa. Oleh itu pertimbangan yang wajar harus juga diberi kepada gulungan-gulungan lain yang terdiri daripada bukan Melayu supaya ketekunan politik dan kemakmuran ekonomi dapat dinikmati oleh semua. Mereka berpendapat bahawa penduduk-penduduk bukan bumiputera adalah perlu dan penting bagi negeri ini kecemas kepentingan negara nahu pun dari segi politik atau

pun lebih-lebih lagi dalam bidang ekonomi.

Pertentangan faham antara penyokong-penyokong PAS yang extreme dengan penyokong-penyokong U.M.N.O yang moderate itu sebahagiannya adalah ditentukan oleh latar belakang pendidikan yang berlainan, tingkatan umur dan juga kesedaran politik yang berbeda di kalangan penyokong parti-parti poliyik tersebut. Kebanyakan daripada pengikut-pengikut parti PAS yang telah diketemui itu mempunyai pendidikan agama yang kuat dalam erti kata yang mereka ini mendapat pelajaran agama secara formal dan mempunyai keluarga yang berorientasikan agama. Dari segi umur, mereka ini tergulung dalam lingkungan usia antara 30 tahun hingga 50 tahun dan kesedaran politik mereka agak terbatas kepada soal-soal yang berhubung dengan Islam, faham nasionalisme, dan issue-issue perkauman. Berbeda dari pengikut-pengikut U.M.N.O mempunyai latar belakang pendidikan yang berorientasikan agama dan juga secular. Gulungan ini mempunyai pandangan hidup yang liberal dan sikap toleransi terhadap politik dalam negeri. Pandangan dan sikap mereka terhadap politik sebahagiannya mencerminkan sikap dan pandangan politik pemimpin-pemimpin politik desa. Begitulah juga dengan pengikut-pengikut PAS, di mana kebanyakan daripada mereka ini juga di peringkat daerah.

Adalah menjadi kelaziman bagi tiap-tiap orang Melayu bahawa pendidikan agama adalah satu perkara yang mesti lebih-lebih lagi bagi masyarakat desa kerana agama adalah penting untuk akhirat. Maka terhadap agama

merupakan satu nilai yang dominan pada masyarakat tani. Kebanyakan daripada pengikut-pengikut PAS menjadikan agama sebagai sandaran politik mereka. Mereka menekankan yang agama dan politik mempunyai hubungan saling melengkapi antara satu sama lain. Politik negeri ini bagi pandangan mereka harus berbentuk politik Islam.

Pandangan yang kontra terhadap sebahagian daripada pengikut-pengikut U.M.N.O . Eagi gulungan ini agama adalah perlu untuk akhirat tapi pelajaran dunia tidak harus dikosongkan untuk menjalani proses hidup kerana ia mempunyai nilai ekonomi. Gulungan ini menekankan bahawa agama tidak harus dicampuradukkan dengan politik kerana agama dan politik merupakan dua bidang hidup yang mana masing-masongnya meminta pendekatan yang berlainan bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut.

Berdasarkan kepada tingkatan umur, dapat dilihat bahawa ujud pertentangan dalam nilai hidup antara generasi muda dengan generasi lama. Perbedaan nilai antara dua generasi tersebut bukan sahaja disebabkan oleh perbezaan umur tapi juga oleh perbezaan latar belakang pendidikan. Oleh itu dapat dilihat bahawa gulungan yang kuat berpegang kepada ahama akan mudah tertarik atau menerima sesuatu ideologi politik yang menggunakan elemen agama sebagai salah satu dasar manifesto parti. Ini dapat dikesan dalam dasar perjuangan parti PAS yang menjadi pegangan sebahagian besar penyokong PAS mukim ini yang bercita-cita untuk

mewujudkan suatu pemerintahan bercorak 'theocracy'. Fahaman seumpama inilah yang melahirkan 'factionalism' atau persukuan dalam masyarakat tani ini.

PUNCA-PUNCA KETEGANGAN SOSIAL

Fahaman kepartian dalam masyarakat ini timbul bukanlah daripada hasrat penduduk-penduduk desa ini tapi adalah kerana mendapat pengaruh daripada kader-kader politik dan juga daripada pucuk pemimpin-pemimpin parti sama ada di peringkat ranting atau pun daripada peringkat nasional. Dengan menggunakan sentimen-sentimen agama, ras dan ekonomi didepati pengaruh-pengaruh ini membawa kepada dikotomi masyarakat ini kepada dua faham kepartian yang menjalar masuk ke dalam masyarakat ini. Oleh kerana komunikasi penduduk-penduduk desa ini dengan masyarakat luarnya agak terhad maka dengan senang sahaja penduduk-penduduk di sini terpengaruh dengan sesuatu slogan atau pun diayah-diayah politik tanpa memperincikannya dengan kritis. Dengan cara ini didapati sesuatu ideologi politik itu sama ada yang berupa konstruktif maupun destruktif dengan mudah sahaja dapat berkembang dengan luas di kalangan masyarakat ini.

Secara hakiki boleh dikatakan bahawa kebanyakkan masyarakat tani ini sama ada yang 'literate' atau pun bukan 'literate' tidak faham betul tentang manifesto parti yang dianutti mereka. Tanggapan mereka terhadap manifesto parti sendiri adalah begitu kabur sekali. Apa yang mereka faham ialah bahawa PAS adalah parti politik Melayu tulen manakala U.M.N.O

pula adalah sebagai parti yang terluar dalam Perikatan yang mana manifestasi dasar-dasarnya nyatakan untuk faedah orang-orang Melayu. Ujungnya pengetahuan yang demikian mungkin disebabkan kurangnya kesedaran politik atau pun tiada kemudahan untuk mendapatkan butir-butir manifesto parti. Faktur yang lain ialah bahawa politik itu suatu affair yang bermusim dan ini membuatkan mereka mempunyai sikap apathy terhadap politik. Mereka juga terlalu preoccupied dengan masalah hidup dan mungkin tidak ada masa yang terluang bagi mereka untuk memikirkan tentang masalah-masalah politik. Kebanyakan daripada mereka sebok dalam aktiviti-aktiviti pertanian dan sosial yang lain yang mana melibatkan diri mereka dalam politik secara aktif.

Maklumat tentang kegiatan parti-parti politik atau pun konflik antara parti-parti politik diperolehi mereka daripada pembacaan akhbar dan juga melalui perbincangan dengan sahabat-sahabat mereka secara tidak formal sama ada di kedai-kedai kopi atau pun di rumah-rumah mereka. Biasanya issue-issue yang dibicarakan adalah perkara-perkara yang berbangkit dalam akhbar dan daripada issue-issue tersebut mereka cuba membuat interpretasi dan penilaian mereka sendiri. Perbincangan tentang soal-soal politik tidak sahaja berakhiri di kedai-kedai kopi tapi tersebar melalui mulut ke mulut sehingga menjadi luas penyiarannya.

Gossip dese ini merupakan satu media komunikasi yang cukup efektif dalam memperkenangkan sesu-

atu message. Ini adalah kerana sifat masyarakat ini yang ala Gemeinschaft di mana terdapatnya hubungan persempataan antara individu-individu dalam masyarakat ini. Melalui proses ini didapati bahawa sesuatu maklumat tentang sesuatu issue politik akan tersebar dengan luas dan akan merupakan ekspresi masyarakat umum. Secara sikologikal, ini akan mempertalikan individu-individu yang sealiran untuk membentuk kumpulan-kumpulan konflik.

Pertentangan ideologi antara PAS dan U.M.N.O ini tidaklah membawa kepada konflik yang berupa fisikal dalam ertikata yang ianya tidak mewujudkan perga-duhan antara penyokong-/enyokong PAS. Konflik ideologi ini dipendamkan dan hanya di manifestasikan apabila ujud situasi-situasi yang tertentu. Ini bermakna bahawa faham kepartian itu mempunyai benih-benih disensi dalam masyarakat ini sehingga dapat menjelaskan kehidupan sosial mereka. Manifestasi yang nyata yang memperlihatkan konflik sosial dapat dikesan dalam upacara-upacara kenduri kahwin, kenduri aruah dan juga perayaan-perayaan sozial yang dianjurkan oleh penyokong penyokong parti tertentu.

Balam soal kenduri, reaksi tentang senyap dapat dilihat jika diketahui ada oenyokong parti yang tertentu mengadakan kenduri tersebut. Jika kenduri kahwin diadakan oleh seorang penyokong U.M.N.O , kemungkinan jemputannya kepada mereka yang berfahaman PAS tidak akan mendapat sambutan. Maksudnya, walau

pun mereka tinggal dalam satu kawasan yang sama tapi oleh kerana berlainan faham maka kenduri tersebut akan mendapat boikot oleh puak yang bertentangan faham. Begitulah juga sebaliknya jika ahli PAS yang mengadakan kenduri tersebut. Ini memperlihatkan seolah-olah ujud tindak balas yang reciprocal antara penyokong-penyokong PAS dan U.M.N.O.

Kadang-kadang reaksi pemboikotan terhadap sesuatu majlis atau kenduri tidak begitu jelas manifestasinya dalam ertikata yang mereka yang dijemput itu walaupun berlainan faham tapi ada juga yang datang untuk menghadiri kenduri tersebut. Tapi kedatangan mereka adalah dengan tidak sepenuh hati. Mereka akan datang cuma pada ketika makan sahaja dan selepas itu mereka akan bersurai. Perlakuan seperti ini adalah berlawanan dengan tradisi hidup masyarakat desa yang lazim di mana jika ada sesuatu majlis kenduri, seluruh kampong akan datang beramai-ramai untuk menyerikan majlis teraebut dan memberikan kooperasi mereka tanpa mengirakan tenaga kerana segala pengurusan kerja adalah dilakukan secara bergotong royong. Kedudukan sosial yang memperlihatkan sesuatu pola solidariti mekanikal yang kukuh kini sudah bertukar menjadi 'disorganised' lantaran adanya dissensi politik di kalangan komuniti tani ini. Akibat daripada 'political behaviour' seumpama ini, berlakulah tindakan balas membela sikap penentangan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain bila diajak

sesuatu majlis konduri. Dalam hal ini anak-anak muda juga turut terpengaruh dengan sikap ibu bapa mereka kerana menjaga lotteem famili tersebut.

Oleh kerana takut menerima akibat buruk itu, ada beberapa keluarga tani yang terang-terang menyatakan bahawa mereka takut untuk memperkatakan sesuatu tentang politik kerana kuatir menerima sanction kenyataan daripada beberapa orang responden menggambarkan sikap curiga mereka:

Tidak guna berlaku perpecahan di kalangan masyarakat semata-mata kerana berlainan fahaman politik. Kita harus tumpukan hidup kita ke arah bidang yang lebih mendatangkan faedah yakni kemajuan dalam ekonomi.

Apa juga parti yang menerintah, nasib kita sebagai petani tetap juga mewarisi cara hidup yang miskin.

Setiap orang patut mementingkan kehidupan yang harmonis. Kita haruslah hidup berbaik-baik sebagai satu masyarakat dan bukan berpusuk-pusuk.

JADUAL XX
PUNCA-PUNCA KETEGANGAN SOSIAL

PUNCA-PUNCA KONFLIK	BILANGAN	PERATUS
Sentimen Parti	38	54.3

Sikap Frasengka	12	17.1
Pengaruh kumpulan	15	21.4
Sengkita atau Pengaduhan	5	7.1
Bilangan Responden	70	

Timbulnya faham Repartian di mukim ini adalah berdasarkan kepada beberapa punca. Jadual XX menunjukkan punca-punca yang membawa kepada ketikaian dalam masalah sosial khususnya dalam hal kenduri dan juga dalam proses interaksi mereka sehari-hari. Sebagaimana yang dapat dilihat daripada Jadual XX didoati sebahagian besar responden menyebutkan sentimen parti sebagai punca yang utama yang membawa kepada disintegrasi sosial. Oleh kerana pegangan yang kuat dan kepercayaan yang cara warisan didapati mereka ini sanggup menggunakan sebagai alat untuk bertindak bagi memulaikan majlis kenduri atau apa jua aktiviti sosial yang diselenggarakan oleh pihak lawan mereka. Punca yang kedua besar yang membawa kepada tindakan tersebut ialah punca yang disebabkan oleh pengaruh kumpulan atau peer-group. Biasanya kawan-kawan ini adalah se-aliran dengan mereka dari segi pelajaran, cara berfikir dan sikap terhadap hidup yang sama dalam beberapa hal. Dalam kategori ini terdapat 21% yang menekankan faktur pengaruh kawan sebagai punca yang mendorongkan ketegangan sosial. Orang-orang yang dipandang sebagai mempunyai pengaruh ke atas mereka ialah gulungan yang terdiri daripada guru, kerani dan pekerja-pekerja per-

jabat dan juga tidak ketinggalan ialah kader-kader politik yang sering berhubung dengan mereka. Gulungan ini diaaggap oleh orang-orang desa ini sebagai mempunyai 'political acumen' kerana penglibatan orang-orang ini dengan perkembangan politik dalam negeri. Selain dari itu terdapat cuma 17% daripada responden yang menyatakan sikap prasangka sebagai punca yang mengakibatkan disintegrasi sosial. Sikap prasangka ini timbul disebabkan oleh perbedaan kelas, taraf hidup dan juga sifat cembutu anggota-anggota masyarakat ini.

Walau pun ada punca-punca lain yang mendorongkan situasi ketegangan sosial seperti prasangka dan sikap bermusuhan-musuhan kerana soal peribadi tapi punca-punca ini bukanlah punca-punca yang dominan jika dibandingkan dengan faktur-faktur sentimen parti dan pengaruh kumpulan. Di sini dapat dilihat satu implikasi yang jelas terjelma pada masyarakat ini yakni lebih kuat sentimen mereka terhadap parti maka lebih 'intensify' pendirian mereka dalam menyusunkan pemboikotan sesuatu majlis atau keramaian pihak lawannya. Ini bererti bahawa pengaruh parti berfungsi dalam masyarakat ini sehingga mewujudkan 'fission' di kalangan penduduk-penduduk desa ini dan menjadikan mereka berpuak-puak. Sungguh pun sentimen terhadap parti merupakan satu unsur yang mewujudkan polarisasi sosial masyarakat tanpa tanya bukanlah merupakan kritesia tunggal kerana terdapat faktur-faktur sampingan yang

membawa ke arah 'fission' tersebut.

Kemunculan gejala-gejala moden ke dalam masyarakat ini dalam pengurusan hal-hal sosial seperti kenduri dapat dijadikan sebagai salah satu faktur pembentuk dalam mewujudkan ketegangan sosial. Dengan pengaruh moden dimaksudkan perubahan dari segi organisasi sosial yang berorientasikan bandar yang merupakan pusat modernisasi. Pada masyarakat ini sudah terdapat perlaksanaan organisasi sosial yang mendapat pengaruh moden dan manifestasinya dapat dilihat dalam upacara kenduri. Pengaruh moden ini hanya terdapat pada mereka yang bukan bekerja sebagai tani. Masyarakat tani memandang gejala moden ini dengan rasa ragum dan skeptisme.

Perbedaan nilai dan juga sikap skeptisme dan prasangka yang didasarkan kepada kelainan faham kepartian dijadikan senjata oleh generasi lama yang kuat berpegang kepada tradisi untuk menentang gulungan-gulungan reformis. Berkaitan dengan kenduri, kalaupun di kampung lazimnya di samping jamuan nasi, juga diadakan bacaan ayat-ayat Al-Quran tapi dengan adanya pengaruh moden terdapat beberapa pembaharuan dan perubahan seperti persambahan kugiran pada waktu malam dan memasang 'gramophone' pada waktu siangnya.. Perubahan dan pembaharuan dari segi dipandang oleh generasi lama sebagai bertentangan dengan norma-norma asas masyarakat tani ini. Gejala moden itu dipandang sebagai bertentangan dengan sikap hidup konservatis mereka. Sebagai reaksinya mereka akan menunjukkan sikap pertentangan

dengan cara mempengaruhi teman-teman yang sefahaman dengan mereka supaya melancarkan gerakan penteng kenduri atau perjumpaan sosial yang lain.

PERTEMBUNGAN NILAI

Pertembungan antara nilai-nilai moden dengan nilai-nilai tradisi mewujudkan satu situasi konflik yang mana akan menyebabkan masyarakat tani ini berada keadaan dilema. Nilai adalah sesuatu yang absen dalam erti kata yang ia tidak dapat dipegang dan tidak boleh dirasa oleh manusia. Secara umum dapat dikatakan yang nilai bukannya benda, bukan perlakuan dan bukan ciptaan. Tapi nilai adalah merupakan fikiran, anggapan dan kadang-kadang perasaan manusia terhadap pentingnya dan berfungsinya sesuatu benda itu, baik dan patutnya sesuatu perlakuan itu atau indahnya sesuatu ciptaan itu. Nilai yang terdapat pada sesuatu masyarakat itu adalah berbeda dengan satu masyarakat yang lain. Perbedaan nilai juga berlaku antara seorang individu-individu yang lain. Begitu juga di antara satu budaya dengan budaya yang lain. Perbedaan-perbedaan inilah yang mengelibatkan terjadinya konflik antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain; antara seorang individu dengan individu yang lain dan antara satu budaya dengan budaya yang lain bila berlakunya pertembungan.

Generasi lama mendapat sukar untuk menyesuaikan nilai-nilai tradisi mereka dengan nilai-nilai

moden yang asing dengan cara hidup mereka. Pengaruh pengaruh moden itu dianggap sebagai unsur-unsur yang akan meracuni jiwa petani-petani dan anak-anak mereka. Mereka memandang bahawa idea-idea moden dari bandar sebagai sesuatu yang destruktif dan dapat mengganggu keadaan equilibria masyarakat tani di desa. Desebabkan ini, generasi lama selalunya mempunyai sikap yang curiga dan skeptis terhadap sesuatu idea baru yang didatangkan daripada kawasan urban yang muncul bagi bantangan mereka. Idea-idea tersebut akan mewujudkan disharmoni di kalangan masyarakat tani.

Generasi muda pula mempunyai sntu sikap hidup yang baru yang memperlihatkan idea-idea yang bertentangan dengan fahaman lama yang didukung oleh generasi lama itu. Mereka melihat generasi lama sebagai penghalang kepada kemajuan. Oleh kerana ujud sikap negatif terhadap generasi lamamaka konflik yang berdasarkan perbedaan generasi sukar dapat dielakkan. Generasi muda terdedah kepada anasir-anasir moden kerana mereka ini bukan sahaja telah mendapat didikan moden bahkan juga mempunyai kontak yang luas dengan masyarakat di luar desa mereka. Hasil daripada interaksi mereka dengan teman-teman sekerja mereka diCapati berlakulah proses asimilasi dalam mengidentifikasi diri mereka dengan pola-pola hidup dibandar yang dipandang mereka sebagai progresif. Ini dapat dilihat dalam cara hidup mereka, cara mereka berfikir dan cara mensosialisasikan anak-anak mereka. Walau dari segi budaya, tidak dapat dilihat perbedaan tapi

dari segi 'style of life' sudah ada penunjuk-penunjuk yang menampakkan bahawa sudahada satu variasi dalam cara hidup mereka dengan cara hidup desa.

Generasi muda ini dianggap sebagai ultra-modern dalam masyarakat desa dan mereka memperlibatkan 'passive resistance' terhadap generasi lama. Sikap tentangan terhadap fahaman lama yang didulung oleh generasi lama tidak mereka tentang secara terbuka kerana takut menerima 'ostracism' daripada masyarakat. Ini adalah kerana bukan sahaja generasi lama dipandang sebagai berpengaruh dalam institusi-institusi agama, ekonomi dan politik dalam masyarakat ini tapi mereka juga adalah sebagai pelindung dalam mengelakkan cara hidup yang diwarisi mereka daripada generasi-generasi sebelumnya supaya dapat mempertahankan identiti mereka sebagai satu masyarakat yang viable. Oleh itu generasi muda dengan pandangan hidup yang kontra itu terpaksa tunduk atau conform dengan kehendak-kehendak masyarakat dalam beberapa aspek supaya dapat dihindarkan ketegangan sosial.

Dari aspek politik generasi muda ini mempunyai satu pandangan yang luas dalam artikata bahawa mereka ini berkesempatan mengikuti perkembangan-perkembangan politik melalui pempen-kempen parti yang mereka hadiri di bandar dan juga berdcilog tentang soal-soal politik dengan teman-teman sekerja. mereka ini mempunyai satu pendangan yang rasional terhadap politik kerana bukan sahaja mereka ini terdiri daripada gulungan

yang 'literate' yang dapat mengikuti perkembangan-perkembangan politik melalui akhbar-akhbar tapi juga oleh kerana pergaulan mereka yang luas yang mana membolehkan mereka bertukar-tukar fikiran dengan cara yang lebih terbuka.

Perbedaan fahaman kepartian yang sama ada diwarisi mereka atau pun diperolehi dalam proses penyertaan mereka dalam politik, merupakan faktur yang menimbulkan unsur 'fission' atau pecah belah antara penyokong-penyokong U.N.M.O dengan PAS. Tapi dalam aspek agama terdapat satu tenaga yang menyatukan penduduk-penduduk desa ini dalam satu ikatan simpati. Penduduk-penduduk desa ini semuanya beragama Islam dan keislaman mereka itu adalah mungkin secara warisan. Ugama Islam merupakan satu kesatuan bersama yang menyatukan dan bukan memecahkan orang-orang Melayu dari semua gulunga, (4) Agama merupakan sebagai satu kawalan sosial dalam membendung masyarakat desa ini supaya tidak terkeluar daripada nilai-nilai Islam dan budaya hidup Melayu. Elemen agama dipandang sebagai satu ikatan kesatuan yang mengikat individu-individu dan menjadi benteng yang kuat terhadap sebahagian unsur-unsur moden yang destruktif yang boleh menanam benih-benih perpecahan bukan sahaja dalam satu-satu famili bahkan bagi seluruh masyarakat desa.

(4)

J.M.Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tengah Melayu Barat (Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur 1970) n.s. 223.

Ada institusi-institusi agama di desa ini yang dapat dijadikan sebagai katalisator dalam menciptakan fusion atau penyatuan di kalangan penduduk-penduduknya. Selain daripada sehubungan di mesjid pada tiap-tiap hari, upacara-upacara lain yang penting yang benar-benar merupakan keislaman ialah Hari Raya, Maulud Nabi, Israk dan Mikraj di mana penduduk-penduduk desa ini akan turut meraih dalam suasana yang muhibah untuk kepentingan Shiar Islam. Pada upacara-upacara seperti ini dapat dilihat suatu solidariti yang kukuh yang membelah segala sikap permusuhan, fahaman kepartian dan persengkitaan antara individu-individu dalam masyarakat ini. Islam sebagai agama menekankan kepada soal-soal perpaduan sosial, kerjasama dan empatnesia umat-umatnya. Dengan itu nyatalah bahwa konflik dalam ideologi parti yang terdapat pada masyarakat ini hanya bersifat sementara dalam hakikat hidup yang 'internalise' yang menjadi kelaziman masyarakat ini. Fahaman kepartian ini ujud hanya pada peringkat lahiriah sahaja di saat kemuncaknya kempen-kempen pilihanraya tersebut diadakan.

Dalam masyarakat ini terdapat satu susunan ikatan sosial yang ditentukan oleh perhubungan darah atau pun perkawinan atau pun melalui hubungan fictive. Ketiga-tiga bentuk hubungan ini merupakan salah satu daripada 'structural devices' yang dapat mempertalikan susunan sosial masyarakat desa. Oleh kerana ada klien-

tan-ikatan penghubung serupa ini, maka didapati ujud kooperasi di antara individu-individu dalam masyarakat apabila keadaan memerlukan kerjasama anggota-anggotanya, umpamanya bila timbul sesuatu kematian atau sakit demam dan sebagainya. Dalam keadaan seperti ini seluruh penduduk-penduduk kampung akan dikerahkan tenaga mereka untuk memberi apa jua sumbangan sama ada yang berupa material atau pun bukan material bagi membantu mereka-mereka yang memerlukan pertulungan. Apabila situasi seperti ini timbul, biasanya segala sikap dan fahaman kepartian itu akan diketopikan dan perhatian sepenuhnya akan ditumpukan kepada soal 'local life', yang meminta penyelesaian secara kolektif. Dengan ini dapatlah dibuat satu rasional bahawa pertelagahan dari segi ideologi parti yang berlainan itu hanya mewujudkan sikap segregasi pada peringkat perlakuan sahaja tapi tidak pada 'felt level'. Segregasi hanya ujud pada aktiviti-aktiviti sosial dan tidak menjaskannya aktiviti-aktiviti-agama kerana agama merupakan sesuatu yang universal dan menjadi milik umum.

Walau pun ada gulungan-gulungan yang cuba menghubungkan agama dengan politik khususnya PAS, ini adalah kerana fahaman mereka yang sempit dan merupakan satu taktik politik untuk memancing undi sebahagian daripada penduduk-penduduk desa. Pendapat dan fikiran penyayang-penyokong U.H.N.O membentangkan bahawa agama Islam tidak dapat dikembangkan melalui politik seperti apa yang dilaungkan oleh PAS kerana

politik lebih menekankan unsur paksaan. Beberapa orang penyokong U.M.N.O menegaskan bahawa penyiaran agama Islam yang efektif haruslah dikendalikan oleh satu badan yang neutral yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana ideologi parti. Bagi mereka ini diayah PAS yang cuba mempropagandakan perjuangan Islam melalui politik adalah satu tindakan politik yang kurang ber-asas dan mengabui pandangan rakyat yang berugama Islam. Ini menyebabkan perpecahan umat-umatnya kerana PAS cuba menggabungkan politik dan agama.

Dalam aktiviti-aktiviti agama dan aktiviti-aktiviti sosial yang berhubung dengan kematian dan sakit demam, tidak ujud diskriminasi antara sesama penduduk-penduduk desa ini. Konflik sosial yang ujud di kalangan puak-puak parti itu sebenarnya adalah disebabkan oleh perbedaan-perbedaan nilai dan kepentingan penyokong-penyokong parti yang tertentu. Kebanyakan penduduk-penduduk desa ini tidak mengerti apakah perubahan-perubahan atau pun keuntungan-keuntungan yang akan mereka perolehi nanti dengan memberi sokongan kepada parti-parti politik pilihan mereka.

COALITION POLITICS DAN KESAMAAN

Segregasi yang ujud antara penyokong-penyokong U.M.N.O dengan penyokong-penyokong PAS tidak berlanjutan dalam artikata yang segregasi itu hanya kuat intensitinya pada musim pilihanrsya dan tidak berkekalan sehingga menjadikan satu rukun hidup penduduk-

penduduk desa. Intensity persengkitaan itu makin lama, makin pudar dan hanya meninggalkan suatu kenangan pahit pada masyarakat ini beberapa lama sesudah berakhirnya oilihanraya. Dengan terbentuknya coalition politicks pada peringkat nasional, lebih-lebih lagi dengan ujudnya kerajaan bercampur antara PAS-Perikatan di Kelantan, Gerakan-Perikatan di Pulau Pinang dan Perikatan-P.P.P. di Perak, didapati perubahan-perubahan tentang sikap penduduk-penduduk desa juga turut berlaku. Masyarakat tani mukim ini memandang perubahan politik pada peringkat nasional sebagai satu pertanda yang memungkinkan perpaduan antara 'factionalists' bukan sahaja bagi penyokong-penyokong U.M.N.O dan PAS di mukim ini tapi juga di bahagian-bahagian negara yang lain di mana sebelumnya itu terdapat sikap komunalisme yang kuat antara penyokong-penyokong berbagai parti politik dalam negeri ini menjadi punca ketegangan kaum-kaum di Malaysia. Walau pun terdapat persetujuan atau consensus hanya diberi kepada percampuran parti-parti politik yang tertentu sahaja.

JADUAL XXI

SIKAP TERHADAP PEMBENTUKAN KERAJAAN BERCAMPUR

KERAJAAN BERCAMPUR	BILANGAN	PERATUS
PAS - Perikatan	43	61.4
Gerakan - Perikatan	25	35.7
Perikatan - P.P.P.	2	2.9
Bilangan Responden	70	

Jadual XXI di atas menunjukkan satu perubahan dalam sikap penduduk-penduduk mukim ini tentang pembentukan kerajaan bercampur antara PAS-Perikatan; Gerakan-Perikatan; Perikatan-P.P.P. Daripada 70 orang responden, didapati 61% menyetujui tentang percampuran PAS-Perikatan. Pandangan yang diberi oleh mereka ialah bahawa dengan terbentuknya kerajaan bercampur itu maka dapatlah dipadukan seluruh tenaga pemimpin-pemimpin U.M.N.O dan PAS untuk mencapai metelanat kemajuan dan pembangunan orang-orang Melayu seluruhnya dengan tidak ada diskriminasi oleh kerajaan pusat supaya projek-projek pembangunan negara akan dapat berjalan dengan lancar. Mereka juga berpendapat yang percampuran itu adalah satu langkah yang bijak kerana ini dapat menyatukan tenaga orang-orang Melayu seluruhnya kepada satu 'political force' yang mana terdahulu daripada itu orang-orang Melayu adalah berpuak-puak. Percampuran seumpama ini adalah perlu untuk faedah orang-orang Melayu dari segi politik, ekonomi dan sosial. Mereka juga percaya bahawa dengan adanya percampuran ini maka dapatlah diusahakan mencari jalan bagi mengatasi masalah kemiskinan orang-orang Melayu dan pembangunan negara secara global oleh pemerintah. Ini adalah kerana dilema kemiskinan orang-orang Melayu bukan hanya terdapat pada pengikut-pengikut parti PAS atau parti U.M.N.O sahaja tapi adalah dominan bagi semua orang Melayu tanpa mengirakan parti politik mana yang mereka anuti. Jadi gabungan U.M.N.O-PAS adalah satu

perkembangan yang baik untuk mewujudkan kestabilan politik dan sosial bagi nasyarahat Melayu seluruhnya. Dalam persidangan khas U.M.N.O di Dewan Bahasa Pustaka pada 22hb. Disember, 1973, Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia menegaskan,

"Kita telah banyak berpolitik dan sekarang dengan adanya kerajaan bercampur ini, dapatlah dikurangkan untuk menggerakkan pula usaha kita ke arah pembangunan." (5)

Percampuran antara parti-parti Gerakan-Perikatan dan Perikatan-P.P.P kurang mendapat persetujuan responden kerana kedua-dua parti politik tersebut yakni Gerakan dan Peoples Progressive Party (PPP) lebih banyak mewakili kepentingan besar kelumpuk ethnik Cina. Mereka berpendapat bahawa kedua-dua parti ini pada satu masa dahulu adalah bersifat 'non conformist' terhadap dasar-dasar kerajaan walaupun dasar-dasarnya membawa keuntungan bersama untuk rakyat Malaysia. Daripada jumlah responden tersebut hanya lebih kurang 36% menyetujui kerajaan bercampur antara Gerakan-Perikatan dan lebih kurang 3% sahaja yang menyetujui kerajaan bercampur antara Perikatan dan PPP.

Mereka yang menyetujui kerajaan bercampur antara Gerakan-Perikatan itu menyatakan yang kerajaan bercampur adalah perlu kerana memandangkan kurangnya

(5)

Kata-kata ini dipetik daripada ucapan Tun Razak sebagai Presiden U.M.N.O dalam Sidang Khas U.M.N.O bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka yang disiaran oleh Utusan Melayu pada 22hb. Disember, 1972.

perwakilan ahli-ahli undangan negeri yang terdiri daripada orang-orang Melayu untuk mewakili orang-orang Melayu dalam Dewan Majlis Undangan Negeri Pulau Pinang yang dikuasai oleh Parti Gerakan. Dengan adanya kerajaan bercampur di Pulau Pinang maka akan terjelmalah kerjasama antara Perikatan dan Gerakan dalam sistem pemerintahan negeri itu supaya dapat dilaksanakan projek-projek pembangunan bagi kepentingan semua kaum.

Di peringkat mukim Sungai Loksam, didapati bahawa penubuhan kerajaan bercampur telah membawa kesan perubahan kepada masyarakatnya dari segi integrasi sosial. Penubuhan kerajaan bercampur Perikatan-PAS di peringkat nasional telah melahirkan sikap persefahaman di kalangan penduduk-penduduk desa ini. Sikap antagonistic yang dahulu ujud di antara penyolong-penyokong U.M.N.O dan PAS itu kini mengalami perubahan dan bertukar kepada sikap toleransi. mereka yang menyokong percampuran Perikatan-PAS memperlihatkan suatu sikap yang optimistik tentang perkembangan politik negara di masa hadapan. mereka juga membayangkan bahawa penubuhan kerajaan bercampur bukan sahaja antara Perikatan-PAS tapi juga parti-parti politik yang lain dalam negeri ini akan dapat menjaminkan perhubungan ras yang harmonis dalam masyarakat Malaysia yang berbentuk 'plural society' (6) ini.

(6)

Furnivall has defined a 'plural society' as one comprising two or more communal groups living side by side, but separately, within the same political unit. J.S.Furnivall, Colonial Policy and Practice (Cambridge University Press 1948) m.s.304

Di samping itu kebanyakkan penduduk-penduduk mukim ini juga melahirkan sikap skeptisma terhadap perkembangan politik di negara kita ini dengan terbentuknya beberapa kerajaan bercampur. Mereka ini mengakui bahawa walau pun kerajaan bercampur itu adalah baik untuk rakyat Malaysia seluruhnya tapi keburukanya ialah bahawa percampuran itu mungkin melemahkan parti-parti pembangkang di Parlimen. Mengikut pandangan mereka parti-parti pembangkang yang kuat adalah perlu untuk beraksi sebagai 'check and balance' bagi menjamin kekuahan demokrasi dalam negeri ini. Parti-parti pembangkang yang kuat akan dapat bertindak sebagai pengkritik kepada setengah daripada perlaksanaan dasar-dasar kerajaan yang tidak menguntungkan rakyat. Apa yang ditetaskan mereka ialah tentang struktur pemerintahan yang benar-benar bersifat demokrasi yang dapat menjamin kebebasan dalam politik.

BAB KELAMAH

PENUTUP

Malaysia seperti juga dengan negara-negara Afro-Asia yang lain, menghadapi dua masalah pembangunan yang pokok. Pertama ialah pembangunan dalam bidang politik dan kedua pembangunan dalam bidang ekonomi. Dalam setiap negara yang baru membangun dan terlepas daripada kongkongan penjajahan barat, didapati guluhanan terbanyak dari rakyat berada dalam keadaan secukup hidup. Ini menyebabkan rakyat sedar bahawa kemerdekaan politik memberi sedikit makna sahaja kalau tidak disertai dengan kemerdekaan ekonomi.

Peranan pemerintah bukan sahaja meliputi penentuan dalam mencapai sesuatu matlamat ekonomi, keharmonian sosial dan ketabihan politik tapi juga berusaha untuk mendapatkan consensus seluruh penduduk Malaysia sama ada di kawasan urban atau pun di luar bandar terhadap strategi-strategi pembangunan kerajaan. Ini memerlukan penyertaan rakyat dalam arena politik supaya ujud koordinasi antara rakyat dan pemerintah dalam mengimplementasikan projek-projek pembangunan.

Malaysia adalah sebuah negara 'primary producers' yang mengeluarkan hasil-hasil mentah seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan galian-galian

lain untuk 'survival' negeri ini. Produksi hasil hasil mentah ini dikerjakan oleh majoriti penduduk yang mendiami di kawasan-kawasan luar bandar. Masyarakat luar bandar adalah menjadi nadi bagi negara ini kerana hasil dari keringat mereka maka dapat diimplimankan pembangunan dalam negeri ini. Tapi apa yang dilaksali ialah bahawa kebanyakannya daripada pembangunan-pembangunan itu seperti industri-industri ditumpulkan di kawasan-kawasan urban dengan hanya memberikan sedikit perhatian terhadap pembangunan desa.

Jurang ekonomi yang ujud antara masyarakat urban dan masyarakat luar bandar telah menyedarkan gulungan proletar ini tentang kurangnya penekanan yang diberi oleh pemerintah untuk membaiki nasib hidup mereka yang serba ketinggalan dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan politik. Ini telah mendorongkan mereka untuk bergiat dalam politik sebagai satu usaha bagi mewujudkan persamaan dalam bidang-bidang tersebut = politik, ekonomi dan sosial.

Dari segi politik, masyarakat desa merupakan satu tenaga politik yang tidak dapat diabaikan oleh pemerintah. Ini bermakna adalah menjadi satu keperluan politik yang terpenting kiranya sesuatu parti politik itu ingin mengakalkan regimnya maka sebarang rancangan pembangunan hendaklah menekankan kepada soal untuk memberi sebanyak mungkin kaedah kepada penduduk kawasan luar bandar ini walaupun keuntungannya dari segi pertambahan kepada ekonomi negara seluruhnya

kurang meyakinkan.

Kesedaran politik masyarakat tanah Mu'lim Sungai Loken ini dapat ditinjau dari dua aspek. Pertama ialah gulungan yang dikatakan pasif terhadap politik dan kedua ialah gulungan yang aktif dalam politik yang dianggap sebagai mempunyai kesedaran politik yang lebih. Mereka yang tergulung dalam kategori pertama yaitu gulungan yang pesif, didapati mereka ini kurang terdedah kepada punca-punca politik. Disamping itu mereka juga didapati mempunyai daya menakkul yang rendah bagi memahami berita-berita yang disuntingkan dalam akbar-akbar, radio dan juga talivisyen. Gulungan ini hanya mendapat pendidikan yang minima sahaja, yakni pendidikan agama dan sedikit pendidikan sekolah rendah. Pendangan mereka terhadap politik adalah berorientasikan perlukan. Dan juga penglibatan mereka dalam aktiviti politik negri ini adalah pada peringkat minima. Penyertaan mereka dalam politik adalah disebabkan oleh tekanan social masyarakatnya, lebih-lebih lagi kerana dorongan pemimpin-pemimpin politik desa.

Berbeda dari gulungan yang pertama tadi, gulungan kedua yang dikatakan aktif dalam politik itu mempunyai kesedaran politik yang lebih dalam erti kata yang mereka ini sering terdedah kepada punca-punca politik,yakni mass media seperti akbar, radio, talivisyen dan kompon-kompon parti politik. Mereka juga

mempunyai daya pemahaman yang tinggi terhadap berita-berita yang tersiar dalam akbar-akbar dan radio. Sikap dan pandangan mereka terhadap politik sebahagian nya adalah ditentukan oleh sikap serta pandangan yang berorientasikan moden. Gulungan ini menyedari bahawa segala polisi-polisi kerajaan secara tidak langsung adalah melibatkan diri mereka dan masyarakat seluruh nya. Oleh itu dapat dikatakan bahawa mereka ini secara sedar dan aktif memberi sokongan atau kooperasi terhadap apa juga polisi yang menguntungkan bangsa dan masyarakat mereka.

Penyertaan penduduk-penduduk desa ini dalam politik melahirkan beberapa orang pemimpin-pemimpin tan ni yang berfungsi sebagai patron dalam menghubungkan penduduk-penduduk desa ini dengan elite-elite politik yang terdapat di bandar. Peranan patron penting dalam menggerakkan sokongan penduduk-penduduk desa kepada calon-calon politik kawasan pilihanraya mereka. Parti yang memerintah meletakkan harapan penuh kepada sokongan pemimpin-pemimpin politik desa ini untuk kejayaan parti mereka.

Mukim Sungai Loran ini mempunyai satu sistem komunikasi yang baik yang menghubungkan kawasan ini dengan lain-lain bahagian negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya dan Malaysia umumnya. Dengan adanya infra-structure yang baik ini, beraneka pemimpin-pemimpin politik peringkat nasional dan juga daerah dapat menghubungi pengundi-pengundi desa ini wala

pun mereka tinggal di kawasan luar bandar. Tambahan pula dengan ujudnya sebuah cawangan parti U.M.N.O di kawasan ini, maka kader-kader politik dapat memainkan peranan penting dalam usaha menyampaikan propaganda-propaganda politik kepada penduduk-penduduk desa tentang perubahan-perubahan yang berlaku dalam arena politik. Dengan ini senantiasa terdapat kesedaran politik tentang apa yang dilakukan oleh pemerintah. Juga dengan adanya cawangan parti U.M.N.O dan lawatan oleh pemimpin-pemimpin parti politik ke kawasan ini, dipercayai bahawa benteng antara pemerintah dengan yang diperintah boleh dikatakan tidak ujud.

Penduduk-penduduk desa ini memandang ahli-ahli politik Melayu sebagai punca atau tempat untuk mendapatkan faedah daripada sistem politik yang ujud dalam negeri ini. Mereka menganggap bahawa pemimpin-pemimpin desa seperti Penghulu, Imam, guru, kerani atau pegawai-pegawai kerajaan yang lain yang terdapat dalam masyarakat mereka, sebagai pemimpin-pemimpin pembangunan masyarakat dan juga sebagai patron yang merupakan saluran bagi mendapatkan bantuan-bantuan ekonomi dan sebagainya daripada kerajaan.

Penyertaan penduduk-penduduk desa ini dalam politik sejak tahun-tahun kebelakangan ini telah meninggikan aspirasi mereka terhadap kerajaan tentang bantuan-bantuan ekonomi dan sosial. Kerajaan telah memberikan beberapa bentuk bantuan kepada mereka ini menerusi Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Rancang-

an Pembangunan Luar Bandar ini lebih merupakan instrumen politik untuk mendapatkan sokongan undi daripada penduduk-penduduk desa. Penduduk-penduduk desa menaruh harapan dan kepercayaan yang tinggi terhadap bantuan ekonomi kerajaan dan yakin yang Rancangan Pembangunan Luar Bandar dapat mengatasi dilema kemiskinan orang-orang Melayu.

Kesedaran penduduk-penduduk kawasan ini dalam islam politik telah menguatkan lagi perasaan perkauman mereka dan juga identiti mereka sebagai bangsa Melayu. Sokongan yang mereka berikan kepada kerajaan bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak hak dan keistimewaan bagi orang-orang Melayu kerene mereka percaya hanya dengan berjuang melalui U.N.N.O maka langkah-langkah untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk desa dapat dilaksanakan.

Pendedahan kepada punca-punca politik seperti akhbar, radio dan sebagainya akan membuatkan mereka ini menggantungkan harapan akan kehendak-kehendak hidup yang basic daripada kerajaan. Penduduk-penduduk desa ini akan merasai tenteram dan seolah-olah aspirasi mereka sudah dipenuhi apabila mereka memperolehi masjid, sekolah, jalan raya, ayer paip, lotrik, beli raya, dan jambatan di kawasan perdesaan mereka. Apabila tingkat pendidikan penduduk-penduduk ini dan juga pendedahan kepada mass media bertambah, ada kemungkinan bahawa mereka ini akan menjadi lebih kritis terhadap pergolakan politik dalam negeri ini dan akan le-

bih bersikap menentang terhadap ketidakseimbangan ekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Dalam keadaan ini dapat dibayangkan bahawa penentangan mereka dan juga penentangan daripada penduduk-penduduk desa seluruhnya yang tersobar dalam negeri ini akan dapat menggoncangkan kedudukan pemerintah yakni parti Perikatan dan seterusnya akan mengancam kestabilan politik negeri ini.

Walau pun terdapat sedikit perasaan tidak puas hati terhadap setengah daripada dasar-dasar pemerintahan kerajaan tapi dapat dijangkakan bahawa tipis sekali akan berlaku 'lompat melompat' daripada menjadai ahli kepada politik yang sekarang ini kepada parti yang lain oleh penyokong-penyokong parti U.M.N.O ini; kecuali parti yang alternatif itu dapat mempropagandakan lebih banyak keuntungan ekonomi dan sosial kepada mereka khususnya dan orang-orang Melayu umumnya. Dalam jangka waktu yang panjang, apabila bertambahnya kegiatan penduduk-penduduk desa dalam politik dan mula mereka mengakann tekanan dan pengaruh kepada kerajaan maka kemungkinan berlaku bahawa dasar-dasar pemerginan kerajaan akan lebih berbau politik dan akan memberikan keuntungan kepada kumpulan etnik yang tertentu dan mengurangkan kepentingan kumpulan etnik yang lain. Ini akan menimbulkan 'factionalism' di kalangan penyokong-penyokong parti Perikatan yang inter-communal. Gejala yang scumpas ini akan mengurangkan integrasi antara ras dan akan membawa kepada 'political decay'

sebegaimana kata Huntington,

"... rapid politicization can undermine political institutions and produce political decay rather than political development." (1)

Politik yang bersandarkan kekuatannya kepada sentimen kaum-kaum yang tertentu bukan sahaja menyemaikan benih-benih konflik sosial tapi juga akan membawa kepada hancuran kestabilan politik. Kestabilan politik kini sudah dinikmati oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum sejak enam belas tahun yang lampau selepas tercapainya kemerdekaan. Tokoh-tokoh politik haruslah sedar tentang hakikat bahawa masyarakat Malaysia adalah berbentuk 'plural society' dan usaha haruslah dicari bagi mewujudkan keharmonian sosial antara kaum. Dan untuk ini Ratnam mensaranakan,

"If on the other hand, a solution is sought for the communal problem, it will be necessary for the different communities not only to respect each other's special characteristics but also to accept them as political irrelevant" (2)

Masalah yang menekan yang dibedeki oleh Malaysia dewasa ini ialah masalah menyatupaduan berbagai-bagai kaum di Malaysia supaya menjadi satu 'political community'. Dan usaha hendaklah dicari bagi

(1)

Samuel P. Huntington, "Political Development and Political Decay," *World Politics* (Volume XVII, No. 3 April 1965) n.s.286.

(2)

Ratnam, K.J. *Communalism and the Political Process in Malaysia* (University of Malaya Press, Kuala Lumpur 1965) n.s. 211.

membasmi dan perasaan perkauman antara kumpulan-kumpulan ethnik supaya dapat diujudkan suatu masyarakat yang benar-benar dapat dikatakan masyarakat Malaysia.

Universiti Malaya

KEPUSTAKAAN

1. Allan R. Ball. Modern Politics and Government.
Mac Millan Press Limited, London, 1971.
2. Djamour, Judith. Malay Kinship and Marriage in Singapore, London: The Athlone Press, 1965.
3. Fisk, E.K. "Features of the Rural Economy." The Political Economy of Independent Malaya.
Edited by T.H. Silcock and E.K. Fisk.
Berkeley and Los Angeles: University of California Press, 1963.
4. Furnivall, J.S. Colonial Policy and Practice. Cambridge, Cambridge University Press, 1948.
5. Goode, William J., and Hatt, Paul K. Methods in Social Research, New York: Mc Graw - Hill Book Company, Inc. 1952.
6. Gullick, J.M. Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.
7. Hang Tuah bin Arshad, Ilmu Politik, Donald Moore Press Limited, Singapore, 1966.
8. Huntington, Samuel P. Political Development and Political Decay, World Politics, Vol. XVII, No. 3, April 1965.
9. Kroeber, A.L. Anthropology. New York: Harcourt, Brace and Company, 1948.
10. Loomies and Beegle. Rural Sociology. The Strategy of Change. Englewood Cliffs, N. J. Prentice Hall, 1964.
11. Mills, Lennox A. Malaya: A. Political and Economic Appraisal. Minneapolis: University of Minnesota Press, 1953.
12. Milne, R.S. Government and Politics in Malaysia. Boston: Houghton Mifflin Company, 1967.

13. Myint, H. Economic Theory and the Underdeveloped Countries. Oxford University Press, London, 1971.
14. Palmer, J. Norman. "Malaysia." Government and Politics in South East Asia. 2nd ed. Edited by George Mc. Turnan Kahin. Ithaca: Cornell University Press, 1964.
15. Ratnam, K.J. Communalism and the Political Process in Malaya. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1965.
16. Ratnam, K.J., and Milne, R.S. The Malayan Parliamentary Election of 1964. Singapore: University of Malaya Press, 1967.
17. Roff, William. The Origins of Malay Nationalism. New Haven: Yale University Press, 1967.
18. Shanin, Teodor. Peasants and Peasant Societies. Penguin Books Ltd., Harmondsworth, Middlesex, England, 1971.
19. Silcock, T.H. "Communal and Party Structure." The Political Economy of Independent Malaya. Edited by T.H. Silcock and E.K. Fisk. Berkeley and Los Angeles: University of California Press, 1963.
20. Syed Husin Ali. Social Stratification in Kampung Bagan, A Study of Class, Status, Conflict and Mobility in a Rural Malay Community. Singapore: Monograph of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 1964.
21. Tunku Abdul Rahman. May 13 Before and After. Utusan Melayu Press Limited, Kuala Lumpur, 1869.
22. Ungku Abdul Aziz. Land Disintegration and Land Policy in Malaya: Malayan Economic Review, Vol. III, No. 1, April, 1958.
23. Wolff, Robert J. Modern Medicine and Traditional Culture: Confrontation on the Malay Peninsula; Human Organisation. Vol. 24, No. 4, 1965.